



يٰا سِرِّ سُلْطَانِ حاجِ حَسَنَ الْبُلْكِيَّهُ:
تَرَاسُ كَاسِيَهُ دَانِ اِحْسَانٍ

**YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH:
TERAS KASIH DAN IHSAN**



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاٰ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

 *Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



A large, ornate, black calligraphic letter 'K' with decorative loops and flourishes.

*Ke^{ba}wah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Binti Al-Marhum
Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam*





يٰا سٰن سُلٰطٰن حٰجٰ حٰسٰن الْبُلْقٰيْهِ :
تَرَاسْ كَاسِيْهِ دَانْ اِهِسَانْ

**YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH:
TERAS KASIH DAN IHSAN**

Diterbitkan oleh
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BA 1511,
Negara Brunei Darussalam.

Hak cipta © Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, 2018

Cetakan pertama 2018

"Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Teras Kasih dan Ihsan"
diterbitkan sempena meraikan Sambutan Jubli Perak Penubuhan
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

*Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang
mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini
dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat
keizinan bertulis daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan

240p. 29.5 cm x 24 cm
ISBN No. 978-99917-42-04-5

Reka Bentuk Hiasan Luar dan Dalam : Brunei Press Sdn Bhd







Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di Majlis Pengisytiharan Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Peletakan Batu Asas Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 14 Rabiulakhir 1413 bersamaan 12 Oktober 1992

Titah

"Marilah kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah melimpahkan rahmat-Nya kepada kita, sehingga dapat berkumpul pada hari ini untuk menyaksikan satu lagi acara Sambutan Jubli Perak Beta Menaiki Takhta.

Sepertimana yang dihasratkan, bahawa Sambutan Jubli Perak Beta ini, di samping untuk mengenang sejarah pemerintahan Beta selama 25 tahun, juga tujuan yang lain, ialah untuk menzhahirkan kesyukuran kita terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala atas nikmat-Nya mengizinkan pemerintahan ini berjalan dengan baik dan teratur.

Memandangkan ini, Beta rasa adalah wajar bagi Beta untuk berbuat sesuatu, yang boleh menjadi tanda atau lambang kesyukuran itu, yang nanti dapat dinikmati faedahnya oleh rakyat dan penduduk.

Maka di saat yang amat berbahagia ini, Beta dengan sukacita mengumumkan penubuhan sebuah yayasan yang akan menjadi ristaan kekal zaman pemerintahan Beta. Yayasan ini akan berfungsi menurut dasar-dasar atau tujuan-tujuan yang telah ditetapkan, iaitu sebagai "Amal Jariah" ataupun

"Derma Khairat" Beta dan ahli keluarga Beta. Ianya akan boleh menghulurkan derma bagi faedah-faedah keugamaan, kebajikan, pendidikan dan lain-lain seumpamanya.

Yayasan ini akan dipanggil dengan nama "Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah".

Sebarang permohonan bantuan kewangan yang tidak terkandung di dalam skim Kerajaan Beta, akan dikendalikan oleh Yayasan ini. Dan untuk modal awal Yayasan, Beta Insya Allah, akan mengurniakan sejumlah wang, sementara tambahannya jika perlu akan dikeluarkan dari masa ke semasa.

Dengan wang daripada Beta dan keluarga Beta ini, Yayasan bolehlah berfungsi sebagai sebuah badan komersil yang bebas, dengan menjalankan perniagaannya sendiri, supaya dengan cara itu dapatlah pula ia menambahkan kewangan bagi tujuan-tujuan pengendalian dan pentadbiran.

Tegasnya, Yayasan adalah bebas untuk memikir dan membuat rancangan-rancangannya seperti mengambil bahagian dalam apa-apa juga aktiviti

ekonomi, yang bersesuaian dengan konsep dan tujuan Yayasan. Maka ke arah ini, Beta adalah mengambil maklum bahawa bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, selain daripada menempatkan Pejabat Yayasan sendiri, juga akan mempunyai ruang-ruang untuk disewakan bagi maksud-maksud perniagaan. Semua hasil keuntungannya kelak akan terpulang kepada Yayasan semata-mata.

Bagi melaksanakan beberapa jenis tanggungjawab, seperti membuat hal ehwal pentadbiran, maka Yayasan akan mempunyai sebuah Lembaga Pengarahnya. Demikian juga, bagi mengawas dan memastikan perjalanananya sentiasa lurus, yakni tidak menyeleweng, maka sebuah badan yang dinamakan Jemaah Tadbir juga akan dilantik.

Beta berharap, kedua-dua Lembaga Pengarah dan Jemaah Tadbir ini akan menjalankan tugas mereka masing-masing dengan baik, cekap dan efisien."

Majlis Pengisytiharan Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
dan Peletakan Batu Asas Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
pada 14 Rabiulakhir 1413 bersamaan 12 Oktober 1992





*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi
Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam bertitah di Majlis Junjung
Kasih Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10
Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
pada 15 Rabiulawal 1424 bersamaan 17 Mei 2003*

Titah

"Beta sungguh bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat hadir bersama-sama di majlis yang bersukut baik ini, iaitu majlis yang disempenakan dengan Sambutan Memperingati Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yayasan ini ditubuhkan adalah sebagai amal jariah Beta dan ahli keluarga Beta untuk menyalurkan bantuan-bantuan yang perlu mengikut kesesuaian dan keadaan.

Ia diharatkam bagi memenuhi tuntutan-tuntutan sosial dan kebijakan untuk rakyat di dalam berbagai bentuk sumbangan dan bantuan.

Sumbangan dan bantuan itu, mungkin saja melibatkan latihan-latihan atau bimbingan-bimbingan di dalam berbagai bidang yang akan membolehkan penerima-penerimanya mendapat kemahiran dan kelayakan. Hanya dengan melalui kemahiran dan kelayakan sahajalah taraf hidup dapat dibina dan ditingkatkan.

Beta berharap, penerima-penerima bantuan akan dapat benar-benar memanfaatkannya sehingga pada akhirnya mereka itu tidaklah lagi akan semata-mata bergantung kepadanya.

Beta gembira mengetahui bahawa Yayasan telah melaksanakan beberapa projek dan aktiviti yang berkebajikan serta dapat pulak mempertingkatkannya dari masa ke semasa menurut kesesuaian dan keadaan.

Apabila menyebut tentang projek dan aktiviti Yayasan, Beta tidaklah lupa, dan bahkan perlu menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha yang telah memberikan khidmatnya yang istimewa kepada Yayasan sehingga ia tertubuh dan dilancarkan. Kepimpinan dan semangat kerja beliau itu patutlah menjadi ikutan. Kita sesungguhnya sentiasa mengenang akan jasa beliau yang amat menyerlah

dan mudah-mudahan Allah jua yang akan mengurniakan ganjaran kepadanya.

Sehubungan itu, Beta juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Yayasan yang telah bertungkus-lumus melaksanakan tujuan amal jariah Beta dan ahli keluarga Beta.

Demikian juga terima kasih yang sama ialah kepada semua mereka yang telah memberikan bantuan dan kerjasama kepada Yayasan ini dari semenjak penubuhannya, serta tidak terkecuali pihak-pihak yang terlibat yang bersama-sama menjayakan majlis-majlis sambutan bagi memperingati ulang tahun ke-10 penubuhan Yayasan."

Majlis Junjung Kasih Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10
Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
pada 15 Rabiulawal 1424 bersamaan 17 Mei 2003



Terasul

Untuk tujuan penulisan buku ini, terasul bagi Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggunakan terasul terkini seperti berikut:

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik

Gelaran

Sepanjang 25 tahun penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, beberapa individu terutamanya Ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah telah disampiri gelaran dan dikurniakan Bintang Kebesaran yang membawa perubahan kepada gelaran masing-masing. Dalam penulisan buku ini, nama-nama individu berkenaan, menggunakan gelaran pada waktu tersebut dan bukannya menggunakan gelaran terkini.

Senarai Singkatan

Yayasan

Kompleks Yayasan

Kurnia Peribadi KDYMM

AIPC-DANA

ASD

ASTERAWANI

BDNAB

BIBD

CSPS

DANA

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim

Autism Spectrum Disorder (Gangguan Spektrum Autisme)

Angkatan Sasterawan dan Sasterawani

Brunei Darussalam National Association of the Blind (Persatuan Orang Buta Kebangsaan Brunei Darussalam)

Bank Islam Brunei Darussalam

Centre for Strategic and Policy Studies (Pusat Kajian Strategik dan Dasar)

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim

DBP
FBEPS
HSBC
KACA
MoU
MUIB
NGO
OKP
OKU
PAPDA

PAPRSB IHS

PAWEK

PBKK

PBSE

PESEBAR

PESTABARU

PIP

PPKKI-YSHHB

PSR

Sekolah Menengah Yayasan

Sekolah Rendah Yayasan

Sekolah SMS

Sekolah Yayasan

SHBIE

SMARTER Brunei

SOBD

SPK

Syarahan Memorial SOAS

TAIB

TASKA

UBD

Dewan Bahasa dan Pustaka
Faculty of Business, Economics and Policy Studies (Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar)
Hongkong and Shanghai Bank Corporation
Persatuan Kanak-Kanak Cacat
Memorandum of Understanding (Memorandum Persefahaman)
Majlis Ugama Islam Brunei
Non-Government Organisation (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan
Orang Kelainan Upaya
Paraplegic and Physically Disabled Association
(Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota)
Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Institute of Health Sciences
(Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah)
Projek Amal Memeduli Warga Emas dan Keluarga yang Memerlukan
Projek Bantuan Kecemasan dan Kemasyarakatan
Projek Bantuan untuk Meningkatkan Sosioekonomi ke Arah Membasmi Kemiskinan
Persatuan Sejarah Brunei
Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam
Program Intervensi Pendidikan
Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Penilaian Sekolah Rendah
Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Sekolah Seri Mulia Sarjana
Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education
(Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah)
Society for the Management of Autism Related issues in Training, Education and Resources
(Persatuan Bagi Pengurusan Autisme dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber)
Special Olympics Brunei Darussalam
(Persatuan Olimpik Khas Brunei Darussalam)
Skim Pembentukan Kebajikan
Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien
Tabung Amanah Islam Brunei
Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Universiti Brunei Darussalam



Kandungan

- xii Sabda Perutusan
- xiv Sekapur Sirih
- xxii Pengertian dan Konsep Logo
- xxiii Prakata

1 Bab 1 Hasrat Murni Seorang Raja

- 2 Sejarah Penubuhan

7 Bab 2 Lahirnya sebuah Yayasan Diraja

- 10 Dasar Penubuhan
- 11 Tujuan Penubuhan
- 14 Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- 16 Projek-projek Yang Terawal

21 Bab 3 Ke Arah Pengukuhan Iman

- 22 Pemedulian Saudara-saudara Baru
- 28 Solat Berjemaah
- 31 Menyemarakkan Bulan Ramadhan
- 34 Meningkatkan Pengetahuan Islam
- 38 Menyempurnakan Ibadah Haji

- 41 **Bab 4 Menyemai Harapan Masa Depan Yang Cerah**
- 42 Sumbangsih: Bantuan Mangsa Kebakaran dan Bencana Alam
- 45 Penawar Hati: Bantuan Perubatan dan Rawatan bagi yang Memerlukan
- 47 Projek Amal Ramadhan: Memedulikan Kebajikan bagi yang Memerlukan
- 48 Mengatasi Kemiskinan: Program Memperkasa Keupayaan Skim Bantuan Perumahan
- 62 Memberikan Sokongan Kepada Golongan Orang Kelainan Upaya
- 65 Bantuan Merentas Sempadan
- 67 Bantuan Kemanusiaan Mangsa Bencana Aceh
- 73 **Bab 5 Mendukung Usaha Menimba Ilmu**
- 75 Skim Biasiswa “Sultan’s Scholar”
- 81 Skim Biasiswa Pendidikan
- 84 Program Intervensi Pendidikan
- 90 Bantuan Pendidikan
- 93 Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
- 102 Bantuan dan Galakan Melalui Program Pendidikan, Penyelidikan dan Perkembangan
- 110 Budaya dan Sastera
- 116 Program Pembangunan Belia

- 119 Bab 6 Melabur Untuk Terus Memberi**
- 129 Bab 7 Tunjang Teras Yayasan**
- 130 Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah
- 146 Pengurusan
- 150 Pegawai dan Kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dari Tahun 1993 hingga 2017
- 153 Rakan Strategik
- 157 Sukarelawan
- 163 Bab 8 Dana Untuk Anak-Anak Yatim**
- 165 Tujuan
- 165 Pendaftaran
- 166 Sumber Kewangan
- 169 Projek Bantuan
- 171 Pengurusan
- 173 Bab 9 Takah Pencapaian Yayasan**

- 183 Bab 10 Mengimbas Pencapaian Masa Lalu Harapan Masa Depan**
- 193 Bab 11 Catatan Lawatan Tetamu Yayasan**
- 199 Bab 12 Imbasan Sambutan Jubli Perak Penubuhan Yayasan**
- 203 Bab 13 Syair Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**



Sabda Perutusan

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Teras Kasih dan Ihsan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillahi Rabbil Aalamin, segala puji-pujian ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan Selawat serta Salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa Sallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala, pada 5 Oktober 1992, satu peristiwa bersejarah telah tercatat di negara ini dengan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ia turut sempena dengan Sambutan Jubli Perak Paduka Ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Ianya ditubuhkan adalah berdasarkan niat murni Paduka Ayahanda sebagai kurnia dan anugerah peribadi Baginda khusus untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang setentunya akan terus dikenang sebagai ristaan abadi zaman berzaman.

Yayasan Paduka Ayahanda ini mendukung konsep yang begitu murni, iaitu sebagai wadah amal jariah Paduka Ayahanda dan Kerabat Baginda untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Negara Brunei Darussalam bertuah mempunyai seorang raja yang sentiasa prihatin dan mengambil berat akan kesejahteraan rakyat dan penduduk Baginda yang sememangnya terkenal sebagai '*The Caring Monarch*'.

Syukur Alhamdulillah, sepanjang 25 tahun penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dapat melaksanakan pelbagai rancangan dan program dalam meningkat dan merangsang perkembangan sosioekonomi serta kesejahteraan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam melangkah arus pemodenan dan demi memastikan kewujudan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terus sentiasa relevan sebagai sebuah institusi sosial terunggul, mampan dan bereputasi serta terus menjadi simbol kecemerlangan dalam pembangunan sosiobudaya dan kebajikan masyarakat, maka Yayasan perlulah mengorak

langkah strategik dalam memastikan ianya tetap utuh dan tidak lari dari tujuan dan asas penubuhannya.

Semoga amal jariah Paduka Ayahanda dan Kerabat Diraja melalui Yayasan ini akan terus dinikmati oleh rakyat dan penduduk buat selama-lamanya dan semoga segala amal jariah Baginda itu akan mendapat keberkatan yang berkekalan dari Allah Subhanahu wa Ta'ala juga.

Memandangkan tarikh 5 Oktober pada tahun 2017 ini juga menandakan genaplah 50 tahun Baginda Menaiki Takhta, maka marilah kita sama-sama berdoa kehadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, semoga Paduka Ayahanda akan sentiasa diberikan rahmat dalam bentuk kesihatan dan umur yang berpanjangan serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Amin.

Sekalung penghargaan kepada semua Ahli Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah dan warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah atas komitmen dan dedikasi mereka yang berterusan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan sekali gus memenuhi dasar dan objektif penubuhannya.

وَبِاللَّهِ التَّوفِيقُ وَالهُدَى وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

PENGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH



Sekapur Sirih

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلٰى أَمْوَالِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ
وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبٰياءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala atas perkembangan positif Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam tempoh 25 tahun penubuhannya.

Dalam dekad awal penubuhannya, Yayasan telah bergiat dalam pelbagai bantuan dan kegiatan sosial bagi menepati hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah terhadap penubuhannya, iaitu memberi bantuan kepada yang kurang bernasib baik atau menyediakan peluang untuk kehidupan yang lebih baik. Yayasan telah membantu ramai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam merealisasikan impian serta cita-cita mereka dan sekali gus menjunjung tinggi aspirasi Baginda untuk meningkatkan kualiti hidup dan kerjasama rakyat serta penduduk di negara ini.

Dalam dekad kedua pula Yayasan telah mengorak langkah untuk terus memantapkan kegiatan

sosialnya bagi memberikan impak yang lebih positif terhadap kemajuan dan perkembangan kemasyarakatan. Dalam dekad ini, Yayasan membawa corak baharu dalam mengembangkan kegiatan sosial dengan mendampingkan diri dengan badan dan institusi sosial lain, iaitu melalui pendekatan kesukarelawanan dan menjalankan rangkaian strategik.

Dalam episod dekad kedua, Yayasan dengan Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberanikan diri mengambil inisiatif melancarkan gerakan bantuan kemanusiaan di Aceh, Republik Indonesia yang dilanda bencana tsunami pada Disember 2004. Alhamdulillah dengan sokongan rakan-rakan strategik dan para sukarelawan, misi bantuan kemanusiaan tersebut telah dapat dilaksanakan bermula dengan memberikan bantuan kecemasan pada peringkat awal bencana sehingga tahap pembinaan semula Aceh pasca tsunami. Semua

ini diusahakan dengan menggunakan dana atau kewangan dan barang sumbangan agensi-agensi serta rakyat dan penduduk di negara ini.

Dari segi kepimpinan, Yayasan diterajui oleh ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha dan Timbalan Setiausaha Tetap yang setentunya mempunyai wawasan dan gagasan yang mantap bagi menentukan halatuju Yayasan selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya. Sehingga pada hari ini, barisan pelapis kepimpinan Yayasan diberikan kepada kalangan profesional muda yang mempunyai latar belakang kerjaya yang bersesuaian bagi memastikan Yayasan akan terus dinamik menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar.

Memang tidak dinafikan Yayasan sudah kukuh dari segi organisasinya sendiri, pengurusan dan

pentadbirannya, visi dan misi serta objektifnya. Walau bagaimanapun, Yayasan perlu bergerak dengan lebih proaktif menerokai beberapa projek dan program yang bersesuaian dengan mencari *niche* projek atau program yang boleh diperkembangkan untuk menjadikan Yayasan terus menjadi sebuah badan amal yang unggul di negara ini. Dalam kesemua itu, kita semua mendoakan kejayaan yang berpanjangan semoga Yayasan kekal pada landasan penubuhannya sebagai wadah amal jariah Raja serta Kerabat Baginda. Maka sayugialah semua lapisan tenaga yang diberi kepercayaan berkhidmat di dalamnya akan sentiasa berusaha menyampaikan hajat murni Baginda yang sangat pemedulian terhadap kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Kerana itulah buku ini selayaknya akan memaparkan ristaan sepanjang 25 tahun penubuhan Yayasan sebagai rakaman tanda kasih dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat dan penduduk di negara ini melalui Yayasan Baginda sepanjang 25 tahun.

Akhirnya, saya dengan seikhlas niat dan sejernih kenangan suka cita menyampaikan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah dan seluruh lapisan kerabat kerja Yayasan serta sukarelawannya atas sumbangan yang sangat bererti kepada Yayasan sejak penubuhannya, khasnya dalam tempoh (*period*) November 2002—Disember 2007 saya sempat menjunjung tinggi kepercayaan menjadi Pengerusi Lembaga Pengarahnya.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman

AHLI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
[PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH 28 NOVEMBER 2002—31 DISEMBER 2007]



Sekapur Sirih

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
وعلى آله وصحبه أجمعين



Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dapat melangkah usia ke-25 tahun (Jubli Perak) penubuhannya, suatu jangka masa yang pendek tetapi membawa pencapaian yang signifikan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sesuai dengan peranannya sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Baginda.

Sekali lagi saya bersyukur kerana dapat melibatkan diri dari sejak awal penubuhan Yayasan pada 5 Oktober 1992 sebagai Pengarah Urusan sehingga Mei 2002 dan terus pula menyumbang bakti sebagai ahli Lembaga Pengarah sehingga Disember 2016. Alhamdulillah saya telah diberikan kepercayaan untuk terus menyumbang bakti sebagai ahli Jemaah Tadbir mulai Mac 2017 sehingga hari ini. Saya dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia lantikan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2013.

Tahun-tahun awal penubuhan Yayasan membawa pelbagai cabaran dari beberapa sudut: pengurusan, tenaga manusia

dan logistik. Namun penerokaan dan perintisan ini menambah pengetahuan, meningkatkan kemahiran serta memperkaya pengalaman dalam melaksanakan usaha suci berpaksikan keikhlasan dan *volunteerism*. Tidak ada batas waktu untuk bertugas dan tidak ada batas ruang tempat untuk bermuzakarah.

Dari pengalaman mengharungi dekad awal penubuhan Yayasan, saya percaya kejayaan Yayasan merealisasikan tujuan penubuhannya terletak kepada beberapa faktor. Namun pada hemat saya tiga faktor utama lebih menyumbang kepada kejayaan tersebut:

(1) Kepimpinan ialah kunci kepada kejayaan sesebuah organisasi untuk memacu kejayaan. Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pandangan jauh dan visi yang jelas memberikan inspirasi dan semangat yang kental kepada warga Lembaga Pengarah dan seluruh keluarga Yayasan bergerak sebagai satu pasukan.

Semangat waja ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan bertugas dengan penuh azam secara ikhlas dan sukarela, ke bukit sama didaki dan ke lurah sama dituruni, hatta merentasi sungai dan belukar menjadi landasan bagi kejayaan rancangan yang diungkayahkan. Masih jelas kedengaran cetusan rasa syukur penduduk Kampong Belabau, Daerah

Tutong apabila menerima kemudahan perumahan, balai ibadah dan dewan sukan sebagai "mimpi di siang hari".

Banyak pengetahuan yang ditimba dan pengalaman saya raih daripada kepimpinan Allahyarham Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha, Pengurus Lembaga Pengarah Yayasan pertama, dan Timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Perancang Penubuhan Yayasan. Beliau seorang yang bijak dalam menggarap sesuatu ide, cekap dan lutanan dalam meneliti sesuatu rancangan dan sentiasa berpegang kepada prinsip setiap kerja mesti dilaksanakan dengan sempurna dengan jaminan kualiti yang tinggi walau sekecil manapun skop kerja tersebut; hatta sajian, ibarat seorang tukang (*craftsman*) yang menghasilkan *masterpiece* yang unggul. Beliau sentiasa menekankan semangat keyakinan diri yang tinggi dalam bekerja iaitu keyakinan *to deliver* walaupun menempuh badi cabaran.

(2) Keupayaan Yayasan untuk membawa bersamanya agensi Kerajaan dan agensi lain melaksanakan rancangan pemedulian orang ramai sebagai satu pasukan ibarat dalam satu perahu; bersama berkayuh bersama berunggai dan bersama bertinting. Dengan bilangan tenaga pengurusan seramai 8 orang pada tahun 1993, Yayasan berjaya mewujudkan persepakatan dengan Kementerian Pembangunan dan Pusat Da'wah Islamiah, umpamanya dalam usaha mendirikan rumah bantuan bagi saudara baru dan mereka yang memerlukan di keempat daerah. Berasaskan kepada konsep rakan strategik ini, Yayasan berjaya membina 61 buah rumah saudara baru (1992–2002) dan 36 buah untuk mereka yang memerlukan.

Malah menerusi perkongsian ini, program ini telah dapat menambat hati beberapa orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam.

(3) Keupayaan Yayasan mencetuskan ide atau pendekatan baharu dalam usaha merealisasikan objektifnya. Sejak penubuhannya Yayasan terus-menerus berikhtiar meneroka pendekatan baharu serta mempelajari amalan-amalan terbaik (*best practices*) dalam melaksanakan program-program intervensi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk yang memerlukan bantuan di negara ini. Rancangan Perumahan Bolkiah di Mukim Kampong Ayer bagi menempatkan mereka yang terlibat dalam kebakaran besar di Mukim Kampong Ayer dibina atas konsep keselamatan, kesejahteraan, kesihatan, dan kesepakatan membawa sinar baru kepada penduduk-penduduk yang terlibat. Penubuhan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim dan penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak ialah antara usaha untuk memberikan pemedulian kepada mereka yang berkenaan serta menyumbang kepada pembentukan warga negara masa depan. Demikianlah juga dengan inisiatif bantuan kemanusiaan di Aceh, Republik Indonesia bagi mereka yang dilanda tsunami pada akhir tahun 2004.

Kita bersyukur kerana pada masa ini sudah banyak pertubuhan sukarela, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan badan korporat dan perniagaan yang ditubuhkan dan telah tampil ke hadapan menghulurkan bantuan dan perkhidmatan kepada rakyat dan penduduk yang memerlukan di negara ini. Semangat 'sukarelawan' dan keikhlasan untuk membantu ialah suatu pratanda baik mencerminkan rasa prihatin rakyat dan penduduk negara ini yang diharap dapat membantu golongan yang

memerlukan dan meningkatkan kualiti hidup di negara ini, suatu pelaburan dalam membina jati diri generasi hari ini.

Saya nukilkan pengalaman ini sebagai iktibar dalam merentasi perjalanan Yayasan di dekad akan datang. Apa yang jelas, Yayasan mempunyai keupayaan dalam pelbagai segi. Yayasan memiliki kapasiti untuk melaksanakan program terbaik bagi merealisasikan tujuan penubuhannya. Yayasan mampu untuk menyumbang dan mengungkayahkan sesuatu yang terbaik dan memberikan impak dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam melangkah ke dekad akan datang Yayasan akan berhadapan dengan keadaan yang terus berubah dan mencabar, susah diramal, kompleks dan tidak dapat ditentukan. Masalah akan terus wujud, tetapi bentuknya akan berubah. Kerana itu kita memerlukan pendekatan yang berlainan, lebih inovatif, lebih kreatif daripada apa yang pernah dilaksanakan 25 tahun dahulu.

Saya penuh yakin dengan kewibawaan dan kebijaksanaan Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah serta kualiti tenaga pengurusan, Yayasan akan dapat mengungkayahkan program-program yang boleh membawa impak dalam mencapai tujuan penubuhannya. Kita berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'alaa akan terus mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada semua warga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam menggalas tanggungjawab masing-masing dan memikul amanah demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini dan bagi menjulang tinggi imej Raja Prihatin (*The Caring Monarch*).

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

*Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia
(Dr.) Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong*

AHLI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

[PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH 1 JANUARI 2008—31 DISEMBER 2013]





Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pertama sekali, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala dan merakamkan ucapan tahniah kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah atas kejayaan yang telah dicapai selama ini dari sejak ia ditubuhkan pada 25 tahun yang lalu.

Saya juga bersyukur kerana diberi peluang untuk menerajui Yayasan sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah ketika Yayasan mula melangkah masuk ke dekad ketiga.

Ucapan tahniah dan syabas kepada kesemua mantan Pengerusi dan ahli Jemaah Tadbir serta mantan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah yang telah berperanan dalam merealisasikan dasar dan tujuan

Yayasan serta telah banyak menyumbangkan bukan sahaja ide-ide bahkan telah mencetuskan gagasan-gagasan baru untuk menjadikan Yayasan terus berjaya dan bertapak sehingga sekarang. Ucapan tahniah dan syabas juga kepada semua lapisan warga kerja Yayasan yang telah menyumbangkan khidmat bakti mereka melalui Yayasan selama ini.

Dalam melangkah ke hadapan, kita berhasrat untuk meneruskan usaha murni Yayasan dengan merancang dan melaksanakan lebih banyak projek dan aktiviti secara proaktif. Ini kerana masih banyak ruang dan inisiatif yang boleh diterokai dan diusahakan untuk meningkatkan dan memantapkan pencapaian Yayasan.

Dalam era globalisasi ini, Yayasan perlu peka dengan perubahan sekeliling yang dinamik. Pola kehidupan dalam masyarakat juga telah berubah. Yayasan perlu menghadapi apa jua cabaran dengan baik dan bijak untuk kebaikan organisasi.

Bersandarkan kepada pencapaian Yayasan sejak 25 tahun yang lalu, cabaran akan datang adalah untuk merangka dan merencanakan pelbagai program tambah nilai supaya Yayasan boleh bergerak seiring dengan perubahan zaman dan persekitaran agar apa jua khidmat yang diberikan dapat dimanfaatkan dan menjangkau kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam melaksanakan usahanya, adalah perlu untuk Yayasan bekerjasama dengan rakan strategik dan sukarelawan untuk mengoptimumkan semua sumber yang ada - tenaga manusia, kewangan dan material - supaya apa jua usaha dapat dilaksanakan dengan lebih meluas dan berkesan.

Kita berdoa agar Yayasan akan terus kekal mampan dan relevan sebagai sebuah institusi pelaksana sikap prihatin Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi Bin Haji Osman

[PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH 1 JANUARI 2014—31 JANUARI 2018]



Sekapur Sirih

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبٰياءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ



Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan rahmatNya jua kita sama-sama berpeluang dan berbangga meraikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam menyambut ulang tahun ke-25 (Jubli Perak) penubuhannya.

Mengimbas kembali sejarah penubuhan Yayasan dua puluh lima tahun yang lalu adalah merupakan hasrat murni dan wawasan seorang Raja berdaulat lagi prihatin, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan sebuah badan yang dapat menyalurkan amal jariah Baginda dan ahli kerabat Diraja Baginda untuk dinikmati faedahnya oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Penubuhan Yayasan adalah merupakan wadah dan tanda kesyukuran Baginda bersempena dengan sukut baik Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta disambut pada 5 Oktober 1992 yang lalu.

Sepanjang 25 tahun penubuhannya, Yayasan alhamdulillah, telah dapat melaksanakan dan menjayakan beberapa rancangan strategiknya, program, projek dan aktiviti dalam membantu mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk serta menyumbang ke arah pembangunan dan perkembangan agama, bangsa dan negara selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya.

Buku kenangan 'Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Teras Kasih dan Ihsan' ini diterbitkan bersempena dengan Sambutan Jubli Perak Penubuhan Yayasan pada 5 Oktober 2017. Buku ini merakamkan sejarah penubuhan dan menyelusuri catatan perkembangan dan pencapaian Yayasan serta mengimbas kembali usaha berterusan pihak-pihak yang terlibat dalam mengembangkan usaha Yayasan sepanjang 25 tahun kewujudannya yang masih kekal relevan dan bermakna sehingga sekarang. Penerbitan buku ini dihasratkan sebagai ristaan, rujukan dan panduan untuk Yayasan terus bergerak maju ke hadapan dalam memperkasa pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang lebih mampan.

Sensitif kepada perkembangan semasa, sebagai perancangan masa hadapan, Yayasan insyaa Allah dengan izinNya juu akan terus mempertingkatkan usaha menerokai bidang-bidang yang bersesuaian dengan pendekatan yang lebih efektif dan inovatif dalam membantu mempertingkatkan taraf hidup masyarakat selaras dengan perkembangan sosio-demografi dan kemajuan era teknologi masa kini. Dalam apa juu perancangan, adalah akan ditentukan Yayasan sentiasa mendokong penuh agenda pembangunan negara sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, saya dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menyumbangkan fikiran, tenaga, masa dan usaha yang penuh dedikasi

dalam sama-sama menanai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat Diraja Baginda ke arah pemelulian dan keprihatinan berterusan dan mendalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui Yayasan Baginda. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Jawatankuasa yang berjaya menerbitkan buku kenangan 'Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Teras Kasih dan Ihsan' ini. Semoga sumbangan tersebut akan diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai amal kebajikan yang tidak putus dan mendapat ganjaran pahala yang berganda di dunia dan akhirat.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi Bin Haji Mohd. Yussof

MENTERI PERTAHANAN II
SELAKU PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH



Pengertian dan Konsep Logo

Logo ini merupakan adunan daripada tiga reka bentuk yang dicipta oleh Awang Haji Abd Kadir bin Haji Awang Hidup, Awang Zaidi bin Guriman dan Awang Haji Kaseh bin Haji Md Yusof. Ianya menggabungkan semua dasar dan tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



LOGO BULAT

Logo yang berbentuk bulat ini membawa ciri-ciri perlindungan, bantuan dan pembangunan masyarakat dalam semua aspek (keugamaan, pendidikan, kebajikan, pembangunan dan kewangan).



TANGAN

Memohon doa dan bantuan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana hanya dengan rahmat-Nya sahaja, rakyat akan dapat hidup selamat dan sejahtera. Memberikan bantuan kepada mereka yang benar-benar memerlukan akan dapat membantu mereka menginsafi akan kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan akan sentiasa mensyukuri pemberian Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.



MAHKOTA


Melambangkan kedudukan sebagai pemerintah dan ketua negara yang diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan menjalankan pentadbiran secara adil serta kasih kepada rakyat.



BENTUK SEGI TIGA


Terletak di bawah mahkota bererti dasar penubuhan Yayasan yang berteraskan iman, amal dan ihsan:

- Iman itu wadah;
- Amal itu pemedulian;
- Ihsan itu pembentukan masyarakat serta keharmonian.



BUNGA LOREKAN

Melambangkan warisan seni budaya Brunei yang tidak luput ditelan zaman.



PENGERTIAN WARNA

- Emas - Keagungan, Keadilan, Kemakmuran, Kekayaan dan Kemuliaan.
- Kuning - Warna Diraja yang berdaulat, kasih pada rakyat, pemedulian pada yang memerlukan.
- Hijau - Keislaman, kebudayaan, kemesraan Baginda yang sentiasa subur kepada rakyat jelata.



12 PAYUNG

12 payung terbuka bererti berlindung dan melindungi dari semasa ke semasa.



24 TIANG PAYUNG

24 tiang payung bererti mengikut peredaran masa selama 24 jam.



JAWI

Ukirian Jawi Berbunyi: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Prakata

Penerbitan buku *Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Teras Kasih dan Ihsan* ini bersempena dengan sambutan Jubli Perak (25 tahun) penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (selepas ini disebut Yayasan).

Buku ini bertujuan memaparkan pencapaian hasil perlaksanaan berbagai-bagai projek dan aktiviti Yayasan yang merupakan amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli Kerabat Baginda terhadap kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk serta pembangunan di Negara Brunei Darussalam.

Buku ini mengandungi pelbagai maklumat ringkas mengenai sejarah, pencapaian dan perkembangan Yayasan sejak 25 tahun penubuhannya pada tahun 1992.

Buku ini juga merekodkan nama-nama individu yang masih atau yang pernah terlibat dengan usaha, pencapaian, cabaran, hala tuju Yayasan, dan rakaman penghargaan daripada para penerima bantuan Yayasan.

Diharapkan penerbitan buku kenangan ini akan menambah banyak lagi sumber bacaan dan rujukan yang bermanfaat bagi masyarakat Negara Brunei Darussalam tentang Yayasan.





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diarak mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta pada 7 Rabiulakhir 1413 bersamaan 5 Oktober 1992

BAB 1

Hasrat Murni Seorang Raja

Sejarah Penubuhan

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ditubuhkan untuk merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mewujudkan sebuah badan yang menyalurkan amal jariah dan derma khairat Baginda dan ahli Kerabat Baginda. Semua ini untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini melalui pelaksanaan pelbagai rancangan dan program dalam bidang keugamaan, kebajikan, pendidikan dan yang seumpamanya.

"Yayasan ini merupakan ilham secara peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, iaitu sebagai organisasi pelaksana amal ibadah Baginda dan ahli Kerabat Baginda," seperti yang dijelaskan oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, salah seorang mantan Ahli Lembaga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, yang juga merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Perancang Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pada tahun 1991, sebuah jawatankuasa dibentuk untuk merangka dan seterusnya merumuskan Perlembagaan Yayasan tersebut iaitu Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha telah dilantik sebagai pengurusnya. Anggota Jawatankuasa yang lain terdiri daripada Setiausaha-Setiausaha Tetap dari beberapa buah kementerian yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Menurut Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Awang Haji Serudin selaku Setiausaha Jawatankuasa, pembentukan Jawatankuasa tersebut adalah untuk mengutarakan cadangan dan seterusnya membincangkan perlembagaan Yayasan, yang mana kemudiannya digubal menjadi Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Perlembagaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pembentukan perlembagaan tersebut pada 17 Rabiulawal 1413 bersamaan 15 September 1992.

Yayasan ditubuhkan sebagai sebuah badan di bawah Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggal 166) yang mula berkuatkuasa pada 7 Rabiulakhir 1413 bersamaan 5 Oktober 1992. Penubuhan Yayasan diperuntukan dalam Bab 3(1) Perlembagaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terkandung dalam jadual kepada Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Perlembagaan Yayasan mengandungi perkara mengenai penubuhan dan

pentadbiran Yayasan; dasar penubuhan dan tujuan Yayasan; dan pentadbiran, pelaburan dan kewangan Yayasan.

Bagi melaksanakan penubuhan Yayasan ini, sebuah Jawatankuasa Perancang Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dibentuk yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah pengisytiharan Baginda pada 14 Rabiulakhir 1413 bersamaan 12 Oktober 1992 menamakan yayasan amal ini sebagai 'Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah' bersempena dengan Sambutan Jubli Perak (25 tahun) Baginda menaiki takhta. Di Majlis tersebut, Baginda berkenan menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Bandar Seri Begawan.

Yayasan merupakan wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah dan ahli Kerabat Baginda. Yayasan ialah sebuah badan berkanun, dipunyai dan dibiayai sepenuhnya oleh Baginda dan ahli Kerabat Baginda bagi maksud dasar dan tujuan penubuhannya.

Sejak ditubuhkan, Yayasan mencerminkan kasih sayang dan pemedulian Baginda kepada rakyat Negara Brunei Darussalam yang taat setia kepada Baginda dan Kerajaan Baginda. Menurut Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain: "Yayasan tidak lain dan tidak bukan merupakan sebuah hadiah dan rahmat. Derma khairat Baginda itu sudah pasti akan mendapat ganjaran pahala yang berkekalan daripada Allah Subhanahu wa Ta'alaa dan dapat dinikmati faedahnya oleh rakyat yang Baginda kasihi..."

Dalam tempoh 25 tahun, Yayasan telah berjaya melaksanakan pelbagai rancangan dan program untuk mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk serta seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Usaha-usaha yang berkebijakan itu dinikmati faedahnya secara berterusan hingga ke hari ini.



Majlis Pengisytiharan Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Peletakan Batu Asas Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Rabiulakhir 1413 bersamaan 12 Oktober 1992



Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha

Timbalan Pengerusi

- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman

Setiausaha

- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas bin Haji Serudin

Ahli

- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Awang Abdullah



Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1992)

Jawatankuasa Perancang Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Timbalan Pengerusi Bersama

- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit

Setiausaha

- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Serudin

Penolong Setiausaha Bersama

- Yang Mulia Awang Haji Hamzah bin Haji Jaafar
- Yang Mulia Awang Haji Mahmud bin Pengarah Digadong Haji Abu Bakar

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Md Daud
- Yang Berhormat Pehin Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohd. Yusof
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman

- Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar
- Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Ahmad bin Haji Jumaat
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab



Jawatankuasa Perancang Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1992)



BAB 2

Lahirnya Sebuah Yayasan Diraja



Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ke majlis-majlis anjuran Yayasan mencerminkan sikap prihatin Baginda berdua terhadap usaha Yayasan dalam memberikan pemedulian terhadap kebijakan dan kesejahteraan hidup rakyat jelata

“Maka di saat yang amat berbahagia ini, Beta dengan sukacita mengumumkan penubuhan sebuah yayasan yang akan menjadi ristaan kekal zaman pemerintahan Beta,” petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengisytiharkan penubuhan Yayasan pada hari yang penuh bersejarah bertarikh 14 Rabiulakhir 1413 bersamaan 12 Oktober 1992.

Penubuhan Yayasan bukan hanya sebagai mercu tanda dan ristaan sempena sambutan Jubli Perak Baginda menaiki takhta, malah sebagai menzahirkan rasa syukur Baginda ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta’ala kerana telah mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada Baginda untuk memimpin Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang aman dan makmur di bawah redha Allah Subhanahu wa Ta’ala.

Menghulurkan derma khairat Baginda dan ahli Kerabat Baginda menerusi pelbagai saluran bagi faedah-faedah keugamaan, kebajikan, pendidikan dan seumpamanya merupakan dasar dan tunjang penubuhan Yayasan.

Anugerah keemasan ini menjadi satu legasi yang tidak akan luntur diuji zaman malah terus menjadi bukti keluhuran budi Baginda dan ahli Kerabat Baginda kepada rakyat jelata. Perkara ini merupakan satu hibah yang akan dikenang sepanjang zaman.



Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan

Dasar Penubuhan

(1) Menjadi Wadah Amal Jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan ahli Kerabat Baginda.

(2) Sebagai tanda pemedulian dan kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada rakyat Baginda yang sentiasa taat setia kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.

(3) Menjadi lambang pembentukan dan perpaduan masyarakat dan Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur serta keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaian yang diredhai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Dasar Penubuhan Yayasan berteraskan iman, amal, dan ihsan. Iman itu wadah, Amal itu pemedulian dan Ihsan itu pembentukan masyarakat dan keharmonian.

(Bahagian 111 Bil S. 28 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam - Perintah Darurat (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), 1992-Tambahan Kepada Warta Kerajaan Bahagian 11 bil. 16. Bertarikh 12hb Oktober , 1992)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke salah sebuah rumah bantuan Yayasan dan beramah mesra bersama penghuni rumah tersebut

Tujuan Penubuhan

Sepertimana yang termaktub dalam Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yayasan hendaklah mempunyai tujuan-tujuan yang berikut:

1) Ugama

- Menghulurkan bantuan kewangan atau biasiswa ugama untuk tujuan pendidikan ugama kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menurut syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa;
- Menghulurkan bantuan kewangan kepada seseorang atau pertubuhan atau badan bukan Kerajaan yang menjalankan gerakan dakwah atau usaha meninggikan syiar Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan syarat orang perseorangan atau pertubuhan atau badan itu mendapat kebenaran Kerajaan untuk menjalankan gerakan atau usaha mereka itu, dan gerakan atau usaha itu adalah bagi faedah dalam Negara Brunei Darussalam sahaja;
- Menghulurkan bantuan bagi pembinaan, pengurusan dan pemeliharaan sekolah-sekolah ugama dan masjid-masjid yang diusahakan oleh mana-mana orang atau pertubuhan atau badan bukan Kerajaan dengan syarat usaha itu hendaklah mendapat kebenaran Kerajaan.

2) Kebajikan

- Mempertingkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan skim bantuan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik seperti orang miskin, orang cacat, bantuan bencana alam dan lain-lain;

- Mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan mengadakan skim bagi membantu belia yang memerlukan latihan kemahiran, dan memberikan bantuan kepada badan-badan sukarela yang diiktiraf oleh Kerajaan;



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menandatangani plak peletakan batu asas bangunan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 6 Rabiulawal 1427 bersamaan 5 April 2006



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas bagi bangunan Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan pada 9 Muharram 1418 bersamaan 17 Mei 1997



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah melancarkan Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien kedua pada 28 Syawal 1431 bersamaan 7 Oktober 2010



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah Binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda di Majlis Penyampaian Sumbangan Yayasan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam pada 10 Rabiulawal 1427 bersamaan 9 April 2006



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersama Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Kuan Yew semasa Majlis Pelancaran Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien pada 29 Safar 1430 bersamaan 25 Februari 2009

- Menanam dan memupuk semangat kecemerlangan dalam bidang sosiobudaya dan sosioekonomi dalam kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan peraduan dan hadiah dalam bidang sastera dan kebudayaan; dan
- Menghulurkan bantuan kepada pesakit yang tidak berkelayakan di bawah skim bantuan Kerajaan.

3) Pendidikan

- Mengadakan dermasiswa kepada penuntut-penuntut yang memerlukan bantuan dari segi bayaran yuran sekolah, buku, alat projek, pakaian seragam sekolah, kenderaan, yuran peperiksaan dan elauan tunjangan menurut syarat-syarat dan kelayakan yang boleh dikenakan oleh Yayasan dari semasa ke semasa; dan
- Mengadakan bantuan ke atas penyelidikan dan perkembangan yang dijalankan oleh institusi pengajian tinggi bagi kepentingan kemajuan saintifik, teknologi dan kemasyarakatan.

4) Pembangunan

- Mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan pembangunan selain daripada yang dikendalikan oleh Kerajaan.

5) Kewangan

- Mengambil bahagian dalam apa jua aktiviti perusahaan komersial dan industri yang sesuai dengan konsep tujuan Yayasan;
- Membeli, menjamin atau sebaliknya mendapatkan sebarang stok dan saham; dan
- Menubuhkan dari semasa ke semasa sebuah syarikat atau perbadanan untuk mengendalikan atau menguruskan sebarang projek, skim, atau perusahaan.

(Bahagian III Bil S. 28 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam – Perintah Darurat (Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah), 1992-Tambahan Kepada Warta Kerajaan Bahagian II bil. 16. Bertarikh 12hb Oktober , 1992)



Lembaga Pengarah ketika bermesyuarat di pejabat sementara Yayasan di Consultants' Quarters, Jalan Stadium Negara Hassanal Bolkiah



Bangunan asal Ibu Pejabat Yayasan



Pengubahsuaian bangunan Pejabat Yayasan di Jalan Kumbang Pasang (kini dinamakan Jalan Perdana Menteri)

Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mula beroperasi di ibu pejabatnya sekarang di Jalan Perdana Menteri pada 21 Zulkaedah 1413 bersamaan 13 Mei 1993.

Sebelum Pejabat Yayasan memulakan operasinya, kerja-kerja merangka teras kerja Yayasan telah pun bermula dengan mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah. Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Kali Pertama diadakan sejurus penubuhan Yayasan, iaitu pada 4 Jamadilawal 1413 bersamaan 31 Oktober 1992 di rumah kediaman Pengerusi Lembaga Pengarah pertama Yayasan, iaitu Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha di Kampong Mabohai.

Oleh sebab bangunan asal Pejabat Yayasan perlu diubah suai, maka pada 17 Rabiulawal 1414 bersamaan 4 September 1993, Pejabat Yayasan berpindah ke pejabat sementaranya di Consultants' Quarters, No. 20, Simpang 17-18, Jalan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Dalam satu temuramah bersama Pegawai Eksekutif Kerja pertama, Awang Haji Mahmud bin Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Diraja Begawan Pehin Khatib Dato Seri Setia Haji Ali Husain yang diambil berkhidmat untuk mengawasi dan memantau perkembangan pentadbiran Yayasan, beliau mengimbas kembali pengalaman beliau ketika

Yayasan mula-mula ditubuhkan: *"Pada awalnya, saya seorang sahaja yang bekerja selama beberapa bulan. Memang susah dan banyak pengorbanan yang dibuat; tugas saya merangkumi tugas seorang pegawai, kerani dan seorang peon. Di samping itu, saya juga telah ditugaskan untuk menguruskan pengambilan pekerja baharu. Terdapat beratus orang pemohon yang mencuba melamar jawatan yang sama. Pada waktu yang sama, saya juga perlu menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijalankan sehingga lewat malam."*

Sehingga bulan Disember 1993, seramai lapan orang pekerja telah diterima berkhidmat dengan Yayasan. Operasi pejabat berpindah semula ke pejabat asal Yayasan (Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sehingga kini), pada 25 Sya'ban 1414 bersamaan 7 Februari 1994. Yayasan terus berkembang tahun demi tahun dengan pelaksanaan lebih banyak projek dan aktiviti sesuai dengan keperluan semasa.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat buat julung-julung kalinya ke Ibu Pejabat Yayasan di Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan pada 26 Zulkaedah 1414 bersamaan 7 Mei 1994



Sesi temuduga pengambilan pekerja Yayasan



Barisan pegawai dan kakitangan Yayasan pengambilan pertama pada tahun 1993

Projek-projek yang Terawal

i) Pembinaan Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Kompleks Yayasan pada 14 Rabiulakhir 1413 bersamaan 12 Oktober 1992.

Kawasan lapang yang terletak di antara dua mercu utama Bandar Seri Begawan, iaitu Mukim Kampong Ayer di Sungai Brunei dengan Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien telah dipilih sebagai tapak bagi pembinaan Kompleks Yayasan. Tapak tersebut sebelumnya merupakan kawasan lapang bekas Kampong Sultan Lama dan Kampong Pemancha yang terlibat dalam satu kebakaran besar pada tahun 1991. Projek pembinaan Kompleks Yayasan bermula pada akhir tahun 1992.

Terbinanya Kompleks Yayasan ini telah menambah keindahan dan menjadi mercu tanda Bandar Seri Begawan. Ia juga mencerminkan serta membuktikan sifat pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat Baginda sebagai ristaan zaman berzaman.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat tapak projek pembinaan bagi Kompleks Yayasan





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan Majlis Mendirikan Tiang bagi bangunan Kompleks Yayasan pada 20 Rabiulakhir 1414 bersamaan 7 Oktober 1993



Kompleks Yayasan dalam proses pembinaan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat projek pembinaan Rancangan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Buang Sakar, Mukim Kampong Ayer pada 26 Zulkaedah 1414 bersamaan 7 Mei 1994

ii) Bantuan Kepada Mangsa Kebakaran di Mukim Kampong Ayer

Menyediakan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa kebakaran besar di Mukim Kampong Ayer pada bulan September 1993 ialah salah satu projek terawal yang dilaksanakan oleh Yayasan. Tragedi kebakaran besar tersebut telah memusnahkan ratusan buah rumah mengakibatkan ribuan penduduk kehilangan

tempat tinggal. Kampung-kampung yang terlibat ialah Kampong Peramu, Kampong Setia Pahlawan dan Kampong Saba Darat.

Langkah berikutnya, untuk membantu mangsa kebakaran rumah, Yayasan merangka projek perumahan untuk dibina di kawasan perairan Sungai Brunei, di Kampong Buang Sakar. Perumahan baru yang mula didiami pada Julai

1994 dikurniakan nama rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Rabiulawal 1415 bersamaan 22 Ogos 1994 dengan nama Kampong Bolkiah 'A'.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyempurnakan penyampaian sumbangan kewangan Yayasan kepada mereka yang terlibat dalam kebakaran pada 5 Rabiulakhir 1414 bersamaan 22 September 1993 di Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah menyempurnakan penyampaian sumbangan kewangan Yayasan kepada mereka yang terlibat dalam kebakaran pada 22 Ramadhan 1415 bersamaan 22 Februari 1995 di Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan



Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Bolkiah 'A' telah siap dibina pada Oktober 2000

BAB 3

Ke Arah Pengukuhan Iman

Pemedulian Saudara-saudara Baru

Islam ialah nadi utama Yayasan dalam menerajui dan memandu segala tindakan yang diambilnya. Justeru bidang keugamaan menjadi salah satu fokus utama dalam senarai yang dirancang dan dilaksanakan. Penglibatan Yayasan adalah bagi menyokong usaha untuk meningkatkan aktiviti dakwah, memperkembang dan menyinarkan lagi syi'ar ugama Islam di negara ini. Yayasan dengan itu berperanan penting menjulang rukun Islam yang lima.

Pengakuan lafaz 'Dua Kalimah Syahadah' bahawa: "Tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad Rasulullah" ialah pengakuan pertama bagi mereka yang memeluk ugama Islam. Sekalipun ungkapan pengakuan ini mudah, namun Yayasan menyedari bahawa inilah cabaran mereka yang berhijrah menjalani cara hidup baharu. Apatah lagi dalam situasi mereka yang masih tinggal dalam kalangan masyarakat bukan Islam dan masih dipengaruhi oleh cara hidup sebelum mereka memeluk Islam. Salah satu bantuan yang dihulurkan oleh Yayasan ialah menyediakan rumah bagi kemudahan mereka menjalani kehidupan cara Islam.

Pembinaan rumah untuk para mualaf yang kurang berkemampuan di bawah Skim Bantuan Perumahan bagi saudara-saudara baru bermula pada 8 Zulhijjah 1416 bersamaan 27 April 1996 di Daerah Temburong. Dua buah keluarga yang pertama menerima bantuan ini telah berpindah ke rumah baru mereka pada 20 Jamadilawal 1417 bersamaan 3 Oktober 1996 di satu majlis penyerahan kunci-kunci rumah. Salah seorang daripada ketua keluarga itu menyatakan rasa syukur beliau kerana dengan adanya rumah baru itu beliau dan keluarga dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai umat Islam dengan lebih selesa dan teratur.

Bersesuaian dengan keadaan ini, Yayasan juga melengkapkan kemudahan-kemudahan asas bagi masyarakat Islam di kawasan pedalaman dengan membina surau dan kompleks sukan seperti yang terdapat di Kampong Belabau, Ulu Tutong pada tahun 1997.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menyempurnakan penyerahan anak kunci rumah kepada dua buah keluarga saudara baru di Kampong Amo, Daerah Temburong pada 20 Jamadilawal 1417 bersamaan 3 Oktober 1996. Mereka merupakan ketua keluarga penerima pertama rumah bantuan Yayasan bagi saudara baru

Atas kejayaan menyediakan bantuan perumahan itu, Yayasan menerima sanjungan tinggi daripada seorang ekspatriat, Warner Manning, mantan Ketua Pegawai Eksekutif *Hongkong and Shanghai Bank* (HSBC) yang menjelaskan: "Kami (di HSBC Brunei) percaya akan kemampuan pihak Yayasan dalam sama-sama memeduli dan membaiki kehidupan mualaf-mualaf di negara ini, bukan sahaja dengan membina perumahan, bahkan menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti dewan muzakarah, mengaspal jalan dan menyediakan keperluan asas, seperti air bersih dan bekalan elektrik."

Sehingga akhir tahun 2017, Yayasan telah menyerahkan sebanyak 83 buah rumah kepada saudara-saudara baru di seluruh negara, yang majoritinya di kawasan pedalaman dan diberikan secara percuma.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anak-anak kunci rumah dan berangkat bercemar duli melawat ke rumah-rumah para penerima rumah bantuan tersebut.

Salah seorang penerima merupakan ibu tunggal Dayang Lai Mui Kui, yang memeluk Islam pada tahun 1993 dengan nama Islamnya Dayang Norhanisah Lai binti Abdullah, menyatakan rumah yang diterima dianggapnya sebagai 'mimpi menjadi kenyataan', setelah menerima pengurniaan anak kunci rumah bantuan tersebut yang telah dikurniakan secara peribadi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Safar 1419 bersamaan 17 Jun 1998. Beliau yang sebelumnya tinggal serumah dengan keluarga yang bukan berugama Islam sangat berharap untuk memiliki rumah sendiri bagi menjalani kehidupan cara Islam dengan sempurna.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke Kampong Belabau, sebuah perkampungan yang terpencil di Daerah Tutong pada 25 Zulhijjah 1417 bersamaan 3 Mei 1997. Kelihatan dalam gambar ialah balai ibadat dan dewan serba guna yang dibina oleh Yayasan bagi kemudahan penduduk kampung

Dayang Nor Siti Fatimah binti Abdullah, ibu kepada sembilan orang anak berasa sungguh bertuah kerana dapat memiliki sebuah tempat tinggal sendiri setelah bertahun-tahun menumpang di rumah saudara. Wanita berketurunan puak Iban ini memeluk ugama Islam pada bulan Januari 1992. Beliau sekeluarga berpindah ke rumah baharu mereka pada tahun 2000 di Kampong Sumbiling Lama, Daerah Temburong. Dayang Nor Siti Fatimah menzahirkan kesyukuran, "Alhamdulillah, dengan adanya rumah ini dapatlah saya meneruskan kehidupan dengan lebih selesa dan juga mendidik anak-anak saya dengan sempurna bagi kebaikan hidup di dunia dan di akhirat."

Sementara itu, Awang Mohd. Asri bin Abdullah yang juga berketurunan puak Iban dari Kampong Sibut, Daerah Temburong, berkata rumah baharu itu bukan sekadar tempat berlindung, tetapi mempunyai makna yang lebih besar buat beliau, isteri dan anak-anak. Jelasnya, "Rumah ini bukan sahaja sebagai tempat berteduh dan berlindung daripada hujan dan panas, ianya merupakan tempat untuk membentuk dan membina keluarga saya ke arah kehidupan yang lebih bahagia dan harmoni..."

Manakala dua orang lagi saudara baru menerima rumah bantuan pada bulan Disember 2012, iaitu Awang Muhammad Abbas Abdullah Dundang dan Dayang Nur Amalina Fatin Syahirah juga menzahirkan rasa syukur dengan bantuan rumah yang mereka terima. Rumah bantuan mereka itu terletak di Kampong Bukit Udal, Mukim Tanjung Maya, Daerah Tutong.

Awang Muhammad Abbas, seorang pengawal keselamatan yang berasal daripada puak Iban telah memeluk ugama Islam sejak lapan tahun lalu (sebelum menerima rumah baru) berkata, "Saya sangat gembira dan mengucapkan ribuan terima kasih atas bantuan perumahan ini..."

Bagi Nur Amalina Fatin Syahirah, seorang balu kepada tiga orang anak yang sebelum ini menetap di rumah sewa, sangat bersyukur menerima bantuan Yayasan itu. Menurutnya, "Saya sangat gembira terutama sekali melihat anak-anak dan saya sendiri dapat tinggal dengan selesa di rumah baharu ini."

Semasa berangkat bercemar duli melawat ke rumah-rumah para penerima rumah bantuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan menyaksikan beberapa Majlis Pengislaman di rumah-rumah tersebut. Antaranya ialah satu majlis yang bersempena dengan keberangkatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi pengurnian anak-anak kunci rumah di Daerah Temburong pada bulan Jun 2000 di Kampong Amo. Seramai 15 orang daripada empat buah keluarga puak Iban dengan rela hati melafazkan dua kalimah syahadah di hadapan majlis Baginda.

Yayasan juga menghulurkan bantuan kewangan dan peralatan sebagai modal bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan



Dayang Nor Siti Fatimah di Majlis Penyerahan Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 2 Rabiulawal 1421 bersamaan 5 Jun 2000 di Dewan Sekolah Rendah Amo, Temburong



Keceriaan terpancar di wajah Dayang Norhanisah Lai binti Abdullah ketika menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke rumah bantuan Yayasan yang beliau diami bersama keluarga



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli menyaksikan Majlis Pengislaman Awang Mohd Asari bin Abdullah dan keluarga di salah sebuah rumah penerima rumah bantuan Yayasan



Di antara sumbangan peralatan dan ternakan daripada Yayasan kepada saudara-saudara baru sebagai modal bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan untuk menambah sumber pendapatan



Persatuan Saudara-Saudara Baru Tutong (PESATU) menerima sokongan daripada Yayasan dalam mengendalikan aktivitinya sepanjang tahun



secara kecil-kecilan yang diusahakan oleh beberapa orang saudara baru untuk menambah sumber pendapatan keluarga.

Yayasan juga turut menyalurkan bantuan kepada masyarakat saudara baru dan persatuan kebaikan saudara-saudara baru untuk melaksanakan aktiviti dakwah Islam. Antara persatuan saudara baru yang menerima sumbangan daripada Yayasan ialah Persatuan Saudara-saudara Baru Tutong (PESATU). Menurut penjelasan Penolong Naib Yang Dipertua PESATU, Dayang Hajah Rohaidah Anizah binti Muhd Kamsani: "*Sumbangan Yayasan ini amat besar nilainya kerana dengan adanya bantuan ini dapat memberikan peluang untuk persatuan ini melaksanakan pelbagai aktiviti yang berkebaikan yang berunsurkan keugamaan dan kemasyarakatan. Ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan dan meningkatkan lagi rasa cinta dan takwa dalam hidup berugama dan mengeratkan lagi silaturahim sesama muslim.*"

Sebahagian daripada aktiviti keugamaan yang dijalankan oleh PESATU untuk kebaikan masyarakat setempat termasuklah bertadarus, khatam Al-Qur'an dan majlis perkumpulan warga emas.

Seperti yang dijelaskan oleh Imam Masjid Kampong Bukit, Awang Haji Mohd. Azley bin Muhd Aliuddin, yang juga saudara baru: "*Beberapa aktiviti keugamaan yang sering dianjurkan oleh saudara-saudara baru melalui Kelas Bimbingan Mualaf Masjid Kampong Bukit sentiasa mendapat sokongan daripada Yayasan seperti peraduan menghafaz ayat-ayat lazim, bengkel Dikir Syarafil Anam, Majlis Perhimpunan Saudara-saudara Baru Mukim Rambai, dan Kursus Pengurusan dan Penyempurnaan Jenazah.*"



Solat Berjemaah

Solat fardhu lima waktu ialah tunjang utama ugama Islam dan Islam sangat menggalakkan solat berjemaah di masjid-masjid terutama untuk kaum lelaki. Masjid-masjid khususnya bukan hanya tempat untuk bersolat dan beriftiqaf, malah ia adalah simbol syi'ar ugama Islam.

Sebagai salah satu teraju penyebaran Islam, Yayasan sangat memberi perhatian terhadap kesejahteraan dan kemakmuran masjid-masjid, surau-surau, dan balai-balai ibadat. Yayasan menyumbangkan beberapa naskhah Al-Qur'an, buku-buku ugama Islam, alat penghawa dingin, sejadah dan sebagainya yang diharapkan dapat membantu menambah sumber rujukan dan memberi keselesaan kepada para jemaah masjid. Yayasan juga memberi peralatan untuk pengurusan jenazah demi kemudahan penduduk kampung. Bagi menyemarakkan aktiviti takmir masjid, Yayasan juga memberi sumbangan kewangan kepada masjid-masjid, surau-surau, dan balai-balai ibadat di seluruh negara untuk menganjurkan kegiatan keugamaan seperti aktiviti tadarus Al-Qur'an sepanjang bulan Ramadhan dan dikir sempena Maulidur Rasul pada bulan Rabiulawal.



Majlis-majlis penyampaian sumbangan kewangan dan peralatan bagi keperluan masjid, surau dan balai ibadat

Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terletak di Kampong Bolkiah 'A' merupakan contoh terbaik peranan Yayasan dalam mengimarahkan masjid. Masjid tersebut merupakan wakaf peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Imam Masjid Yayasan, Awang Haji Airwan bin Haji Malik menyatakan rasa syukur atas sumbangan bahan-bahan bacaan, naskhah-naskhah Al-Qur'an dan peralatan serta bantuan kewangan yang dihulurkan Yayasan selama ini. Melalui sumbangan ini, Masjid Yayasan telah berupaya menganjurkan pelbagai acara keugamaan untuk penyertaan para jemaahnya, seperti majlis pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an dan juga majlis dikir tahunan bagi menyambut hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa Sallam. Selanjutnya Imam masjid tersebut menjelaskan, *"Dengan adanya bantuan tersebut, kami dapatlah menjalankan majlis-majlis tersebut dengan licin dan sempurna."*

Sumbangan Yayasan juga dilaratkan kepada sumbangan bagi pembaikan dan pemuliharaan bangunan masjid.

Pada tahun 2009, Yayasan menghulurkan sumbangan kepada Masjid Kampong Bukit yang terjejas akibat banjir. Seperti yang dijelaskan oleh Awang Haji Mohd. Azley bin Haji Muhd Aliuddin, Imam masjid tersebut: *"Tikar-tikar sembahyang masjid yang rosak teruk disebabkan bencana banjir itu terpaksa dibuang, Yayasan telah banyak membantu dengan membeli karpet dan tikar-tikar sembahyang yang baharu serta tiga unit penyaman udara untuk masjid ini."*



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Paduka-Paduka Anakanda Baginda berangkat menuaikan sembahyang fardhu Jumaat di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada hari pertama masjid tersebut digunakan pada 28 Rejab 1421 bersamaan 27 Oktober 2000



Yayasan telah memberikan sumbangan kewangan bagi membayai sebahagian kos pembinaan Masjid Kampong Benutan (kiri) dan Masjid Kampong Udal (kanan) pada tahun 1995

Masjid Kampong Benutan juga menerima bantuan sebuah kereta jenazah pada tahun 2010. Penduduk kampung dan jemaah Masjid Kampong Benutan bersyukur atas sumbangan berkenaan kerana pada tahun-tahun sebelumnya mereka terpaksa menggunakan kenderaan persendirian untuk membawa jenazah ke tanah perkuburan.

Program-program keugamaan dan riadah yang dikendalikan oleh para belia masjid juga sering menerima sokongan daripada Yayasan. Antaranya ialah 'Program Belia Minal Masjid Ilal Masjid' anjuran Masjid dan Kelab Belia Masjid Ash-Shaliheen dan 'Kem Motivasi Zero to Hero' anjuran Kelab Belia Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali.

Yayasan juga memberi sumbangan kewangan bagi pembinaan bangunan masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Antara masjid-masjid yang telah dibina melalui sumbangan kewangan Yayasan ialah Masjid Kampong Benutan yang telah dibina pada pertengahan tahun 1990-an. Dua buah lagi ialah Masjid Kampong Bukit Udal dan Surau Kampong Belabau.

Pada bulan Oktober 2011, Yayasan telah memberikan sumbangan kewangan sebanyak BND400,000.00 bagi menampung perbelanjaan pembinaan Masjid Kampong Manggis / Madang yang telah pun siap pada tahun 2014 dan kini dikenali dengan Masjid Suri Begawan Raja

Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis / Madang. Manakala sebanyak BND100,000.00 disumbangkan bagi membiayai sebahagian perbelanjaan pembinaan Masjid Kampong Tanjong Bunut pada Disember 2016.

Selain membina masjid-masjid baharu, Yayasan juga menghulurkan bantuan bagi tujuan memperbaiki keadaan bangunan masjid atau surau yang sedia ada. Antaranya memperluaskan Masjid Kampong Sungai Liang, di Daerah Belait pada bulan April 1995; kerja pembinaan semula Masjid Kampong Selangan, di Daerah Temburong pada bulan Mei 2001; dan pemasangan kekisi keselamatan di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohd. Salleh, Kampong Setia, Daerah Brunei dan Muara pada tahun 2011, pembinaan tempat khas bagi

pengurusan jenazah di Masjid Kampong Bukit pada tahun 2014 dan beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat lain juga menerima sumbangan yang sama.

Pemedulian Yayasan ini menerima sanjungan daripada mantan Pengarah Hal Ehwal Masjid, Tuan Haji Abdul Kahar bin Haji Hussein menyatakan: "*Wakaf ini dapat menambah keselesaan orang ramai dan sekali gus menarik lebih ramai jemaah datang ke masjid untuk sama-sama memakmurkan rumah-rumah Allah ini.*" Tambah beliau lagi, "*Peranan Yayasan sangat penting dalam perkembangan syi'ar Islam dalam mendukung hasrat dan menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.*"



Majlis penyerahan sumbangan kewangan bagi menampung perbelanjaan pembinaan Masjid Kampong Manggis / Madang



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersabda dan menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadhan sejak tahun 2003

Menyemarakkan Bulan Ramadhan

Berbuka puasa dengan buah kurma merupakan sunah Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa Sallam. Pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada seluruh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang berugama Islam, tidak mengira usia, bangsa dan juga kerakyatan pada setiap menjelangnya bulan Ramadhan sudah menjadi satu tradisi sejak tahun 1992.

Yayasan telah mengambil alih urusan pembelian dan pengagihan buah kurma peribadi pada tahun 1995 yang pada mulanya dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dihasratkan sebagai juadah berbuka puasa di sepanjang bulan Ramadhan. Beberapa jenis kurma yang bermutu tinggi seperti jenis Mabroom, Sofry, Safawi dan Khudri didatangkan dari Madinah Al-Munawarah, Arab Saudi.

Bermula pada tahun 1995, Yayasan mengendalikan pengagihan buah kurma kurnia peribadi kepada seluruh umat Islam di seluruh pelusuk negara dengan kerjasama Ketua-ketua Kampung melalui Jabatan Daerah masing-masing. Bagi anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei dan keluarga mereka, pengagihannya melalui jabatan masing-masing.

Sejak tahun 2003, Paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik merasmikan Majlis Pelancaran Pengagihan Buah Kurma Kurnia Peribadi.

"Pada kesempatan ini, saya sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan agensi-agensi yang berkenaan serta kepada semua yang terlibat dalam pengurusan dan pengendalian buah kurma kurnia ini kerana telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan," sabda Duli Yang Teramat Mulia pada tahun 2007.

"Kita berasa beruntung kerana dengan adanya buah kurma kurnia peribadi Paduka Ayahanda, maka hubungan serta pertalian sesama kita juga akan terus ditingkatkan, melalui semangat kerjasama dan permuafakatan sesama kita dalam melaksanakan pengagihan kepada rakyat dan penduduk Islam di Negara Brunei Darussalam," sabda Duli Yang Teramat Mulia pada tahun 2010.

Buah kurma kurnia peribadi tersebut menjadi satu ingatan manis setiap rakyat akan keprihatinan, pemedulian dan kasih sayang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, terhadap

rakyat dan penduduk sebagai sedekah dan amal jariah di sepanjang bulan Ramadhan.

"Setiap kali bulan Ramadhan menjelang, para penduduk kampung akan datang ke rumah saya dengan borang yang sudah diisi untuk menerima kurnia buah kurma. Para penduduk kampung menzahirkan rasa syukur atas kurnia ini yang sememangnya mereka nanti-nantikan setiap tahun." ujar Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong.

Dalam bulan Ramadhan yang mubarak, umat Islam digalakkan untuk memperbanyak amal kebajikan

bagi mendapatkan ganjaran pahala. Pada tahun 2011, Yayasan telah mengundang dua orang imam tersohor dari Arab Saudi iaitu Imam Abu Ibrahim Mahmood bin Khaleel bin Abdul Rahman Al-Qari dan Imam Abu Salman Ahmad bin Khaleel bin Abdul Rahman Al-Qari dari Masjid Al-Qiblatain Al-Madinah Al-Munawarah untuk mengimami solat sunat tarawih di beberapa buah masjid di negara ini. Mereka juga mengongsikan pengalaman dan ilmu pengetahuan mereka tentang ajaran-ajaran Islam, khususnya memberi tunjuk ajar kepada imam-imam dan pegawai-pegawai masjid tempatan bagi menghalusi bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dalam solat.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menyerahkan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada seluruh rakyat dan penduduk yang berugama Islam di Negara Brunei Darussalam melalui Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung



Mesyuarat penyelarasan bagi urusan pembelian dan pengagihan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia



Pegawai-pegawai Daerah menyerahkan kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung untuk mengagih-agihkannya kepada anak-anak buah kampung di bawah jagaan mereka

Imam Abu Salman Ahmad bin Khaleel bin Abdul Rahman Al-Qari daripada Madinah Al-Munawarah, Arab Saudi, diundang oleh Yayasan pada bulan Ramadhan 1432/2011 untuk mengimamkan solat sunat terawih di beberapa buah masjid di seluruh negara

Meningkatkan Pengetahuan Islam

Sesuai dengan hikmat ibadah zakat iaitu menambah harta dan mendukung konsep melengkapi, Yayasan sentiasa memberikan sokongan kepada beberapa agensi bagi mengendalikan program dan aktiviti keugamaan untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman mengenai ajaran suci ugama Islam. Selain itu Yayasan juga terlibat dalam kegiatan perkembangan pengetahuan ajaran Islam.

Mendukung Program Keugamaan

Yayasan juga menghulurkan bantuan kewangan kepada beberapa badan bukan Kerajaan dan institusi pengajian yang menjalankan gerakan dakwah dalam usaha meninggikan syi'ar Islam. Antara bantuan yang dihulurkan ialah menaja Pertandingan Syarahan Sastera Islam, Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an untuk orang-orang cacat penglihatan menerusi tulisan Braille Jawi dan secara hafalan, Pertandingan Akhir Menghafal dan Memahami Al-Qur'an Senegara Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an, Dialog Belia Melayu dan Islam, Program Bimbingan Menghafaz Al-Qur'an Bagi Penghuni Penjara dan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi sekolah-sekolah ugama.

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pada menjunjung Titah Perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pentadbiran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Institut Tahfiz) telah diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan mulai pada 28 Syawal 1423 bersamaan 2 Januari 2003. Langkah ini bertujuan bagi menggabungkan amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kerabat Baginda dikendalikan melalui Yayasan. Institut Tahfiz telah ditubuhkan pada 7 Rejab 1413 bersamaan 1 Januari 1993. Sejak penubuhannya, institut ini dikendalikan di bawah kawalan sebuah Lembaga dan Jawatankuasa Akademik. Pada 1



Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Zulhijjah 1426 bersamaan 1 Januari 2006, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan supaya pentadbiran Institut Tahfiz diserahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi mencantumkan semua program dan skim di Pusat Pengajian dan Penyebaran Ilmu Al-Qur'an.

Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Satu pencapaian dalam usaha ke arah meninggikan syi'ar Islam melalui program pengajian telah diraih oleh Yayasan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) pada Januari 2013. Pusat ini diharapkan menjadi sebuah institusi pengajian yang menawarkan program pengajian dalam bidang seni Islam dan kaligrafi bagi mengembangkan pelbagai pengetahuan, kecekapan dan kemahiran seni Islam terutamanya seni mushaf, kaligrafi dan seni hiasan Islam. Sebuah Jawatankuasa Penubuhan telah dibentuk dan keahliannya terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Yayasan dan beberapa orang pegawai Kerajaan yang terlibat dalam bidang mushaf, kaligrafi dan seni hiasan Islam. Ke arah pelaksanaan penubuhan Pusat ini, Yayasan telah menjalin persefahaman dengan beberapa institusi luar negeri untuk mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat khusus berhubung kait dengan kaligrafi dan seni Islam melalui latihan profesional mahupun penyelidikan

yang boleh membantu ke arah penubuhan PPKKI-YSHHB. Satu Memorandum Persefahaman Akademik, Latihan Profesional dan Penyelidikan di antara Yayasan dengan Yayasan Restu (YR), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia telah ditandatangani pada 26 Muharram 1434 bersamaan 10 Disember 2012. Manakala pada 17 Muharram 1436 bersamaan 10 November 2014, Yayasan telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Pesantren Kaligrafi Al-Qur'an Lemka (LEMKA), Republik Indonesia dan O.I.C. Research Centre for History, Art and Culture (IRCICA), Republik Turki.


Sehingga akhir tahun 2017, PPKKI-YSHHB masih dalam peringkat awal penubuhannya sebagai pusat pengajian. Walau bagaimanapun, PPKKI-YSHHB telah menawarkan beberapa perkhidmatan seperti penyurihan semula buku Yasin, takhtim dan doa-doа (dengan tulisan tangan); dan menghasilkan karya-karya kaligrafi berupa ayat-ayat daripada kitab suci Al-Qur'an dan juga bersedia menerima tempahan daripada orang ramai.



Antara karya-karya kaligrafi yang dihasilkan oleh PPKKI-YSHHB



Pertukaran Memorandum Persefahaman
Akademik, Latihan Profesional dan Penyelidikan
antara Yayasan dengan Yayasan Restu (YR), Shah
Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
pada 26 Muharram 1434 bersamaan
10 Disember 2012



Lawatan ahli Jawatankuasa penubuhan PPKI-YSHHB
ke O.I.C. Research Centre for History, Art and Culture
(IRCICA), Republik Islam Turki pada 23 Safar 1436
bersamaan 16 Disember 2014

Menyempurnakan Ibadah Haji

Semenjak tahun 1995 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan pakaian ihram dan telekung kepada semua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam sebagai kurnia peribadi Baginda. Pengurusan pembelian dan pengagihan kurnia peribadi tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh Yayasan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman

"Kurnia ini merupakan sumbangan yang sangat dialu-alukan kerana bukan mudah untuk mendapatkan kain ihram yang berkualiti tinggi di negara ini," jelas Haji Osman bin Mohammad Jair, Pengarah Urusan Syarikat Darussalam Holdings Sendiri Berhad yang terlibat secara langsung mengawas kebajikan jemaah haji.

Pada tahun 2012, Yayasan menyumbangkan kerusi-kerusi roda untuk kemudahan para jemaah yang kurang upaya. *"Kerusi roda tersebut yang ditempatkan di Mekah, Madinah, Arafah dan Mina adalah untuk dimanfaatkan oleh jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang memerlukan khidmat berkenaan,"* jelas Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, mantan Pengarah Jabatan Urusan Haji Negara Brunei Darussalam.



Sumbangan kerusi roda bagi memberikan kemudahan kepada para jemaah haji yang memerlukan perkhidmatan tersebut semasa berada di tanah suci



Penyerahan kain ihram dan telekung pada bakal-bakal jemaah haji selepas Majlis Junjung Ziarah di Istana Nurul Iman





Pemandangan dari udara Rancangan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
di perairan Sungai Brunei (Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B')

BAB 4

Menyemai Harapan Masa Depan Yang Cerah

Sumbangsih: Bantuan Mangsa Kebakaran dan Bencana Alam

Sepanjang 25 tahun penubuhannya, Yayasan telah dapat melaksanakan pelbagai rancangan dan projek untuk mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup, sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat serta penduduk di negara ini. Di samping menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik, Yayasan juga memberi peluang kepada mereka yang memerlukan untuk hidup dengan lebih selesa dan terjamin. Kesemua ini diusahakan bagi merangsang keharmonian hidup masyarakat.

Di sebalik musibah yang ditempuhi kerana kehilangan harta benda dan tempat tinggal, mangsa kebakaran dan bencana alam perlu tabah untuk bangkit semula meneruskan kehidupan. Pada saat kesedihan ini, Yayasan tampil memberikan perhatian dan bersedia menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mereka untuk kembali menjalani kehidupan. Bantuan yang sedia dihulurkan ialah kewangan, makanan asasi, keperluan harian, dan peralatan sekolah bagi membolehkan anak-anak mangsa meneruskan pengajian dengan segera. Yayasan dengan kerjasama para sukarelawan juga memberikan khidmat bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa terlibat seperti penghantaran makanan, peralatan asas, dan bantuan membersihkan kawasan.

Tragedi kebakaran di Mukim Kampong Ayer pada September 1993 yang mengakibatkan beribu orang kehilangan tempat tinggal apabila api meranapkan beratus buah rumah di Kampong Peramu, Kampong Setia Pahlawan, dan Kampong

Saba Darat merupakan yang mula-mula menerima bantuan daripada Yayasan. Juga menerima bantuan ialah hampir 200 buah keluarga yang terlibat dalam tragedi kebakaran di Mukim Kampong Ayer pada Ogos 2002 yang meranapkan rumah-rumah di Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujung Klinik serta sebuah sekolah rendah (Sekolah Rendah Laila Menchanai).

Kesejahteraan lebih 100 orang penghuni di sebuah rumah panjang 16 pintu di Kampong Sumbiling Baru, Mukim Amo yang terlibat dalam kebakaran pada Julai 2013 juga mendapat perhatian dan bantuan daripada Yayasan.

Sehingga ke hari ini, Yayasan terus menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran di seluruh negara mengikut keperluan mereka.

Mangsa bencana rumah roboh yang berlaku di beberapa buah kampung di Mukim Kampong Ayer juga mendapat perhatian dan bantuan segera daripada Yayasan.



Antara aktiviti penyampaian sumbangan kewangan, barang keperluan asasi, peralatan dan khidmat bantuan yang dihulurkan oleh Yayasan bagi membantu meringankan beban mangsa untuk meneruskan kehidupan harian

Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali mengalami cuaca yang tidak menentu yang mengakibatkan berlakunya bencana alam seperti banjir, ribut, dan tanah susur. Dalam keadaan kecemasan ini, Yayasan turut memeduli mangsa terlibat dengan menghulur bantuan yang bersesuaian. Selain memberikan bantuan langsung kepada mangsa-mangsa, Yayasan juga turut memberi sokongan dan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Antara sumbangan Yayasan ialah menderma sebanyak BND50,000.00 kepada Tabung Bantuan Bencana Angin Kencang di Mukim Kampong Ayer yang ditubuhkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun 2007. Sumbangan wang tersebut dibelanjakan untuk membeli bahan-

bahan binaan dan upah pekerja memperbaiki beberapa buah rumah yang rosak akibat bencana tersebut. Selain itu, pada tahun 2008, Yayasan telah menyumbangkan sejumlah BND100,000.00 kepada Tabung Bantuan Kemanusiaan bagi membantu meringankan beban mangsa yang terlibat dalam banjir besar yang merosakkan beratus buah rumah, bangunan komersial, harta benda dan binatang ternakan di beberapa kawasan di Daerah Temburong. Begitu juga pada bulan Januari dan Februari 2009, Yayasan telah menderma lebih daripada BND250,000.00 yang disalurkan melalui Tabung Bantuan Kemanusiaan bagi membantu mangsa kejadian banjir dan tanah runtuh di Daerah Tutong.

Yayasan juga menghulurkan bantuan sebagai melahirkan rasa simpati dan dukacita kepada

keluarga mangsa tragedi kemalangan. Antara yang mendapat perhatian Yayasan ialah keluarga mangsa kemalangan bas pelancong di Sabah pada bulan Disember 2011 dan keluarga mangsa tragedi kemalangan helikopter Bell 212, Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei pada bulan Julai 2012 yang mengorbankan 12 pegawai. Selain itu, anak-anak yang menjadi yatim piatu disebabkan kemalangan yang menimpa kedua ibu bapa mereka juga mendapat pemedulian daripada Yayasan. Antaranya ialah anak-anak kepada dua pasang suami isteri yang terlibat dalam kejadian bot karam dan akibat kemalangan jalan raya pada November 2015.

Jelas bantuan ini mencerminkan keprihatinan Yayasan yang sentiasa sedia membantu mereka yang memerlukan apatah lagi pada detik-detik mereka amat bersedih dan berduka cita.



Sumbangan kewangan Yayasan juga disalurkan kepada tabung-tabung bantuan kemanusiaan kebangsaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membantu mangsa-mangsa bencana



Penawar Hati: Bantuan Perubatan dan Rawatan bagi yang Memerlukan

Menyedari biaya rawatan yang memang memerlukan belanja yang agak besar dan keperluan para pesakit untuk sembuh dan sihat bagi menjalani kehidupan seperti biasa, Yayasan memberikan perhatian terhadap keperluan pesakit-pesakit tersebut. Bantuan ini bukan sahaja demi menyelamatkan nyawa pesakit tetapi juga bagi kepentingan masa depan ahli keluarga pesakit, lebih-lebih lagi jika pesakit itu merupakan kepala keluarga.

Sebahagian daripada kes mereka ini ialah kes yang dirujuk kepada Pekerja Sosial Perubatan (PSP) daripada pihak hospital dan sebahagiannya lagi langsung diterima daripada permohonan pesakit dan keluarga pesakit itu sendiri.

Antaranya, Awang Kiprawi bin Haji Nawi berusia 40 tahun (pada tahun 2011) bapa kepada dua orang anak yang berasal dari Kampong Serdang. Beliau berasa bernasib baik kerana telah kembali sembuh semula setelah mendapat bantuan Yayasan bagi membayai kos rawatan pembedahan jantung di Gleneagles JPMC, Jerudong. “Dengan biaya sebesar itu memang kami tidak mampu untuk melakukan pembedahan tersebut,” kenang Awang Kifrawi kembali. Kini Awang Kiprawi menjalani hidup sihat dan bahagia di samping keluarga beliau.

Sementara itu pada tahun 2008, Dayang Sadatul Mariani binti Matarsad menerima bantuan kewangan daripada Yayasan bagi membolehkan beliau mendapatkan rawatan khusus scoliosis (kelengkungan abnormal tulang belakang) di salah sebuah hospital di United Kingdom.

Selain bantuan biaya rawatan dan perubatan, Yayasan juga memberikan bantuan dalam bentuk keperluan dan peralatan khusus bagi pesakit, seperti kerusi roda, katil dan tilam khas, peralatan perubatan khusus bagi pesakit, lampin pakai buang, susu formula dan sebagainya. Dalam beberapa keadaan, Yayasan juga memberikan bantuan mengubah suai bilik di rumah pesakit bagi keselesaan mereka. Bantuan tersebut diberikan kepada pesakit-pesakit yang terdiri daripada warga emas dan mereka yang kurang berkemampuan.

Yayasan telah melaksanakan lebih daripada yang dirangkakan bagi memeduli kebajikan rakyat dan penduduk negara ini, sekali gus menjadi simbol harapan kepada pesakit yang tidak berkemampuan.

Mantan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Hajah Adina binti Othman berpendapat bahawa Yayasan sebagai satu penyalur bantuan yang penting kepada golongan yang kurang bernasib baik untuk mendapatkan pertolongan yang mereka perlukan. *“Di mananya negara di dunia ini sekali pun, tanggungjawab membantu mereka yang kurang bernasib baik tidak sepenuhnya disandarkan kepada Kerajaan. Tanggungjawab sedemikian biasanya diimbangi dan dilengkapi oleh beberapa organisasi bukan Kerajaan khususnya charity organisation seperti mana yang dilakukan oleh Yayasan,”* kata beliau.





Beberapa penyampaian bantuan keperluan dan peralatan khusus yang diberikan oleh Yayasan kepada pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan



Projek Amal Ramadhan: Memeduli Kebajikan bagi yang Memerlukan

Projek amal Ramadhan mula dikendalikan pada tahun 2013 dengan membuat lawatan ke rumah-rumah orang yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan di beberapa buah kampung di seluruh negara. Setiap keluarga yang dikunjungi diberikan bantuan dalam bentuk kewangan, barang-barang keperluan dan makanan asasi bagi menyuntik keceriaan keluarga berkenaan dalam melaksanakan ibadah puasa dan menyambut hari kemenangan Hari Raya Aidilfitri. Kunjungan ini juga memberikan peluang kepada Yayasan untuk memeduli kebajikan keluarga yang dibantu dan membuat penelitian mengenai keperluan keluarga berkenaan.

Mengatasi Kemiskinan: Program Memperkasa Keupayaan

Yayasan menyedari akan kepentingan menggalakkan golongan miskin dan kurang berkemampuan untuk berdikari meningkatkan mata pencarian mereka sendiri dan memperbaiki taraf kehidupan mereka untuk pelaburan jangka panjang. Beberapa inisiatif telah diusahakan oleh Yayasan dengan kerjasama rakan-rakan strategiknya misalnya program menggalakkan keusahawanan. Selain itu, Yayasan sendiri mempunyai skim khusus yang dinamakan Skim Pembiayaan Kebajikan (SPK).

Kegiatan Penyelidikan

Yayasan mengambil inisiatif dalam menilai kaedah dan pendekatan agar perkhidmatan ditingkatkan dari segi kualiti dan kepelbagaiannya khususnya dalam menangani kesejahteraan golongan yang kurang berkemampuan. Pada tahun 2001, Yayasan telah bekerjasama dengan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar (FBEPS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) melaksanakan projek penyelidikan bertajuk 'Petunjuk Sosioekonomi dan Penilaian Kemiskinan di Negara Brunei Darussalam'. Penemuan penyelidikan ini diguna pakai oleh Yayasan bagi merangka bentuk bantuan yang terbaik dan sesuai dengan keadaan.

Ketua Penyelidik di Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS), Dr. Diana Cheong memberikan pujian kepada Yayasan kerana mendapatkan cara yang lebih baik untuk membantu mereka

yang kurang bernasib baik. *"Saya percaya Yayasan bukan sahaja boleh mewujudkan hasil penyelidikan terhadap tahap kemiskinan di Brunei Darussalam, bahkan juga menjalankan projek-projek bantuan yang lebih berkesan terhadap golongan miskin dan yang memerlukan bantuan kebajikan. Ini merupakan satu kejayaan cemerlang Yayasan sebagai sebuah NGO,"* terang Dr. Diana Cheong.

Sehingga kini Yayasan dengan kerjasama UBD masih meneruskan kaji selidik bagi mengemaskinikan data maklumat penduduk kampung di seluruh negara secara berperingkat-peringkat. Data maklumat tersebut seterusnya diperbaharui, dianalisa dan diguna pakai oleh Yayasan bagi mengenal pasti bentuk bantuan dan sokongan yang perlu dan bersesuaian diberikan dari semasa ke semasa.



Majlis Penandatanganan di antara Yayasan dengan Universiti Brunei Darussalam dalam melaksanakan kajian 'Petunjuk Sosioekonomi dan Penilaian Kemiskinan di Negara Brunei Darussalam' pada tahun 2001



Kaji selidik bagi mengemaskinikan data maklumat penduduk kampung di seluruh negara

Projek Keusahawanan Mandiri

Umpama bidalan “Beri dia ikan dan engkau memberinya makan untuk sehari. Ajari dia memancing ikan dan engkau memberinya makan untuk selamanya...”. Bermula pada awal tahun 2000, Yayasan mula proaktif dalam melaksanakan projek bantuan pengupayaan diri melalui aktiviti keusahawanan kepada keluarga yang kurang berkemampuan. Projek pengupayaan diri ini bertujuan bagi mendorong keluarga yang kurang berkemampuan untuk menceburkan diri dalam aktiviti perusahaan kecil-kecilan untuk meningkatkan ekonomi keluarga. Melalui projek ini, Yayasan memberikan bantuan modal sama ada kewangan atau peralatan kepada beberapa buah keluarga serta individu yang telah dikenal pasti bagi memulakan atau mengembangkan aktiviti perusahaan mereka. Beberapa aktiviti perusahaan yang diusahakan adalah seperti pertanian dan ternakan, jahitan, pembuatan makanan kering dan basah, menangkap ikan, menambang perahu dan sebagainya. Beberapa aktiviti sokongan juga diatur bagi menjayakan projek ini seperti taklimat motivasi, bengkel, lawatan, dan sebagainya. Projek ini dikendalikan dengan kerjasama rakan strategik Yayasan seperti *Entrepreneurship Village UBD*, Pusat Pembangunan Belia, Jabatan Pertanian

dan Agrimakanan dan Unit Pendidikan Lanjutan. Selain itu, para sukarelawan Yayasan juga terlibat sebagai mentor untuk membimbing mereka untuk mengusahakan dan mengembangmajukan perusahaan masing-masing.

Skim Pembiayaan Kebajikan

Yayasan sentiasa mempertingkatkan keberkesanan program-program yang diusahakan. Bantuan dan sokongan dalam projek pengupayaan diri telah dipertingkatkan dengan memperkenalkan Skim Pembiayaan Kebajikan (SPK) pada Mac 2015. SPK bertujuan untuk memperkasakan dan mempertingkatkan keupayaan diri keluarga yang kurang berkemampuan agar dapat mencapai tahap kehidupan yang boleh menyara hidup keluarga dengan berdikari tanpa bergantung kepada bantuan secara berterusan. Program ini juga dihasratkan bagi meningkatkan keyakinan diri mereka untuk menyumbang kepada masyarakat dengan menjadi individu yang bertanggungjawab. Mereka seterusnya akan dapat membina asas kemahiran keusahawanan yang dapat membantu mereka mencapai tahap sara diri yang mampu menanggung perbelanjaan dan keperluan keluarga. Melalui skim ini mereka yang mempunyai kebolehan fizikal dan minda serta mempunyai minat

dalam bidang keusahawanan diberikan sokongan sama ada bantuan kewangan, peralatan, latihan, dan pemantauan.

Seorang penerima bantuan Skim Pembiayaan Kebajikan iaitu Pengiran Mohammad bin Pengiran Jaludin yang menyara 12 orang anak menyatakan rasa syukur kerana beliau dan isteri telah dapat memajukan perusahaan mereka melalui bantuan ini. Menurut beliau, melalui SPK ini Yayasan telah memberikan bantuan modal kewangan dan peralatan bagi membantu meningkatkan perniagaan ‘nasi campur’ yang telah diusahakannya sejak tahun 2006. SPK telah membantu mereka mengurus kewangan dengan baik dan meningkatkan pendapatan. Menurut Pengiran Mohammad, program latihan dan pemantauan dari SPK ini sangat membantu dan beliau kini peka merangka strategi perniagaannya. Kini beliau mampu menyara kehidupan keluarga dengan teratur dan mampu memiliki sebuah kereta untuk kemudahan mengurus perniagaan keluarganya. Beliau bersama keluarganya bercita-cita untuk menujuhkan dan menguruskan sebuah restoran.

Para ibu tunggal juga tidak ketinggalan mendapat perhatian daripada Yayasan. Program Pembangunan

Kapasiti Ibu Tunggal adalah merupakan salah satu program keusahawanan yang dikhkususkan bagi para ibu tunggal yang menjadi ketua keluarga dan tidak mempunyai pekerjaan. Melalui program ini mereka diberikan latihan kemahiran agar dapat berdikari, menjalankan perusahaan sendiri ataupun dengan mendapatkan pekerjaan bagi menampung keperluan kehidupan harian keluarga.

Ibu tunggal, Dayang Murah bin Dullah ialah antara penerima bantuan SPK pada 2015 bagi mengendalikan perniagaan ikan bakar dan pembuatan ikan ‘pais dan liking’. Sungguhpun perniagaan ini telah lama diusahakan tetapi pulangan yang diterima tidak tetap. Melalui SPK beliau berasa dipeduli dan dapat mengurus perniagaan dengan baik dan teratur. Bengkel-bengkel latihan melalui SPK membantu beliau meningkatkan ilmu dalam mengurus kewangan dan perniagaan. Kini Dayang Murah berasa masa depannya lebih terjamin dan kini berhasrat untuk meluaskan perniagaannya.



Antara aktiviti latihan bagi para ibu tunggal yang dikendalikan oleh Yayasan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang perusahaan



Perniagaan yang diusahakan oleh para peserta Skim Pembiayaan Kebajikan Yayasan

Skim Bantuan Perumahan

Perumahan begitu dititikberatkan dalam kehidupan setiap individu kerana rumah merupakan keperluan asas. Penyediaan tempat kediaman yang selamat dan selesa merupakan keperluan untuk melahirkan keluarga yang harmoni. Skim Bantuan Perumahan ialah salah satu projek terbesar yang dilaksanakan oleh Yayasan untuk meningkatkan taraf kesejahteraan dan pembangunan sosioekonomi rakyat yang memerlukan.

Projek Perumahan Yayasan di Mukim Kampong Ayer

Ide bagi pembinaan projek Perumahan Yayasan di Mukim Kampong Ayer lahir apabila berlakunya dua kejadian kebakaran besar pada tahun 1993, memusnahkan ratusan buah rumah yang mengakibatkan ribuan penduduk kehilangan tempat tinggal. Projek perumahan ini bertujuan bagi penempatan semula mangsa kebakaran tersebut.

Sebanyak 226 buah rumah telah dibina di kawasan perairan Sungai Brunei, iaitu di Kampong Buang Sakar. Perumahan ini dirasmikan setahun kemudian

oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Rabiulawal 1415 bersamaan 22 Ogos 1994 dan diberikan nama Kampong Bolkiah 'A'.

Terdapat dua jenis rumah yang ditawarkan, iaitu Rumah Jenis A mempunyai dua buah bilik tidur berharga BND26,000.00 sebuah dan rumah jenis B mempunyai empat buah bilik tidur dengan harga BND33,000.00 sebuah. Keluarga mangsa-

mangsa kebakaran telah dipelawa untuk memohon perumahan tersebut di bawah Skim Perumahan Yayasan dengan harga subsidi dan tempoh bayaran balik selama 20 tahun tanpa faedah. Pemohon-pemohon yang berjaya memiliki rumah tersebut mula berpindah ke rumah mereka di Kampong Bolkiah 'A' pada bulan Julai 1994.

Awang Haji Mat Zin bin Haji Mat Serudin, tukang kayu yang telah bersara ialah salah seorang daripada penerima yang bertuah. Mengingati peristiwa kebakaran rumah kediamannya di



Pengundian bagi menetapkan kedudukan rumah masing-masing di Rancangan Perumahan Kampong Bolkiah 'A' diadakan di Ibu Pejabat Yayasan

Kampong Peramu, dengan rasa sedih menyatakan, "Betapa sedihnya saya ketika rumah tempat tinggal dan harta benda saya musnah terbakar. Sebelum Yayasan membawa berita tentang perumahan Kampong Bolkiah 'A' ini, saya tinggal menumpang di rumah anak saya di Kampong Tarap Bau selama tiga bulan," ujar beliau mengimbas kembali kisah silam.

"Pada mulanya saya rasa keberatan untuk berpindah setelah mendengar khabar perbelanjaan hidup di sana nanti di luar kemampuan kami." Walau bagaimanapun, menurutnya bayaran ansuran bulanan dalam skim perumahan Yayasan itu mampu meringankan beban tanggungan hidupnya. "Saya telah dapat menjalani kehidupan dengan selesa di sini lebih 20 tahun yang lalu. Saya telah dapat melupakan kesedihan dan kemurungan yang saya lalui akibat kebakaran tersebut," tambah beliau lagi.

Seorang penerima warga emas, Awang Haji Yahya bin Metussin, berasa bersyukur apabila diberi peluang tinggal di rumah yang disubsidi, agak besar dan selesa dengan bayaran ansuran tanpa faedah. Beliau menyatakan, "Saya sekeluarga tidak dapat menyelamatkan semua barang kepunyaan kami semasa kebakaran itu. Kami terselamat cuma dengan pakaian sehelai sepinggang dan surat-surat beranak dan beberapa barang kemas yang dapat diselamatkan (diselamatkan)."

Projek perumahan Yayasan ini sesungguhnya merupakan satu rahmat bagi keluarga-keluarga yang terlibat dan terpaksa membina kehidupan mereka semula setelah kehilangan hampir segala-galanya oleh peristiwa kebakaran itu.

Dalam melaksanakan projek perumahan, Yayasan telah bekerjasama dengan pihak Kerajaan. Yayasan bertanggungjawab mendirikan rumah manakala Kerajaan pula menyediakan prasarana. "Inilah satu-satunya rancangan yang agak besar yang pernah dikendalikan oleh pihak bukan Kerajaan, ini juga bermakna, bahawa tanggungjawab terhadap rakyat dan penduduk itu boleh dikendalikan sama oleh pihak-pihak tertentu di luar Kerajaan, yakni tidaklah mesti dipikul sepenuhnya oleh Kerajaan," petikan Titah Kebawah Duli Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Surat Pengakuan kepada peserta-peserta yang mengikuti Rancangan Perumahan Kampong Bolkiah 'A' pada 15 Rabiulawal 1415 bersamaan dengan 22 Ogos 1994.

Kesinambungan pembinaan projek Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah 'A', Yayasan telah melaksanakan satu lagi projek perumahan di perairan Sungai Brunei iaitu di kawasan Pulau Berambang pada tahun 1994.

Sebanyak 250 buah rumah jenis B yang mempunyai empat buah bilik tidur didirikan di kawasan tersebut dengan harga BND38,800.00 sebuah. Keutamaan untuk mendiami perumahan tersebut diberikan kepada penduduk kawasan Mukim Kampong Ayer yang telah kehilangan rumah mereka dalam bencana kebakaran. Seperti skim di Kampong Bolkiah 'A', para pemohon yang berjaya memiliki rumah tersebut akan membayar balik rumah berkenaan dengan harga subsidi selama 20 tahun tanpa faedah.



Majlis Penyerahan Surat Pengakuan kepada peserta-peserta yang mengikuti Rancangan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Buang Sakar dan pengisytiharan nama Kampong Bolkiah 'A' disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Rabiulawal 1415 bersamaan 22 Ogos 1994



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Pembukaan Rasmi Perumahan pada 22 Zulhijjah 1415 bersamaan 22 Mei 1995. Perumahan ini dinamakan Kampong Bolkiah 'B'.

Rumah-rumah di bawah Projek Perumahan Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B' direka bentuk dan dibina dengan mengambil kira aspek-aspek keselesaan, kesejahteraan dan keselamatan. Jarak di antara setiap rumah cukup untuk memberikan ruang yang akan mengurangkan kemungkinan api merebak jika berlaku kebakaran. Setiap rumah dihubungkan dengan jambatan konkrit yang luas dan dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan air paip, elektrik dan sistem kumbahan vakum yang inovatif.

Sementara itu, Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah siap dibina pada Julai 2000 di Kampong Bolkiah 'A' untuk memberi kemudahan penduduk setempat melaksanakan aktiviti-aktiviti keugamaan. Pada tahun 1999, sekolah ugama disediakan di Kampong Bolkiah 'B'. Sebuah klinik yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan juga disediakan bagi memberikan kemudahan kepada penduduk di



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengisytiharkan nama Kampong Bolkiah 'B' pada 22 Zulhijjah 1415 bersamaan 22 Mei 1995



Kemudahan-kemudahan yang disediakan di Rancangan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B' telah mewujudkan suasana kehidupan yang harmoni dan selesa

kedua-dua kampung untuk menerima rawatan. Selain itu, keselamatan penduduk di kawasan perumahan ini juga terjamin dengan adanya sebuah Balai Polis terletak di Kampong Bolkiah 'A'. Sebuah jambatan utama yang menghubungkan Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B' telah siap dibina pada awal tahun 2011 dan dibuka secara rasmi pada 26 Jamadilawal 1432 bersamaan 30 April 2011.

Bagi menyemai kemahiran penduduk di kawasan ini, Yayasan mengadakan Bengkel Tenunan Tradisional di kedua-dua kampung dengan menawarkan kursus latihan tenunan selama tiga tahun kepada penduduk kampung. Kemahiran itu diharap dapat membantu mereka menjana sumber pendapatan hasil daripada tenunan di samping memelihara warisan kebudayaan Melayu Brunei. Di antara tahun 1994 hingga 2009, bengkel-bengkel tersebut menghasilkan seramai 48 orang pelatih. Sebahagian daripada mereka telah berjaya menjadi usahawan dengan menghasilkan produk kain tenunan Brunei yang menarik dan berkualiti. Untuk menumpukan program-program lain yang diungkayahkan oleh Yayasan, maka kursus latihan tenunan diberhentikan pada Disember 2009. Walau bagaimanapun bengkel tenunan masih digunakan oleh penduduk kampung dan lepasan pelatih bagi menghasilkan produk tenunan mereka. Kesinambungan dari latihan tenunan

tersebut, mereka dapat meneruskan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman untuk dikongsi bersama generasi akan datang.

Awang Shahminan bin Haji Mat Zain, Ketua Kampong Bolkiah 'A' dan Awang Haji Shamsuddin bin Haji Maidin, Ketua Kampong Bolkiah 'B' mewakili penduduk kampung masing-masing menzahirkan rasa terima kasih atas segala sumbangan dan sokongan yang mereka terima daripada Yayasan selama ini.

Sejak Skim Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B' mula dibangunkan sehingga sekarang, Yayasan telah berjaya memulihkan kehidupan kira-kira 3,330 orang penduduk yang mendiami 476 buah rumah di kawasan perumahan tersebut. Kini mereka menikmati kehidupan dengan selesa dan aman.



Antara produk kain tenunan yang dihasilkan oleh pelatih Bengkel Tenunan Kampong Bolkiah



Perumahan Yayasan Kampong Bolkiah ‘A’ dan Kampong Bolkiah ‘B’

Rumah Bantuan untuk Golongan yang Kurang Berkemampuan

Pembinaan rumah-rumah bantuan di bawah Skim Bantuan Perumahan Yayasan bertujuan bagi mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat yang kurang berkemampuan. Rumah bantuan yang diberikan secara percuma ini diharatkkan agar mereka dapat menjalani kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat yang lebih selesa, aman dan harmoni.

Projek yang mula dilaksanakan pada tahun 1997 masih diteruskan sehingga sekarang. Sehingga Oktober 2017 sebanyak 161 buah rumah (termasuk 83 buah rumah bagi saudara-saudara baru yang kurang berkemampuan) telah didiami oleh penerima di seluruh negara.

Salah seorang penerima yang terawal, iaitu Awang Hasan bin Budin, ayah kepada lapan orang anak telah menerima kunci rumah yang dikurniakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Safar 1419 bersamaan 17 Jun 1998. Beliau berasa bertuah bukan sahaja menerima kurnia rumah malah juga kerana Baginda berkenan berangkat melawat rumah baharunya. *"Kami sekeluarga tidak akan melupakan peristiwa manis itu dan kami sangat berterima kasih atas pemedulian Yayasan selama ini."*



Awang Hasan bin Budin di Majlis Penyerahan Anak-Anak Kunci Rumah Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Transformasi kehidupan – salah sebuah rumah bantuan Yayasan yang dibina berdekatan dengan sebuah rumah usang yang dahulunya pernah didiami oleh penerima rumah bantuan Yayasan

Seorang lagi penerima rumah bantuan Yayasan, iaitu Dayang Kasum binti Ahmad, seorang ibu tunggal berkata rumah yang kini didiaminya bersama lima orang anak-anaknya adalah jauh lebih baik berbanding dengan pondok kecil yang mereka diami sebelum ini. *"Mulanya saya bimbang membesarkan anak saya dengan keadaan kehidupan yang serba kekurangan. Kalau mengukur kemampuan, memang saya tidak akan dapat memiliki sebuah rumah yang lengkap dengan bilik, dapur, dan bilik mandi ini,"* jelas beliau, ketika berada di rumah baharu mereka di Kampong Maraburong, Daerah Tutong yang telah siap dibina pada tahun 2009.

Dayang Dayatirina binti Moksin, salah seorang lagi penerima yang baru sahaja menerima rumah bantuan Yayasan pada bulan Jun 2017. Sebagai seorang ibu tunggal yang menyara enam orang anak dan empat daripadanya ialah anak-anak autistik, merasakan rumah bantuan yang diterimanya ini satu rahmat dan kegembiraan yang sukar digambarkan. *"Sebelum ini saya berasa risau memikirkan masa depan anak-anak sehingga gak tempat tinggal tetap pun belum dapat saya sediakan untuk mereka,"* jelas Dayang Dayatirina. Kini beliau dapat menjalani kehidupan dengan lebih tenang dan menumpukan sepenuh perhatian membesarkan anak-anaknya di rumah baharu beliau di Kampong Bukit Udal, Daerah Tutong.

Yayasan bukan setakat membina rumah baru, malah memperluaskan skim bantuan perumahannya dengan mengendalikan bantuan membaik pulih rumah khusus bagi golongan yang kurang berkemampuan yang setentunya tidak berdaya menyediakan kos bagi perkhidmatan sedemikian.

Bermula pada tahun 2008, Yayasan telah melaksanakan projek bantuan membina dan membaik pulih rumah golongan yang kurang



Rumah-rumah bantuan Yayasan bagi keluarga yang kurang berkemampuan



Majlis peletakan batu asas rumah bantuan Yayasan



berkemampuan secara kolektif bersama-sama beberapa agensi termasuk pihak Kerajaan dan bukan Kerajaan. Usaha ini telah dapat menanam semangat bekerjasama dalam memikul tanggungjawab memeduli kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk.

Salah satu contoh kerjasama antara Yayasan dengan Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara ialah membina rumah warga emas, Awang Yusof bin Othman di Kampong Lumapas. Awang Yusof buntu memikirkan keadaan rumahnya di Kampong Tamoi, Mukim Kampong Ayer yang hampir runtuh dan atas bantuan kerjasama ini beliau sekeluarga dapat menjalani kehidupan dengan selesa di rumah baharunya. Salah satu lagi projek usahasama Yayasan ialah membantu membina rumah kediaman Awang Jumat bin Abai, seorang yang berkeperluan khas di Kampong Senukoh. Projek ini diselenggarakan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Sehubungan dengan perkara ini, Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, mantan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merumuskan, “Yayasan telah berjaya melaksanakan bantuan perumahan melalui Skim Bantuan Perumahan Yayasan dengan sangat baik. Banyak masalah perumahan yang dihadapi oleh golongan yang kurang berkemampuan telah dapat ditangani oleh Yayasan.” Dalam melaksanakan projek bantuan perumahan ini, bukan jumlah wang yang disumbangkan dan usaha yang dicurahkan menjadi ukuran tetapi ia lebih menitik beratkan tanggungjawab Yayasan kepada golongan yang kurang berkemampuan supaya menikmati kehidupan yang lebih baik.



Dayang Dayatirina binti Moksin menerima anak kunci rumah bantuan Yayasan pada bulan Jun 2017



Penyerahan anak kunci rumah bantuan Yayasan kepada Dayang Kasum binti Ahmad di Kampong Maraburong



Salah seorang penerima rumah bantuan yang dikendalikan di bawah projek kerjasama Yayasan, JAPEM dan ABDB

Memberikan Sokongan kepada Golongan Orang Kelainan Upaya

Yayasan juga memberi perhatian terhadap potensi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang sewajarnya diberikan bimbingan, didikan dan kemahiran supaya mereka menjadi individu yang berjaya dan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Dalam memberikan perhatian dan sokongan terhadap kebajikan golongan OKU ini, Yayasan menghulurkan bantuan dan bekerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) bagi mengendalikan program pemulihan dan pembangunan untuk mereka.

Sejak tahun 2001, Yayasan telah berterusan menyumbangkan sebanyak BND50,000.00 setiap tahun kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di Kampong Bengkurong. Sumbangan digunakan untuk membantu pusat ini membiayai aktiviti pengurusan dan operasi bagi menyediakan khidmat latihan kepada penghuninya supaya mereka dapat mencapai kemahiran yang lebih baik.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan menjelaskan, "Sebagai sebuah badan amal NGO, semua dana yang kami terima merupakan hasil sumbangan daripada orang ramai dan swasta. Yayasan merupakan salah satu daripada penyumbang utama dalam kalangan masyarakat yang pemurah ini. Ia setentunya amat dihargai."



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Pengurus Lembaga Pemegang Amanah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam menerima sumbangan Yayasan untuk Pusat berkenaan di Majlis Penyampaian Sumbangan Yayasan pada 10 Rabiulawal 1427 bersamaan 9 April 2006

Sebuah lagi badan bukan Kerajaan yang menerima sokongan daripada Yayasan ialah Persatuan SMARTER Brunei (Persatuan bagi Pengurusan Autisme dalam Latihan, Pendidikan dan Sumber). Persatuan ini ditubuhkan untuk mengendalikan program pendidikan khusus bagi golongan autisme. Pengasas dan Presiden Persatuan SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Haji Othman, menerangkan bahawa kerjasama rapat Yayasan dengan persatuan itu selama lebih satu dekad merupakan sokongan 'talian hayat'.

Kesungguhan Yayasan dalam membantu menyokong misi organisasi ini bagi memupuk perkembangan pendidikan dan pertumbuhan holistik individu autistik terus diperkuuhkan melalui penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) pada akhir April 2012. MoU ini membolehkan Persatuan SMARTER Brunei untuk terus menerima BND50,000.00 bantuan kewangan setiap tahun. Di bawah MoU berkenaan, 50 peratus daripada sumbangan tahunan akan diperuntukkan khusus bagi pembayaran yuran pendidikan kanak-kanak autistik daripada keluarga berpendapatan rendah, sementara baki 50 peratus pula digunakan untuk membiayai keperluan pengajaran dan pembelajaran di Pusat Intervensi

Gangguan Spektrum Autisme (*Autism Spectrum Disorder - ASD*), SMARTER Brunei. Pada tahun 2015, Yayasan memberikan sumbangan kewangan berjumlah BND50,000.00 bagi menaja pembinaan lima buah bilik darjah di Pusat Intervensi ASD di Kampong Mata-Mata untuk menampung peningkatan jumlah individu autisme, terutamanya anak-anak yang semakin meningkat remaja.

Banyak lagi NGO yang mengendalikan program pemulihan dan pembangunan golongan OKU turut menerima sokongan dan bantuan kewangan daripada Yayasan seperti Persatuan Orang Buta Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNAB). Awang Mohd. Jamary bin Danggat, Presiden Persatuan BDNAB menyifatkan sokongan dan sumbangan Yayasan sebagai pendorong kepada komuniti orang-orang kurang upaya penglihatan untuk terus bergiat aktif mengasah bakat dan kebolehan masing-masing yang dapat dimanfaatkan sebagai sumber pendapatan mereka dan seterusnya menyumbang kepada masyarakat. Persatuan Olimpik Khas Brunei Darussalam (SOBD) yang melatih dan melahirkan individu intelektual kurang upaya dalam sukan juga antara yang menerima bantuan dan sokongan daripada Yayasan.



Persatuan SMARTER Brunei menjadi rakan strategik Yayasan dalam melaksanakan khidmat bantuan kepada kanak-kanak autistik





Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan pada 19 Syawal 1436 bersamaan 5 Ogos 2015 mengetengahkan golongan OKU sebagai peserta



Yayasan telah mengetengahkan golongan OKU sebagai peserta di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan pada 19 Syawal 1436 bersamaan 5 Ogos 2015 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam. Di majlis tersebut, Yayasan memberikan penghargaan kepada sembilan buah NGO yang memeduli kebajikan golongan OKU di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sijil-sijil penghargaan tersebut kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam; Persatuan SMARTER Brunei; Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA); Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Orang-Orang Cacat Anggota (PAPDA); Persatuan Olimpik Khas Brunei Darussalam (SOBD); Persatuan Orang Buta Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNAB); Persatuan Orang Kurang Pendengaran Kebangsaan (OKP); *Learning Ladders Society*; dan Persatuan Sindrom Down.

Bantuan Merentas Sempadan

Di samping memberikan perhatian terhadap kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini, Yayasan juga terlibat dalam memberikan bantuan kepada masyarakat di luar negara yang mengalami musibah seperti bencana alam dan perperangan. Sumbangan Yayasan dihilurkan melalui Tabung Bantuan Kemanusiaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan di negara ini.

Di samping memberikan bantuan kepada rakyat dan penduduk di negara ini, Yayasan juga menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam dan perperangan di luar negara. Antara negara yang pernah dihilurkan bantuan termasuk New Zealand dan Australia di Timur Pasifik yang terlibat dalam bencana gempa bumi dan banjir yang berlaku pada

tahun 2011 serta New Orleans, Amerika Syarikat yang dilanda Taufan Katrina dan Taufan Rita pada tahun 2005. Di Timur Tengah pula mangsa keganasan Perang Iraq pada tahun 2003 dan mangsa kezaliman Zionis Israel ke atas penduduk Palestin juga menerima sumbangan daripada Yayasan pada tahun 2009 dan 2013.

Bagi negara jiran terdekat, Yayasan telah menyumbangkan 3,000 naskhah Al-Qur'an dan Muqaddam ke beberapa tempat ibadat umat Islam di seluruh Kemboja pada tahun 2004.

Pada akhir Mei 2006, Yayasan telah menghulurkan sumbangan dan bantuan pada mangsa gempa bumi di Yogyakarta dan Jawa Tengah di Indonesia termasuk bantuan rawatan perubatan dan kemudahan tempat perlindungan.

Yayasan juga memberikan bantuan kepada mangsa banjir apabila Semenanjung Malaysia dilanda banjir besar pada tahun 2015.

Mangsa bencana gunung berapi Merapi dan Mentawai di Indonesia pada tahun 2010 juga antara yang menerima sumbangan Yayasan. Mangsa bencana ribut di Filipina pada tahun 2009, 2012 dan 2013 juga menerima sumbangan daripada Yayasan.

Manakala mangsa gempa bumi di Nepal, China, Haiti, dan Chile dan juga mangsa gempa bumi dan tsunami di Jepun juga menerima sumbangan daripada Yayasan.





Keprihatinan Yayasan merentasi sempadan – bantuan Yayasan kepada mangsa bencana di seluruh dunia disalurkan melalui Tabung Bantuan Kemanusiaan yang ditubuhkan oleh Kerajaan

Bantuan Kemanusiaan Mangsa Bencana Aceh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Yayasan untuk merangka inisiatif misi bantuan kemanusiaan ke Aceh berikutan kejadian gempa bumi dan tsunami yang melanda Aceh, Indonesia pada akhir Disember 2004.

Bantuan Kemanusiaan Mangsa Bencana Gempa Bumi dan Tsunami di Aceh mencatatkan buat pertama kalinya penglibatan langsung Yayasan dalam menggerakkan bantuan-bantuan ke tapak bencana dengan kerjasama beberapa agensi Kerajaan dan swasta yang berkaitan. Misi bantuan ini dinamakan 'Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Membantu Mangsa Gempa dan Gelombang Besar Tsunami di Aceh'. Misi ini terbahagi kepada dua fasa.

Misi fasa pertama berupa penghantaran bantuan pasukan perubatan dan pasukan membahagikan bantuan makanan, minuman dan barang secara langsung kepada mangsa yang teruk dilanda bencana di beberapa buah kawasan di Aceh telah berjaya dilaksanakan dengan sempurna bermula pada Januari hingga Februari 2005. Lebih daripada 50 metrik ton sumbangan masyarakat Negara Brunei Darussalam berupa

makanan dan pakaian telah dihantar ke Aceh dengan kerjasama bersepada daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengurus Lembaga Pengarah Yayasan yang turut serta dalam misi penghantaran bantuan ketika ditemu ramah mengimbas kembali usaha bantuan tersebut, "Ada ketikanya bantuan yang diberikan itu dipenuhi dengan linangan air mata dan diikuti dengan memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, ...beberapa penerima bantuan ini hampir-hampir ingin memeluk para sukarelawan Yayasan. Apakah dia barang bantuan tersebut? Botol susu dan puting! Seorang wanita pernah berkata bahawa

dengan kedatangan pihak Yayasan kepada mereka, adalah seperti malaikat yang dikirim oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana telah memenuhi doa beliau selepas seramai 93 orang kanak-kanak kecil (di bawah usia dua tahun) daripada 200 kanak-kanak yang berada di pusat-pusat perlindungan tidak meminum susu hampir sebulan, bukan kerana tidak mempunyai bekalan susu tepung, tetapi tidak memperoleh botol susu dan puting. Ia adalah sangat tragis..."





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat misi bantuan Negara Brunei Darussalam yang turut disertai oleh Yayasan di Aceh pada 21 Zulhijjah 1425 bersamaan 1 Februari 2005





Misi sulung bantuan kemanusiaan ke luar negara dilaksanakan oleh para pegawai dan sukarelawan Yayasan serta para doktor dan paramedik dari Kementerian Kesihatan dan para pegawai dan pasukan perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei memberikan khidmat bantuan kecemasan di kawasan bencana serta menjalankan operasi mengagihkan bantuan kepada mangsa sehingga sampai ke kawasan-kawasan terpencil

Pesawat Boeing 767 milik Royal Brunei Airlines mengangkut sejumlah lebih daripada 35 ton metrik bantuan hasil sumbangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ke Aceh



Masjid Baiturrahim Sultan Haji Hassanal Bolkiah



Masjid Brunei Darussalam

Manakala misi fasa kedua menumpukan bantuan pembangunan semula Aceh seperti pembinaan masjid, rumah-rumah, sekolah, dan asrama. Lebih daripada dua juta ringgit Brunei diperuntukkan bagi melaksanakan bantuan fasa kedua, ia merupakan hasil kutipan daripada sumbangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui Tabung Inisiatif Yayasan dan juga Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Fasa ini melibatkan pembinaan perkampungan baharu di Desa Mamplam, Kacamatan Leupung, Kabupaten Aceh Besar, dan projek pembinaan semula di Dusun Teupin Rambot, Desa Ladang Baro, Kacamatan Panga, Kabupaten Aceh Jaya.

Bantuan pembangunan semula yang dihulurkan oleh masyarakat Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat di Desa Mamplam, Kacamatan Leupung, Kabupaten Aceh Besar adalah sebanyak 70 buah rumah, sebuah pusat kesihatan (Pukesmas Pembantu), sebuah kompleks pasentren, sebuah panti asuhan dan sebuah masjid.

Bantuan yang dihulurkan oleh masyarakat Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat di Desa Dayah Baro, Dusun Teupin Rambot, Kacamatan Panga, Kabupaten Aceh Jaya merupakan bantuan bangunan tambahan untuk kompleks pasentren dan pembinaan semula Masjid Baiturrahim, Kacamatan Panga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi



masjid di Desa Mamplam, Kacamatn Leupung, Kabupaten Aceh Besar dinamakan Masjid Brunei Darussalam dan Masjid Baiturrahim, Kacamatn Panga, Kabupaten Aceh Jaya dinamakan Masjid Baiturrahim Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 22 Syawal 1428 bersamaan 3 November 2007.

Sumbangan bantuan Yayasan tidak hanya tertumpu di Negara Brunei Darussalam, malah dilaratkan ke seluruh dunia. Ini mencerminkan sikap pemedulian dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebijakan dan kesejahteraan mangsa-mangsa yang terlibat.



Bantuan pembangunan semula yang dihulurkan oleh masyarakat Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat di Desa Mamplam, Kacamatn Leupung, Kabupaten Aceh Besar dan di Desa Dayah Baro, Dusun Teupin Rambot, Kacamatn Panga, Kabupaten Aceh Jaya



Bangunan Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
yang terletak di Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan

BAB 5

Mendukung Usaha Menimba Ilmu



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan para pelajar Sekolah Rendah Yayasan semasa keberangkatan Baginda ke sekolah tersebut pada 4 Muharram 1433 bersamaan 30 November 2011

Peluang bagi mendapatkan pendidikan adalah penting untuk pembangunan jati diri dan kemajuan di dalam sebuah negara. Ini sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 yang memberi keutamaan bagi kecemerlangan pendidikan. Negara yang mampu menjana tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi dapat menjamin masa hadapan negara dengan cemerlang.

Sepanjang 25 tahun penubuhannya, Yayasan telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mendukung perkembangan pendidikan. Yayasan telah menawarkan pelbagai bentuk bantuan pendidikan sebagai pelaburan demi mempersiapkan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam, terutama sekali para belia untuk menerajui masa hadapan negara. Yayasan juga memberikan sumbangan dan sokongan bagi program-program dan kegiatan-kegiatan pendidikan dan penyelidikan yang diusahakan oleh institusi-institusi pengajian dan pertubuhan-pertubuhan tempatan.

Skim Biasiswa “Sultan’s Scholar”

Skim biasiswa “Sultan’s Scholar” Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan satu skim biasiswa yang paling berprestij di Negara Brunei Darussalam. Skim ini dikurniakan secara peribadi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Biasiswa ini dianugerahkan kepada para pelajar yang mempunyai rekod pencapaian akademik yang cemerlang dan konsisten, terutamanya pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCE ‘A’ Level atau yang sebanding dengannya. Penglibatan para pelajar dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum dan kerja-kerja kemasyarakatan juga diambil kira. Di samping itu, mereka mestilah juga mempunyai sifat kepimpinan yang berwibawa, berdisiplin tinggi, mempunyai keazaman yang kuat, berbudi pekerti yang luhur serta menghayati falsafah negara Melayu Islam Beraja dengan baik. Melalui biasiswa ini mereka berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat sarjana muda sehingga ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang di institusi-institusi pengajian tinggi yang terkemuka di seluruh dunia.

Dua buah jawatankuasa dibentuk untuk menilai, meneliti dan mengendalikan proses pemilihan pelajar-pelajar yang layak sebelum disembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjunjung Titah Perkenan Baginda.

Skim biasiswa ini bertujuan melahirkan kecemerlangan di kalangan pelajar terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berpelajaran tinggi, berkemahiran dan berdisiplin tinggi yang mampu menerajui

pembangunan negara pada masa akan datang. Tujuan ini sejajar dengan salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Sehingga tahun 2017, seramai 46 orang pelajar telah dianugerahkan biasiswa tersebut sejak skim tersebut diperkenalkan pada tahun 2006. Satu lagi perkembangan yang telah dicapai melalui skim biasiswa ini apabila Yayasan memperkenalkan skim meninggikan tahap pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah bermula pada tahun





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Paduka-Paduka Anakanda Baginda berkenan bergambar ramai dengan penerima-penerima Anugerah Biasiswa "Sultan's Scholar" bagi sesi pengajian tahun 2010 di Istana Nurul Iman pada 11 Syawal 1431 bersamaan 20 September 2010



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Biasiswa "Sultan's Scholar" Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Dayangku Nurhidayatul Fitri binti Pengiran Dato Paduka Haji Othman, salah seorang penerima pertama biasiswa tersebut pada 11 Jamadilawal 1427 bersamaan 8 Jun 2006 di Istana Nurul Iman



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Biasiswa "Sultan's Scholar" kepada salah seorang penerima pada 27 Ramadhan 1430 bersamaan 17 September 2009 di Istana Nurul Iman



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan penerima-penerima Anugerah Biasiswa "Sultan's Scholar" dan ahli keluarga masing-masing pada 11 Syawal 1431 bersamaan 20 September 2010 di Istana Nurul Iman

2013. Sehingga akhir tahun 2017 seramai enam orang penerima basiswa telah disokong untuk mengikuti skim meninggikan tahap pengajian ini.

Dayangku Nur Hidayatul Fitri binti Pengiran Dato Paduka Haji Othman, graduan dalam bidang perubatan di King's College, London, menzahirkan rasa syukur dan berasa amat bertuah setelah terpilih sebagai salah seorang daripada tiga orang penerima terawal basiswa yang berprestij itu. Beliau mengatakan bahawa, *"Penganugerahan ini merupakan satu pengalaman yang sungguh istimewa walaupun saya berasa gentar untuk menggalas tanggungjawab yang besar bagi menjaga nama baik basiswa yang berprestij ini."*

Manakala Dayang Nur Shahidah binti Shahbudin, penerima basiswa "Sultan's Scholar" pada tahun 2007, juga mengongsi pandangan yang sama apabila menerima basiswa berkenaan. *"Saya merasakan penganugerahan basiswa ini ialah satu penghargaan selepas pencapaian cemerlang dalam peperiksaan GCE 'A' Level. Ini ialah anugerah yang sangat berharga buat saya dan keluarga."*

Awang Mohd. Adiazizi bin Haji Mohd. Mahdi, penerima basiswa "Sultan's Scholar" tahun 2008 pula berpendapat, *"Sebagai penerima basiswa "Sultan's Scholar", kita juga ialah duta kecil dan wakil negara serta Yayasan. Kita dilihat sebagai bakal pemimpin negara suatu hari nanti. Di mana saja kita berada, kita hendaklah sentiasa menjunjung tinggi tanggungjawab ugama dan kedaulatan raja. Kita juga mestи bekerja keras dalam bidang masing-masing, serta belajar dan menimba sebanyak pengalaman untuk memimpin generasi kita ke masa depan yang lebih makmur, in syaa Allah."*

Dayang Nurul Hani binti Haji Mohd. Tahir, graduan *Imperial College*, London yang menerima anugerah pada tahun 2012 melahirkan rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala serta menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berterima kasih kepada Yayasan atas penganugerahan basiswa tersebut. *"Dengan pengetahuan dalam bidang Kejuruteraan Aeronautikal ini, saya berazam untuk menyumbang khidmat dalam perkembangan industri penerbangan di Negara Brunei Darussalam. Dalam masa yang sama menjadi penyuntik semangat kepada penuntut-penuntut Brunei untuk cenderung memilih kursus-kursus dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Teknologi."*

Bermula pada tahun 2015, penerima basiswa "Sultan's Scholar" dilibatkan dalam pelbagai program perkembangan. Program pemedulian pelajar dan graduan basiswa "Sultan's Scholar" dilaksanakan melalui perkembangan profesional terancang, pendedahan, latihan dan penglibatan aktif dalam pelbagai kegiatan akademik, kegiatan kemasyarakatan dan kesukarelawanan. Program ini dihasratkan bagi mempersiapkan para graduan untuk sedia berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta meningkat kebolehupayaan mereka dengan memainkan peranan utama dalam memacu proses transformasi pembangunan negara.

Sebagai penerima basiswa "Sultan's Scholar", pelajar cemerlang terpilih mengikuti pengajian di universiti berprestij di luar negara, mereka merupakan satu pelaburan besar bagi Yayasan khasnya dan negara amnya. Maka sememangnya harapan terhadap sumbangan balik kepada negara adalah sangat tinggi. Memperkasa intelektual dan profesionalisme serta pengurusan bakat dan keterampilan para penerima basiswa "Sultan's Scholar" adalah selaras dengan hasrat bagi menjadikan mereka sebagai pemimpin masa depan yang berkaliber dan berwibawa, memiliki nilai-nilai murni, serta peka terhadap keperluan negara, masyarakat dan sosial, masyarakat dan negara.



Menjalin kerjasama dan persefahaman dengan beberapa institusi pengajian tinggi yang terkemuka di United Kingdom – lawatan kerja Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan ke *King's College, University of London* dan *The Oxford Centre for Islamic Studies, University of Oxford* (2008)

Sebahagian daripada penerima biasiswa "Sultan's Scholar" telah menamatkan pengajian mereka dengan cemerlang dan kini menjawat beberapa jawatan penting dalam sektor Kerajaan dan swasta. Mereka ini diharapkan untuk terus meningkatkan keupayaan masing-masing dalam menerajui kepimpinan di masa akan datang.

Perkembangan terkini ialah tertubuhnya Persatuan Alumni "Sultan's Scholar" yang bertujuan untuk menyatukan semua mereka yang telah menerima biasiswa "Sultan's Scholar" untuk menyumbang balik kepada komuniti. Teras kepada usaha ini ialah mengoptimumkan kapasiti intelek, pengaplikasian kecemerlangan akademik serta pengalaman dan kepakaran bekas pelajar-pelajar "Sultan's Scholar". Dengan itu mereka dapat membina jaringan kerja *developing rich relationships* bersama organisasi-organisasi tempatan, termasuk agensi-agensi Kerajaan, NGO dan swasta. Dengan langkah ini mereka boleh menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara di samping memperkayakan pengalaman lepasan graduan itu sendiri. Awangku Haji Muhammad Zaki bin Pengiran Dato Paduka Haji Zaini selaku Presiden Persatuan Alumni "Sultan's Scholar" menyatakan untuk peringkat permulaan mereka bersedia bekerjasama dengan badan-badan sukarela dengan fokus utama kepada program pendidikan dan pembangunan belia.



Program Perkembangan bagi Penuntut Biasiswa “Sultan’s Scholar” Yayasan yang mengandungi latihan kepimpinan dan pembinaan jati diri dan program suai kenal ke agensi-agensi Kerajaan dan swasta dalam dan luar negara

Skim Biasiswa Pendidikan

Penuntut yang belajar di luar negeri bercita-cita untuk memperolehi kejayaan yang cemerlang agar dapat menyumbang bakti kepada negara. Dengan kos sara hidup yang tinggi di luar negeri, penuntut sering menghadapi masalah kewangan terutama sekali penuntut persendirian yang tidak menerima dana biasiswa dari mana-mana pihak.

Demi menyempurnakan hasrat mereka itu, Yayasan telah memperkenalkan skim biasiswa pendidikan berupa bantuan sara hidup kepada para penuntut terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menuntut di institusi-institusi pendidikan di seberang laut bermula pada tahun 1994.

Sehingga Oktober 2017, Yayasan telah memberikan biasiswa tersebut kepada 101 orang penuntut yang melanjutkan pengajian mereka di universiti-universiti luar negara seperti United Kingdom, Australia, Mesir, Jordan dan Malaysia. Bermula pada tahun 2011, skim biasiswa ini dilaratkan kepada para pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di negara ini dan seramai tujuh orang pelajar telah menerima sehingga akhir tahun 2017.

Seorang penerima biasiswa pendidikan, Dayang Mahdiana binti Hj Mahmud berkata skim ini merupakan satu rahmat kepada beliau. Dia memohon biasiswa daripada Yayasan pada tahun 2009 semasa menduduki peperiksaan tahun

akhir kursus sarjana muda dalam bidang komputer di *The Asia Pacific University College of Technology & Innovation* di Kuala Lumpur, Malaysia. *"Bantuan ini telah banyak membantu saya untuk mengejar cita-cita sehingga menjadi kenyataan dan memberikan saya motivasi untuk meneruskan pembelajaran sehingga saya berjaya dengan cemerlang,"* katanya. Dengan bantuan itu, akhirnya beliau berjaya menamatkan pengajiannya dan sekarang bertugas sebagai Jurutera Komputer di Pusat Penyelidikan *International Business Machines* (IBM), UBD.

Dayang Suhaila binti Haji Kabri, seorang lagi penerima biasiswa pendidikan Yayasan menyatakan bantuan itu sebagai 'penyambung nyawa' yang melepaskan beliau daripada menanggung beban kewangan yang dihadapinya di tahun akhir pengajian di Universiti Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur. Dayang Suhaila mula bekerja pada tahun 1997 setelah mendapatkan diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal untuk menyara adik-adik yang masih bersekolah. *"Saya menyimpan hasrat serta berjanji kepada diri sendiri yang 10 tahun akan datang (dari 1997) saya akan menyambung*





Penyampaian bantuan kewangan Yayasan dan menandatangani perjanjian penerimaan biasiswa pendidikan bagi pelajar yang meneruskan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi di seberang laut



Prihatin terhadap kebajikan dan pencapaian para pelajar Yayasan – Sesi ramah mesra di antara Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dengan para pelajar yang menerima bantuan kewangan Yayasan bagi meneruskan pengajian di seberang laut (1996)

pelajaran ke peringkat sarjana muda." Kegigihan beliau untuk meneruskan pelajaran berhasil apabila beliau dibenarkan bercuti pada tahun 2007. Dayang Suhaila meneruskan pengajian ke Universiti Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur dalam bidang pentadbiran, meninggalkan anak perempuan yang baru berusia lima bulan bersama suami dan keluarga di rumah. "Alhamdulillah, dengan keputusan peperiksaan saya yang konsisten dan cemerlang, saya dipertimbangkan untuk menerima biasiswa pendidikan Yayasan." Akhirnya beliau berjaya menerima segulung ijazah dengan Kepujian Kelas Kedua Atas dalam Sarjana Muda Pentadbiran dalam pengkhususan Sains Pentadbiran pada bulan Oktober 2009 dan sekarang bertugas di Jabatan Sumber Tenaga Manusia di sebuah syarikat telekomunikasi.

Seorang lagi penerima, Dayang Fathinussalamah binti Haji Salim berasa tercabar dan ter dorong untuk melanjutkan pelajaran apabila mendengar Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada awal tahun 2009 yang menyarankan anak-anak tempatan untuk memperbaiki serta meningkatkan keupayaan diri sendiri untuk kebaikan negara. Titah inilah yang memberikan beliau inspirasi untuk melanjutkan pengajian beliau ke seberang laut. Beliau meletakkan jawatan di Unit Kesihatan Jantung, Pusat Kesihatan Gleneagles Jerudong dan meneruskan

pengajian dalam bidang kejururawatan selama dua tahun di Queensland University of Technology, Australia. Mulanya beliau bekerja secara sambilan di beberapa buah hospital di sana untuk menanggung perbelanjaannya termasuk sewa rumah. "Alhamdulillah, dengan biasiswa yang saya terima daripada Yayasan telah banyak membantu saya pada tahun kedua pengajian. Saya juga dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pembelajaran saya terutama sekali apabila ditempatkan di Prince Charles Hospital Brisbane untuk latihan klinikal." Pada tahun 2011, Dayang Fathinussalamah kembali bertugas di Unit Kesihatan Jantung, Pusat Kesihatan Gleneagles Jerudong berbekalkan ilmu, kemahiran dan pengalaman diperolehi setelah menamatkan pengajian dalam bidang kejururawatan.

Penerima seterusnya, Dayang Hajah Marhani binti Haji Duraman berkata beliau berjaya menamatkan pengajian sarjana muda dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Al-Azhar dengan bantuan biasiswa pendidikan Yayasan. Beliau sangat terhutang budi dan menghargai sumbangan Yayasan. "Syukur Alhamdulillah, segala puji kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala atas izin-Nya juga saya berkelayakan untuk menerima biasiswa pendidikan daripada Yayasan sehingga saya berjaya untuk melanjutkan pengajian saya dan kembali ke sini semula untuk menabur bakti kepada negara yang saya cintai."



Program Intervensi Pendidikan

Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan pendidikan merupakan sasaran utama mana-mana negara. Pendidikan berkualiti tinggi diharaskan untuk memperbaiki kedudukan sosioekonomi dan taraf hidup individu, keluarga, dan masyarakat sesebuah negara. Malangnya, tidak semua golongan masyarakat berpeluang untuk belajar dan menimba ilmu dengan sempurna disebabkan himpitan hidup yang dihadapi. Bagi memberikan peluang pendidikan yang saksama kepada semua golongan masyarakat, Yayasan mengambil pendekatan yang proaktif dengan memperkenalkan Program Intervensi Pendidikan (PIP) bermula pada tahun 2006. Projek kelas tuisyen merupakan projek yang pertama dikendalikan di bawah PIP.

Projek kelas tuisyen di bawah PIP adalah salah satu langkah progresif yang dipelopori oleh Yayasan untuk memastikan anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan mempunyai ruang untuk memperbaiki prestasi pencapaian mereka. Kelas tuisyen PIP menyediakan khidmat dan kemudahan pembelajaran tambahan pada setiap hari Ahad. Kelas-kelas tuisyen dijayakan dengan menggunakan khidmat sukarelawan yang sebilangan besarnya berlatar belakangkan bidang pendidikan.

Projek kelas tuisyen PIP bermula pada tahun 2006 dengan hanya memberikan kelas tuisyen kepada para pelajar Tahun 6 yang tinggal di Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B', iaitu mereka yang akan menduduki

peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR). Kelas tuisyen ini seterusnya dilaratkan kepada pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan berdekatan dengan Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Setelah lebih satu dekad perlaksanaannya, projek kelas tuisyen PIP telah diluaskan ke semua daerah di negara ini dan berjaya membawa penglibatan khidmat pakar dari UBD serta rakan strategik Yayasan yang lain.

Peringkat pendidikan para pelajar yang diserap untuk mengikuti kelas tuisyen juga telah dilaratkan hingga ke peringkat Tahun 11. Hal ini menjadikan jumlah pelajar yang mengikuti kelas tuisyen semakin meningkat setiap tahun.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan lawatan kerja ke salah sebuah Pusat Kelas Tuisyen, Program Intervensi Pendidikan (PIP) Yayasan pada 22 Sya'ban 1437 bersamaan 29 Mei 2016



Aktiviti pembelajaran kelas tuisyen dan program motivasi bagi para pelajar Program Intervensi Pendidikan Yayasan





Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah beramah mesra bersama para pelajar PIP Yayasan yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan PSR dan berjaya menerima bbiasiswa meneruskan pengajian ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Kelas tuisyen menumpukan pembelajaran mata pelajaran teras bagi memastikan para pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan supaya mereka mendapat peluang terbaik dalam meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Menyedari perlunya setiap individu Islam di negara ini celik Al-Qur'an, Yayasan juga mengambil inisiatif agar mata pelajaran Al-Qur'an dan Amali Ugama diserapkan dalam projek kelas tuisyen PIP bermula pada tahun 2014.

Sebagai kesinambungan daripada projek kelas tuisyen ini, pihak Yayasan memperkenalkan skim bbiasiswa kepada para pelajar projek kelas tuisyen PIP yang mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR). Ini adalah peluang terbaik bagi pelajar untuk menyambung pengajian ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Mereka ini akan meneruskan pembelajaran dari Tahun 7 hingga ke Tahun 11 dengan kos pembelajaran dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan termasuk yuran sekolah, elaun, yuran pengangkutan, yuran peperiksaan awam, pakaian sukan, buku-buku dan alat tulis

sekolah. Bbiasiswa ini diharapkan dapat memberikan motivasi kepada pelajar lain untuk meraih kecemerlangan dalam pelajaran mereka. Sejak skim bbiasiswa ini diperkenalkan pada tahun 2010 sehingga Oktober tahun 2017, seramai 19 orang pelajar cemerlang telah pun menerima bbiasiswa berkenaan.

Dengan kos pengendalian kelas tuisyen yang dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan dan penyediaan kelas yang teratur serta mengambil kira kemampuan kewangan ibu bapa yang terhad, projek kelas tuisyen ini setentunya telah memberi kesan positif kepada para pelajar untuk terus berjaya dalam pelajaran mereka. Pencapaian mereka ini diharapkan akan berterusan sehingga ke suatu masa akan dapat membantu meningkatkan taraf kehidupan keluarga dan akan terus berdikari bagi mengurangkan kebergantungan terhadap mana-mana bantuan. Yayasan juga berhasrat untuk mengembangkan program PIP supaya dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai pelajar daripada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik di seluruh negara.



Penyampaian hadiah cemerlang dan penandatanganan perjanjian bagi skim biasiswa melanjutkan pengajian ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk para peserta kelas tuisyen PIP Yayasan yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah

Bantuan Pendidikan

Yayasan sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan supaya mereka berpeluang mengikuti persekolahan dengan sempurna dan tidak terciric dalam pembelajaran.

Bantuan Peralatan Sekolah kepada Golongan yang Memerlukan

Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk buku, pakaian seragam, peralatan dan barang-barang keperluan persekolahan yang dihulurkan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan keadaan para pelajar.

Majoritinya pemberian bantuan diserahkan sebelum bermulanya penggal persekolahan setiap tahun. Masa yang sesuai untuk pelajar-pelajar membuat persediaan untuk memulakan persekolahan mereka. Bantuan ini bukan hanya dapat memberi motivasi kepada pelajar, malah pada masa yang sama meringankan beban kewangan keluarga. Yayasan sentiasa mempertimbangkan untuk memberi bantuan ini pada masa-masa yang diperlukan.

Yayasan juga memberikan bantuan kewangan bagi membaiayai kos kelas tambahan untuk para pelajar yang kurang berkemampuan dan mempunyai rekod pelajaran yang kurang memuaskan dan memerlukan pembaikan.

Bantuan juga diberikan kepada para pelajar yang terjejas dalam tragedi kebakaran seperti yang berlaku pada bulan Ogos 2000 yang memusnahkan Kampong Lurong Sikuna dan Kampong Ujong Klinik. Manakala seramai 151 orang murid yang bersekolah di Sekolah Rendah Lela Menchanai di Kampong Lurong Sikuna yang terjejas dalam kebakaran tersebut juga antara yang menerima bantuan keperluan sekolah ini.

Selain itu, anak-anak daripada keluarga mangsa banjir di Daerah Temburong juga menerima bantuan peralatan dan keperluan persekolahan daripada Yayasan. Banjir besar telah menjelaskan beberapa kawasan di Daerah Temburong pada awal Februari 2008 dan melibatkan lebih 250 buah rumah di lima buah mukim.

Bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan dan mangsa-mangsa bencana alam masih lagi diteruskan sehingga sekarang dan bantuan ini mencerminkan dedikasi Yayasan dalam memastikan semua pelajar dapat mengikuti kegiatan pembelajaran mereka dengan sempurna.



Penyampaian bantuan peralatan dan keperluan persekolahan kepada anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan keluarga yang ditimpa musibah



Program Sarapan “Breakfast for School”

Menyedari pentingnya pengambilan sarapan khususnya bagi para pelajar, Yayasan telah mengambil inisiatif memperkenalkan program memberikan sarapan kepada para pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan yang dikenali dengan program “*Breakfast for School*”. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2016.

Banyak kajian menunjukkan kesan positif kepada para pelajar yang mengambil sarapan yang berkhasiat. Program ini merupakan ihsan Yayasan supaya para pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan ini boleh menumpukan perhatian dalam pelajaran dengan lebih baik bagi membantu mereka meraih kecemerlangan dalam pencapaian pelajaran.

Sehingga akhir tahun 2017, program ini telah dilaksanakan di beberapa buah sekolah rendah dan menengah Kerajaan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait. Program ini disokong oleh beberapa buah syarikat swasta dan para sukarelawan.



Program “*Breakfast for School*” merupakan ihsan kasih Yayasan kepada para pelajar supaya mereka boleh menumpukan perhatian dalam pelajaran dengan baik



Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Seiring dengan dasar penubuhan Yayasan dalam bidang pendidikan bagi menyumbang ke arah perkembangan pendidikan dan pembangunan modal insan yang selaras dengan falsafah pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yayasan telah menubuhkan Sekolah Yayasan yang dilengkapi dengan prasarana pendidikan yang moden dan terkini. Sekolah ini menawarkan perkhidmatan pendidikan di peringkat prasekolah, rendah dan menengah.

Penubuhan Sekolah Yayasan adalah satu pelaburan jangka panjang Yayasan untuk melahirkan generasi yang mampu menyumbang ke arah pembangunan negara di masa akan datang.

Pencapaian Sekolah Yayasan dalam bidang akademik dan kurikulum sangat membanggakan. Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sentiasa mengemaskini struktur organisasi, merancang dan merangka pelan strategik demi menjadikan sekolah ini sebagai sekolah pilihan utama (*first choice*). Sekolah ini juga mempunyai hubungan antarabangsa dengan sekolah-sekolah di luar

negara yang dijadikan sebagai penanda aras pencapaian sekolah.

Yayasan memastikan sekolah ini meraih pencapaian yang cemerlang dalam apa jua usahanya khusus dalam bidang pendidikan bertujuan melahirkan para pelajar yang cekal, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam menghadapi pendidikan yang semakin mencabar.

Sekolah ini ditadbir oleh sebuah lembaga dikenali sebagai Lembaga Tadbir Sekolah Yayasan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pentadbiran dan dasar sekolah.





Sekolah Yayasan merupakan sumbangan Yayasan dalam menyediakan prasarana dan perkhidmatan pendidikan ke arah perkembangan pendidikan dan pembangunan modal insan.

Penglibatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli Kerabat Baginda dalam usaha dan rancangan Yayasan dalam bidang pendidikan mencerminkan keprihatinan yang serius terhadap bidang ini





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra dengan kanak-kanak TASKA semasa keberangkatan Baginda ke sekolah tersebut pada 4 Muharram 1433 bersamaan 30 November 2011



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyaksikan hasil kerja kanak-kanak TASKA ketika Baginda berkenan merasmikan TASKA pada 3 Jamadilawal 1419 bersamaan 26 Ogos 1998



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan berinteraksi dengan pelajar-pelajar Sekolah Rendah Yayasan ketika berangkat ke sekolah tersebut pada 6 Rabiulahir 1436 bersamaan 27 Januari 2015



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah menandatangani plak peletakan batu asas TASKA pada 9 Muharram 1418 bersamaan 17 Mei 1997

Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Sekolah pertama yang dibangunkan oleh Yayasan ialah taman asuhan kanak-kanak. Sekolah ini dinamakan Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA) yang mula beroperasi pada awal tahun 1998.

TASKA berbeza dengan prasekolah yang lain kerana sekolah ini menyediakan kurikulum pendidikan awal yang menyeluruh dan komprehensif dengan memberi penumpuan khusus terhadap pertumbuhan dan perkembangan minda serta fizikal kanak-kanak secara holistik di samping kefahaman terhadap nilai-nilai falsafah Melayu Islam Beraja.

Cikgu Hajah Halimah binti Haji Maidin, Pengetua pertama TASKA yang turut terlibat merangka kurikulum TASKA menjelaskan, "Kurikulum TASKA dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan menimbulkan suasana yang mampu menjadikan kanak-kanak berasa selesa seolah-olah berada di rumah sendiri. Dalam masa yang sama, pengetahuan dan kemahiran asas diasuh sepenuhnya memastikan potensi setiap individu kanak-kanak diperkembangkan sebagai persiapan bagi menghadapi persekolahan formal di peringkat rendah."





Suasana pembelajaran dan aktiviti di dalam kelas

Bermula pada tahun 2015, kurikulum pendidikan awal kanak-kanak TASKA telah diperkuuhkan mengikut keperluan dan kesesuaian semasa melalui pendekatan Belajar Berasaskan Bermain (*Play Based Learning*).

Kurikulum bersifat inovatif dan dilengkapi pula dengan kemudahan prasarana bermutu tinggi telah menarik perhatian ramai ibu bapa yang menginginkan pendidikan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Sejak TASKA beroperasi, peningkatan jumlah murid-murid yang didaftarkan setiap tahun adalah meningkat.

Penghargaan serta kepercayaan ibu bapa terhadap TASKA mendorong Yayasan untuk sentiasa berusaha menjaga kualiti pengajaran dan pembelajaran. Hasilnya menjadikan TASKA tampil sebagai salah sebuah institusi pendidikan prasekolah yang unggul di negara ini.

Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Ketika taman asuhan kanak-kanak mula beroperasi, rancangan susulan juga dirangka untuk membina bangunan sekolah rendah, bagi melengkapkan perkhidmatan pendidikan di peringkat rendah.

Sekolah Rendah Yayasan mula beroperasi dan menerima kemasukan murid-murid sekolah pada penggal pertama persekolahan awal Januari 2000. Bangunan sekolah ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk memastikan persekitaran sekolah yang kondusif untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang terbaik.

Kurikulum yang diajar di sekolah ini adalah selaras dengan kurikulum kebangsaan mengikut garis pandu Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan ditambah nilai lagi dengan menyesuaikan kesinambungan kurikulum yang diajar dari TASKA.

Pada peringkat awal penubuhannya, pendaftaran hanya dibukakan kepada murid-murid Tahun 1 hingga Tahun 4 sahaja. Pada tahun 2002 merupakan pertama kalinya murid-murid Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan menduduki peperiksaan awam, iaitu Penilaian Sekolah Rendah (PSR). Murid-murid telah mengharumkan nama Sekolah Rendah Yayasan apabila mereka berjaya lulus dengan kadar 100 peratus. Keputusan cemerlang dalam peperiksaan ini terus dicatat oleh sekolah ini sehingga sekarang.

Seiring dengan objektif sekolah untuk melahirkan individu-individu yang versatil, pembelajaran murid-murid bukan sahaja tertumpu kepada bidang akademik di bilik darjah, malah aktiviti-aktiviti kokurikulum juga turut dititikberatkan. Ini terbukti dengan pencapaian Sekolah Rendah Yayasan dalam pelbagai pertandingan seperti Pertandingan Sains BASE, Olimpiad Matematik, Olimpiad Sains, Pertandingan Pidato, Pertandingan Koir, sukan dan sebagainya.

“Di sekolah ini kami mempunyai kurikulum dan aktiviti-aktiviti kokurikulum yang boleh membangunkan setiap individu (murid) itu secara holistik dari segi jasmani, rohani, dan intelektual...,” ujar Cikgu Norbaini binti Haji Abdullah, mantan Pengetua yang telah berkhidmat di sekolah ini sehingga tahun 2015. Kombinasi ini, kata Cikgu Norbaini diharap dapat membentuk pelajar menjadi pemimpin masa depan yang cemerlang dan mempunyai budi pekerti yang baik, iaitu sinonim dengan identiti dan budaya orang Brunei.

Dayang Liyana Bazilah binti Haji Jamain, penerima biasiswa “Sultan’s Scholar” pada tahun 2012, adalah mantan murid Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menceritakan bahawa Sekolah Rendah ini mempunyai persekitaran yang memberangsangkan dan seimbang dalam bidang akademik dan aktiviti kokurikulum. *“Sebagai murid sekolah rendah di sana, kami belajar dan pada masa yang sama kami aktif dalam kegiatan luar bilik darjah.”*

“Ini kerana pada setiap hari persekolahan kami tekun membuat kerja sekolah manakala setiap hujung minggu akan diadakan pelbagai aktiviti atau kegiatan luar dan saya aktif dalam sukan renang. Daripada aktiviti kegiatan luar inilah kami murid-murid dapat mencungkil bakat masing-masing di samping dapat menghilangkan tekanan.”

Perasaan positif ini juga turut dilahirkan oleh Dayang Ainul Azzura binti Haji Mohd. Jaya, seorang lagi penerima biasiswa “Sultan’s Scholar” bagi tahun 2011 dan juga mantan pelajar TASKA dan Sekolah Rendah Yayasan. *“Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyediakan kemudahan dan persekitaran yang kondusif bukan sahaja untuk belajar, tetapi juga untuk menyertai pelbagai kegiatan luar. Saya juga merasakan bahawa guru-gurunya benar-benar komited untuk membantu kami dalam bidang pelajaran, dan juga mengelinka hal ehwal kebajikan kami.”*

Dayang Liyana Bazilah dan Dayang Ainul Azzura merupakan pelajar cemerlang yang berjaya menerima biasiswa “Sultan’s Scholar” yang berprestij, mereka ialah antara pelajar yang dilahirkan oleh Sekolah Yayasan.



Sekolah Rendah Yayasan menggabungkan kurikulum dan aktiviti kokurikulum yang boleh membangunkan setiap pelajar secara holistik dari segi jasmani, rohani dan intelektual untuk melahirkan individu-individu yang versatil

Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan menubuhkan sekolah menengah sebagai kesinambungan daripada penubuhan taman asuhan kanak-kanak dan sekolah rendah, bagi melengkapkan pendidikan dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah.

Sejak mula beroperasi pada bulan Januari 2005, Sekolah Menengah Yayasan sentiasa bertekad untuk menyediakan satu sistem pendidikan yang lengkap tanpa mengabaikan penerapan ciri-ciri Melayu Islam Beraja di samping mempraktikkan kurikulum nasional yang disediakan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sekolah ini sangat menitikberatkan hal ehwal membangun karakter pelajar (*character building*). Setiap tahun sekolah merancang pelbagai program dan aktiviti bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajarnya. Sekolah ini sering menjadi tuan rumah bagi pelbagai kegiatan dan pertandingan serta aktif menyertai pelbagai kegiatan dan pertandingan yang dianjurkan sama ada di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Penglibatan ini menyumbang kepada pembinaan rangkaian profesional, perkongsian amalan terbaik dan pembinaan kapasiti sekolah di pelbagai bidang.

Pembinaan bangunan kekal Sekolah Menengah Yayasan pada tahun 2007 menggabungkan kesemua bangunan Sekolah Rendah Yayasan dan TASKA yang keseluruhannya dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang terkini ternyata telah menarik lebih ramai kemasukan pelajar ke sekolah ini setiap tahun.



Sekolah Menengah Yayasan menyediakan sistem pendidikan yang lengkap dan menyeluruh serta menitikberatkan dalam hal ehwal pembangunan karakter pelajar



Bantuan dan Galakan Melalui Program Pendidikan, Penyelidikan dan Perkembangan

Sejajar dengan arus perubahan dan kemajuan pendidikan, Yayasan sentiasa menghulurkan bantuan dan sokongan melalui program-program pendidikan, penyelidikan dan perkembangan bagi kepentingan dan kemajuan saintifik, teknologi dan pembangunan sosial di negara ini.

Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien

Bermula pada tahun 2009, Yayasan telah menyediakan satu platform kepada pakar-pakar dunia untuk berkumpul dan bersidang serta berkongsi pendapat dengan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam melalui sesi syarahan yang dikenali sebagai Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien.

Nama Syarahan Memorial SOAS dipilih bagi mengenang jasa Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-28. Al-Marhum terkenal dengan gelaran '*Arkitek Brunei Moden*' merupakan pemimpin negara yang unggul, pemikir dan intelektual, Tokoh Ugama Islam, Tokoh Sasterawan Islam Brunei dan Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman. Al-Marhum telah mewujudkan banyak pembangunan

yang ketara di negara ini dengan ide-ide baharu dan telah menegakkan hak kemerdekaan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Kuan Yew, Menteri Mentor dan mantan Perdana Menteri Republik Singapura, merupakan sahabat karib Al-Marhum, telah dipilih sebagai penceramah undangan pertama bagi Syarahan Memorial SOAS yang julung-julung kali diadakan pada 29 Safar 1430 bersamaan 25 Februari 2009 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-25 (Jubli Perak). Syarahan itu dihadiri oleh ribuan tetamu yang terdiri daripada orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai Kerajaan, wakil-wakil sektor swasta, para penuntut dan orang ramai.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Kuan Yew, penceramah Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang pertama pada 29 Safar 1430 bersamaan 25 Februari 2009

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengurus Ahli Lembaga Pengarah Yayasan menyatakan bahawa pemilihan Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama sebagai penceramah pertama sempena pelancaran Syarahan Memorial kerana Tuan Yang Terutama merupakan orang yang seangkatan dengan Al-Marhum yang sama-sama berjuang mencapai pemerintahan sendiri dan seterusnya kemerdekaan bagi negara masing-masing.

Tajuk syarahan 'Legasi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien' menghuraikan pengamatan dan sanjungan daripada Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama, seorang tokoh dan ketua negara yang terkenal memberikan pandangan yang amat berharga untuk dikongsi bersama dengan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam terhadap keperibadian dan pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Kuan Yew menyatakan, "*Inilah pendekatan yang terbaik untuk mengenang dan memperingati jasa serta sumbangan Al-Marhum Duli Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien yang merupakan seorang pemimpin dan negarawan yang disanjung tinggi. Baginda telah berjaya menjadikan negara ini antara negara yang dihormati di rantau ini dengan asas yang kukuh.*"

Syarahan Memorial SOAS Kedua telah diadakan pada 28 Syawal 1431 bersamaan 7 Oktober 2010, bertempat di Dewan Canselor, UBD. Seorang tokoh

negara, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah diundang untuk menyampaikan syarahan. Yang Amat Mulia mempunyai pengalaman dan berperanan aktif serta terlibat dalam perkembangan sistem pentadbiran Negara Brunei Darussalam dari tahun 1950-an hingga 1970-an. Yang Amat Mulia menjalani sebahagian besar kehidupannya sezaman dengan Al-Marhum dan telah mengalami serta menyaksikan pelbagai perkembangan sejarah, sosioekonomi dan politik tanah air.

Yang Amat Mulia pernah bertugas semasa pemerintahan Al-Marhum dan terlibat secara langsung dalam proses penggubalan 'Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei 1959'. "Al-Marhum bukan saja terkenal sebagai 'Arkitek Brunei Moden' malahan juga merupakan seorang pemimpin agung negara yang telah berjuang bagi mencapai kemerdekaan negara," sabda Yang Amat Mulia dalam syarahannya yang bertajuk 'Rintisan Mutiara Dari Zaman Pemerintahan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien'.

Bagi Syarahan Memorial SOAS Ketiga yang diadakan pada tahun 2013, Yayasan telah mengundang Tuan Yang Terutama Dr. Han Seung-soo, mantan Perdana Menteri Republik Korea (2008—2009). Beliau merupakan seorang pemimpin yang berkarsma apabila berjaya menyelesaikan krisis ekonomi negaranya pada tahun 2008. Tajuk syarahan beliau ialah *How Did Korea Grow So Fast? Lessons for Developing Economies*.

Tuan Yang Terutama Dr. Han Seung-soo mengongsikan pengalaman Korea Selatan dalam tempoh 60 tahun telah berkembang maju dari sebuah negara miskin, hancur akibat perperangan, tidak mempunyai sumber-sumber asli menjadi sebuah negara maju dan contoh kepada dunia pada masa ini. Kejayaan Korea Selatan mengharungi perjalannya dalam tempoh enam dekad yang lalu dan mencapai status negara maju setentunya dijana oleh pelbagai faktor dan salah satu daripadanya ialah atas kebijaksanaan pemimpinnya. Tuan Yang Terutama menaruh kepercayaan bahawa Negara Brunei Darussalam juga mampu meraih kejayaan mencapai Wawasan Brunei 2035 dengan kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda mewarisi kepimpinan ini daripada Paduka Ayahanda Baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Yayasan berhasrat Syarahan Memorial SOAS dapat menjadi wadah untuk menjana perkembangan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang dan dapat merintis laluan kepada para pakar akademik untuk meneroka dan mengkaji kandungan setiap syarahan yang disampaikan.



Syarahan Memorial Sultan Omar ‘Ali Saifuddien kali pertama menghimpunkan lebih empat ribu tetamu yang terdiri daripada orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai Kerajaan, wakil-wakil sektor swasta, para ilmuan dan penuntut serta orang ramai



Syarahan Memorial Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Kedua dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji ‘Abdul ‘Azim dan ceramah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim pada 28 Syawal 1431 bersamaan 7 Oktober 2010



Syarahan Memorial SOAS Ketiga disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Dr. Han Seung-soo, mantan Perdana Menteri Republik Korea Selatan (2008–2009) pada 24 Zulhijjah 1434 bersamaan 29 Oktober 2013



Program Penyelidikan dan Perkembangan

Yayasan sentiasa menghulurkan sumbangan dan sokongan kepada institusi pengajian dan pihak-pihak yang berkenaan di negara ini untuk mengendalikan projek dan aktiviti keilmuan, penyelidikan dan perkembangan melalui persidangan, bengkel, penerbitan dan sebagainya.

UBD; Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS) UBD; dan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE) UBD merupakan antara pihak yang kerap menerima sumbangan daripada Yayasan bagi menganjurkan pelbagai program keilmuan seperti Kajian Pengukuran Terhadap Kemiskinan di Negara Brunei Darussalam, Persidangan Antarabangsa Pendidikan, penerbitan Jurnal Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain.

Yayasan juga memberi sokongan kepada Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bagi membiayai sepenuhnya kos pencetakan buku yang bertajuk 'Al-Qur'an, Tasbih dan Tongkat: Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah' yang diterbitkan oleh jabatan berkenaan pada Ogos 2001. Selain itu Yayasan turut menaja Ekspo Islam Antarabangsa pertama anjuran Jabatan Mufti Kerajaan pada tahun 2002.

Usaha Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) untuk menggalakkan minat rakyat di negara ini terhadap perjalanan dan perkembangan sejarah kebangsaan juga sering menerima sokongan daripada Yayasan. Pada tahun 2016, Yayasan menaja penerbitan buku 'Brunei Merdeka - Kumpulan Artikel Sempena Memperingati Sambutan 30 Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diselenggarakan oleh PESEBAR.

Selain itu Yayasan juga sering membantu Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) dalam memantapkan dan meningkatkan perkembangan bahasa, sastera dan budaya tanah air dengan memberikan tajaan beberapa kegiatan ASTERAWANI. Ketua ASTERAWANI Prof Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah mengatakan: "ASTERAWANI merasa bersyukur atas keprihatinan dan kerjasama Yayasan dalam memberikan tajaan kepada pertemuan-pertemuan penulis seperti Pertemuan Sasterawan Nusantara, Pertemuan Penyair Nusantara, dan Dialog Teluk yang telah dianjurkan oleh ASTERAWANI. Bukan itu sahaja Yayasan juga telah menaja penerbitan beberapa buah buku kreatif dan non-kreatif."

Yayasan dengan kerjasama beberapa pihak juga terlibat dalam menerbitkan buku-buku ilmiah bagi menambah sumber rujukan misalnya buku berjudul '*Brunei: Traditions of Monarchic Culture And History - An Annotated Edition of R.H. Hickling's Memorandum Upon The Brunei Constitutional History And Practice (January 1954)*' dan buku *Sultan Omar Ali Saifuddien III: The Making of Brunei Darussalam*'. Buku-buku tersebut disumbangkan kepada beberapa institusi pengajian dan perpustakaan tempatan untuk menambah sumber rujukan.

Yayasan juga giat menghulurkan bantuan kepada sekolah dan maktab di seluruh negara dan badan-badan bukan Kerajaan (NGOs) untuk mengendalikan program pendidikan seperti Pertandingan Kemahiran Komputer (Inforama), Program Perkhemahan Kepimpinan Pelajar, Pertandingan bagi Program Pendidikan Antidada, dan Kejohanan Berdebat Sekolah-Sekolah Sedunia.



Sumbangan dan sokongan Yayasan kepada pihak yang berkenaan dalam mengendalikan projek dan aktiviti keilmuan, penyelidikan dan perkembangan

Budaya dan Sastera

Yayasan turut mengambil peranan dalam usaha menanam dan memupuk kecemerlangan dalam bidang kebudayaan dan kesusasteraan di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Dari masa ke semasa Yayasan memberikan sokongan untuk inisiatif-inisiatif yang diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan yang mempromosi kesedaran dan kepentingan sastera serta penulisan kreatif dengan menghulurkan sumbangan kewangan dan memberikan anugerah, pengiktirafan dan trofi untuk usaha ini.

Selain itu, Yayasan dengan kerjasama rakan strategiknya juga memainkan peranan dalam menyebarluaskan kemanfaatan karya sastera dan penulisan kreatif dengan mengadakan program-program anjurannya seperti Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Tokoh Kesusasteraan Brunei

Penulisan karya sastera di negara ini khususnya karya sastera berunsur Islam sudah lama berkembang selari dengan perkembangan penulis-penulisnya yang terdiri daripada para penulis yang berugama Islam. Banyak kitab, hikayat dan syair yang telah dihasilkan untuk memperluas syi'ar Islam. Hasil penulisan yang terawal ialah Syair Rakis yang ditulis pada tahun 1845. Ini menunjukkan kesusasteraan di negara ini bermula sejak tahun 1840-an lagi.

Yayasan mengambil inisiatif memberi pengiktirafan tertinggi terhadap sumbangan besar yang diberikan oleh penulis-penulis tersebut kepada perkembangan kesusasteraan di negara ini dengan penganugerahan Tokoh Sasterawan Islam

Brunei dan pengiktirafan Pelopor Kesusasteraan Moden Brunei.

Bagi tujuan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Pengisytiharan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Sultan Muhammad Jamalul Alam sebagai Tokoh Sasterawan Islam Brunei dan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Md. Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda sebagai Pelopor Kesusasteraan Moden Brunei.

Pengisytiharan tersebut telah disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa Majlis Pengurniaan Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 6 Zulkaedah 1429 bersamaan 5 November 2008 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Pengiktirafan Tokoh Kesusastraan Brunei yang tertinggi – Skrol Tokoh Sasterawan Islam Brunei dan Skrol Pelopor Kesusastraan Moden Brunei



Anugerah Kesusteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Anugerah Kesusteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan penulis-penulis tempatan dalam bidang kesusteraan dengan mengetengahkan hasil karya berbentuk Islam. Anugerah ini dihasratkan sebagai galakan supaya lebih ramai penulis di negara ini menghasilkan karya berbentuk Islam yang bermutu tinggi. Usaha ini seterusnya diharap akan dapat mengukuhkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang berpegang teguh kepada ajaran Islam menerusi sumbangan karya kesusteraanya. Anugerah ini dihasratkan untuk dikurniakan pada setiap lima tahun.

Majlis Pengurniaan Anugerah Kesusteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah buat julung kalinya diadakan pada 6 Zulkaedah 1429 bersamaan 5 November 2008 di

Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-15 penubuhan Yayasan. Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang lebih dikenali dengan nama pena beliau Yahya M.S. dipilih sebagai penerima pertama Anugerah Kesusteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui karya beliau yang berupa koleksi puisi berjudul 'Perjalanan Terakhir Anakku Yang Hilang'.

Penerima Anugerah Kesusteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Adi Rumi) melalui hasil karya 'Kumpulan Puisi Dari Jendela Dunia'. Penyampaian Anugerah tersebut diadakan pada 21 Muharram 1435 bersamaan 25 November 2013 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.



Penerima pertama Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ialah Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (Yahya M.S.) melalui karya koleksi puisi berjudul 'Perjalanan Terakhir Anakku Yang Hilang'



Penerima Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (Adi Rumi) melalui hasil karya 'Kumpulan Puisi Dari Jendela Dunia'



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan mengurniakan Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada empat orang penerima khas Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 25 Rejab 1432 bersamaan 27 Jun 2011 di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel and Country Club, Jerudong

Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan memperkenalkan Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada tahun 2011. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf penulis-penulis tempatan yang telah banyak menyumbangkan tulisan yang berkualiti yang menjurus ke arah perkembangan dan pengukuhan ajaran-ajaran ugama Islam.

Anugerah ini juga dihasratkan untuk dikurniakan setiap lima tahun sekali. Buat julung-julung kalinya diadakan, seramai empat orang penulis veteran prolifik dianugerahkan sebagai penerima khas Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini. Mereka telah banyak menghasilkan penulisan Islam sejak awal tahun 1960-an dan hasil tulisan mereka dijadikan bahan rujukan sehingga sekarang. Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan tersebut, Yayasan memberikan anugerah khas ini sebagai penghormatan terhadap sumbangan mereka.

Para penerima khas Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam; Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, mantan Menteri Hal Ehwal Ugama;

Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengetua Pusat Sejarah dan Dato Paduka Seri Setia Professor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Othman, Pakar Perundungan Islam dan mantan Naib Canselor UBD.

Yayasan berharap dengan memberikan pengiktirafan tersebut akan dapat memberi inspirasi kepada generasi muda agar terus menyumbang kepada negara dengan menghasilkan tulisan-tulisan berkualiti tinggi bagi menambah khazanah buku-buku penulisan berbentuk Islam di negara ini. Usaha ini selaras dengan hasrat negara berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir.

Sokongan dan Galakan bagi Perkembangan Penulisan, Sastera dan Kebudayaan

Yayasan juga menaja dan membiayai aktiviti-aktiviti yang menjurus ke arah perkembangan bidang sastera dan budaya yang diungkayahkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan NGO. Salah sebuah agensi Kerajaan yang menjadi rakan strategik dalam usaha ini ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jabatan ini bertanggungjawab memantau dan menjulang penggunaan bahasa Melayu.

Antara aktiviti dan acara tahunan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mempromosi penggunaan dan penulisan bahasa Melayu dan sastera yang sering mendapat sokongan Yayasan ialah peraduan menulis cerpen, mengarang dan menambang syair, peraduan pidato dan sebagainya. Selain itu, Yayasan turut menyumbang dalam penganjuran Perjumpaan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dan Mesyuarat Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) yang mengumpulkan penulis-penulis berpengalaman dari negara-negara ahli MASTERA untuk berbincang dan berkongsi pendapat dalam memberi gakan dan memartabatkan bahasa Melayu.

“...mustahak bagi para belia kita membaca buku-buku karya sastera untuk mengenali dan memahami secara mendalam budaya dan jati diri bangsa. Jika kita tidak mengangkat budaya kita, jika budaya itu tidak dimartabatkan oleh anak-anak muda kita, sudah tentu identiti kebruneian kita akan menjadi luntur dan akhirnya budaya bangsa kita akan pupus ditelan zaman.” Demikian tegas Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin, mantan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.



Program Pembangunan Belia

Masanya akan tiba para belia yang ada sekarang akan mengganti generasi masa kini memimpin negara ke arah kestabilan, pembangunan dan kemakmuran. Menyedari betapa pentingnya peranan para belia pada masa akan datang dalam pengurusan negara, maka Yayasan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha untuk meningkatkan penglibatan para belia dengan menjalankan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat dan program pelbagai kemahiran, tidak kira dilaksanakan sendiri atau bersama-sama pihak lain ataupun hanya membayai program seumpamanya.

Program 'Job Start Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah' ialah antara program yang paling awal dijalankan ke arah pembangunan belia. Ia dilancarkan pada bulan Jun 1998 dengan kerjasama Konsultan Pembangunan dan Sumber Manusia Kemuda (yang sekarang dikenali sebagai Perkhidmatan Pendidikan Kemuda Sendirian Berhad). Program yang dikhususkan bagi lepasan sekolah menengah yang sedang mencari pekerjaan ini memberikan latihan asas pekerjaan di peringkat perkeranian.

Sejak pengambilan pertama pada tahun 1998 sehingga pengambilan terakhir pada tahun 2001, program ini berjaya menepati objektifnya apabila hampir kesemua peserta bagi setiap pengambilan berjaya menembusi pasaran kerja, sama ada di sektor Kerajaan maupun sektor swasta.

Dayang Suriani binti Maidin, seorang peserta pengambilan pertama, berkata beliau telah banyak belajar dan menimba pengalaman di sepanjang latihan diadakan dan ini membantu meningkatkan

keyakinan hingga mampu bersaing dan melayakkan dirinya untuk diterima bekerja oleh majikannya sekarang.

Projek 'Belia Cemerlang dan Masyarakat Penyayang' merupakan program perkhemahan belia yang dianjurkan oleh Yayasan dengan kerjasama rakan-rakan strategik. Selari dengan tujuannya untuk membina jati diri dan budi pekerti yang luhur, program ini mengandungi aktiviti pembentangan kertas kerja, ceramah, sukan dan rekreasi.

Selain melancarkan pelbagai program belia, Yayasan juga aktif menyokong pertubuhan lain yang mengadakan projek pembangunan belia masing-masing sama ada dengan membayai skim latihan dan kemahiran belia, program kemasyarakatan, sukan dan sebagainya.

Kursus Intensif Marbut bagi Rakan Seliaan yang dilancarkan pada tahun 2016 merupakan satu kursus dan program anjuran Yayasan dengan

kerjasama Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah. Kursus ini bertujuan untuk memberikan peluang dan membantu rakan seliaan dalam memperoleh pekerjaan yang bersesuaian serta memudahkan proses pengintegrasian mereka semula dalam masyarakat dengan menyemai nilai-nilai yang terpuji dan akhlak yang mulia.

Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) menerima sokongan daripada Yayasan bagi menganjurkan kejohanan sepak takraw tahunan dengan menyediakan Piala Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Begitu juga Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bukit Udal, Majlis Perundingan Kampong Bukit Udal Daerah Tutong, Datalish Adventure Brunei Darussalam dan Persatuan BASMIDA adalah antara persatuan yang sering menerima sokongan dan bantuan daripada Yayasan dalam melaksanakan pelbagai program sukarelawan dan kemasyarakatan yang sering mereka anjurkan.



Belia asset negara - Yayasan sentiasa berusaha mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan menyediakan beberapa skim dan program yang bersesuaian



Pemandangan dari udara – Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
yang terletak di antara Masjid Omar ‘Ali Saifuddien dan Sungai Brunei

BAB 6

Melabur Untuk Terus Memberi



Aspek pembangunan dan kewangan merupakan dua daripada lima tujuan utama dalam penubuhan Yayasan. Usaha dalam kedua bidang ini mewakili pelaburan jangka panjang yang membolehkan Yayasan memenuhi peranannya dalam memberikan bantuan dan menyediakan perkhidmatan kepada golongan sasarnya dalam bidang keugamaan, kebajikan dan pendidikan.





Rumah Kediaman: Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan telah menerajui dua projek perumahan di bawah Skim Bantuan Perumahan – Projek Perumahan Yayasan di Mukim Kampong Ayer yang dikenali sebagai Kampong Bolkiah ‘A’ dan Kampong Bolkiah ‘B’; dan bantuan perumahan Yayasan untuk saudara-saudara baru dan golongan yang kurang berkemampuan.

Sebanyak 476 buah rumah telah dibina di bawah Projek Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah ‘A’ dan Kampong Bolkiah ‘B’ bagi menempatkan penduduk Kampong Ayer yang terlibat dalam kebakaran.

Sementara itu, rumah bantuan di bawah Skim Bantuan Perumahan Yayasan bagi saudara-saudara baru dan golongan yang kurang berkemampuan pula diberikan secara percuma kepada mereka yang layak mengikut garis pandu penilaian Yayasan. Sejak projek bantuan perumahan ini mula dilaksanakan pada tahun 1996 dan sehingga Oktober 2017, sebanyak 161 buah rumah telah siap dibina dan diserahkan kepada mereka yang berkelayakan di seluruh negara.

Sebagai tambahan kepada projek bantuan perumahan ini, Yayasan juga melaksanakan kerja pembaikan rumah bagi golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan.

Pendidikan Berwibawa:

Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Segala usaha bagi mempertingkatkan bidang pendidikan merupakan pelaburan yang amat tinggi nilainya.

Pembinaan sebuah kompleks Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang menyediakan perkhidmatan pendidikan dari peringkat taska hingga ke peringkat menengah atas merupakan usaha Yayasan dalam menyediakan prasarana dan perkhidmatan pendidikan selaras dengan dasar dan falsafah pendidikan Negara Brunei Darussalam. Ini ialah pelaburan Yayasan ke arah perkembangan pendidikan bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang akan menjadi aset bernilai kepada negara.





Mercu Tanda Pemedulian: Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah


Kompleks Yayasan yang tersergam indah di tengah Bandar Seri Begawan di antara Sungai Brunei dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddien merupakan mercu tanda kebanggaan yang mencerminkan sifat pemedulian dan kasih sayang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Pengisytiharan penubuhan Yayasan telah dititahkan sempena dengan Peletakan Batu Asas bagi pembinaan Kompleks tersebut.

Berukuran seluas 110,305 meter persegi, Kompleks Yayasan mempunyai empat blok berasingan dan menempatkan ruang-ruang bagi aktiviti komersial di bawah satu bumbung seperti butik, pasar raya, kedai makan, pejabat-pejabat korporat, perbankan dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti komersial di Kompleks Yayasan mula beroperasi pada bulan Jun 1996.

Keindahan seni bina yang menarik dan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti menjadikan Kompleks Yayasan suatu tarikan kepada para pengusaha dan orang ramai.

Kompleks Yayasan merupakan projek pelaburan Yayasan dalam bidang harta tanah yang sebahagian besar hasil pulangan daripada pelaburan ini digunakan bagi membiayai operasi dan juga projek amal yang dikendalikan oleh Yayasan.

Bermula pada akhir tahun 2016, pengurusan Kompleks Yayasan dikendalikan oleh Syarikat Wadah Amal Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Majlis Pembukaan Rasmi Kompleks Yayasan telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 4 Rabiulakhir 1417 bersamaan 19 Ogos 1996



Kompleks Yayasan menyediakan kemudahan awam dan ruang-ruang perniagaan bagi aktiviti-aktiviti komersial termasuk pasar raya, butik, kedai, bank, restoran, klinik dan lain-lain



Mesyuarat Agung Tahunan Bank Islam Brunei Darussalam – Yayasan menjadi pemegang saham di Bank Islam Brunei Darussalam

Pengukuhan Dana Kewangan: Jaminan untuk Terus Bertahan

Sebagai sebuah organisasi amal, Yayasan sentiasa memastikan pengurusan kewangannya dikendalikan dengan cara berhemah bagi memastikan program amalnya dapat diusahakan secara berdaya tahan dan berterusan. Yayasan sendiri mempunyai sebuah Jawatankuasa Pelaburan yang bertindak memantau dan mengendalikan pengurusan pelaburan dananya secara teratur, terarah dan berterusan. Yayasan sentiasa meneroka saluran yang membolehkannya untuk mengembangmajukan dana kewangannya bagi memenuhi keperluan masa hadapan.

Yayasan menjadi pemegang saham Bank Islam Brunei Berhad (IBB) pada awal November 2000. Yayasan terus menjadi pemegang saham Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) setelah penggabungan antara Bank Islam Brunei Berhad dengan Bank Pembangunan Islam Brunei (IDBB) pada tahun 2006.

Bermula pada tahun 2008, Yayasan telah membuat pelaburan dalam produk pelaburan patuh syariah di luar negara.

Pada 26 Sya'ban 1437 bersamaan 2 Jun 2016, Yayasan telah menujuhkan sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat Penggal 39. Syarikat tersebut dikenali sebagai Syarikat Wadah Amal Sdn Bhd.



Pucuk pimpinan tertinggi Yayasan diterajui oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, selaku Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BAB 7

Tunjang Teras Yayasan

Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah

Bermula pada 7 Rabiulakhir 1413 bersamaan 5 Oktober 1992, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan pelantikan dua buah badan bagi memantau perjalanan dan menguruskan hal ehwal pentadbiran Yayasan, iaitu Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah.

Jemaah Tadbir


Jemaah Tadbir bertanggungjawab mengawasi pentadbiran dan memastikan perjalanan dan pelaksanaan Yayasan menepati dasar dan tujuan penubuhannya.

Setiap ahli akan memegang jawatan untuk satu tempoh yang tidak melebihi empat tahun dan layak untuk dilantik semula menurut bab 7 (3) Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggal 166).

Satu peristiwa yang signifikan bagi Yayasan ketika melangkah masuk ke dekad ketiga usia penubuhannya bilamana pucuk pimpinan tertinggi Yayasan telah diterajui oleh Paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menjadi Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan mulai 18 Rabiulakhir 1434 bersamaan 1 Mac 2013.



Barisan ahli Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang pertama (1992—1996)

5 Oktober 1992—4 Oktober 1996

Pengerusi

- A) Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas

Timbalan Pengerusi

- B) Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Ahli

- C) Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit

- D) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohammad Yusof

- E) Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Juned

5 Oktober 1996—4 Oktober 2000

Pengerusi

- A) Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas

Timbalan Pengerusi

- B) Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Ahli

- C) Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit

- D) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohammad Yusof

- E) Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

5 Oktober 2000—4 Oktober 2004

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar

Timbalan Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohammad Yusof
- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

5 Oktober 2004—31 Disember 2008

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar

Timbalan Pengerusi I

- Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Timbalan Pengerusi II

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj
- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohammad Yusof
- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli Kerabat Diraja yang lain bergambar ramai bersama ahli Jemaah Tadbir dan Ahli Lembaga Pengarah semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 9 Syawal 1433 bersamaan 28 Ogos 2012

1 Januari 2009—28 Februari 2013

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Timbalan Pengerusi I

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Timbalan Pengerusi II

- Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
- Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim

1 Mac 2013—28 Februari 2017

Pengerusi

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Timbalan Pengerusi I

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Timbalan Pengerusi II

- Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
- Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim

1 Mac 2017—28 Februari 2021

Pengerusi

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah



Timbalan Pengerusi I

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Timbalan Pengerusi II

- Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bergambar ramai bersama Ahli Jemaah Tadbir dan Ahli Lembaga Pengarah pada 26 Jamadilakhir 1434 bersamaan 7 Mei 2013 di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap dasar dan pentadbiran am mengenai hal ehwal dan perjalanan urusan Yayasan.

Setiap ahli lembaga akan memegang jawatan untuk satu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula menurut bab 4 (4) Akta Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (Penggal 166).

5 Oktober 1992—4 Oktober 1995

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha

Timbalan Pengerusi

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong

Ahli

- Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman
- Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Mejari Jeneral (B) Awang Haji Mohammad bin Haji Daud

- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Abdul Karim
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Serudin
- Yang Mulia Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdulla



Di peringkat awal penubuhan Yayasan (1993), Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Berakas

5 Oktober 1995—4 Oktober 1998

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha

Timbalan Pengerusi

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman
- Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim
- Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas bin Haji Serudin
- Yang Mulia Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Awang Abdullah
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad



Barisan ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (1995—1998)

5 Oktober 1998—4 Oktober 2001

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha

Timbalan Pengerusi

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman
- Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim
- Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas bin Haji Serudin
- Yang Mulia Pengiran Anak Dato Seri Laila Jasa Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Awang Abdullah
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad



Sebahagian Ahli Jemaah Tadbir dan Ahli Lembaga Pengarah bergambar ramai di Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Ke-5 pada bulan Oktober 1997

5 Oktober 2001—4 Oktober 2004

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha (sehingga 27 November 2002)

Pengerusi

- Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (bermula pada 28 November 2002)

Timbalan Pengerusi I

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (bermula pada 28 November 2002)

Timbalan Pengerusi II

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejari Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud (bermula pada 28 November 2002)

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (sehingga 31 Mei 2002)
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim (bermula pada 1 Jun 2002)

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman
- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit
- Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Awang Abdul Karim
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas bin Haji Serudin
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Awang Abdullah
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Jeneh
- Yang Mulia Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
- Yang Mulia Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohamad
- Yang Mulia Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman
- Yang Mulia Awang Haji Saifulbahri bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya



Sebahagian Ahli Jemaah Tadbir dan Ahli Lembaga Pengarah semasa menghadiri salah satu Majlis rasmi anjuran Yayasan pada bulan Ogos 1998

5 Oktober 2004—31 Disember 2007

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman

Timbalan Pengerusi I

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Timbalan Pengerusi II

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejari Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim (sehingga 31 Mei 2005)
- Yang Mulia Dato Paduka Haji Ali Hashim bin Haji Daud (bermula pada 1 Jun 2005)

Ahli

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abas bin Haji Serudin
- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Awang Abdullah
- Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad

- Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Awang Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Jeneh
- Yang Mulia Dr. Haji Awang Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
- Yang Mulia Pengiran Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohamad
- Yang Mulia Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman
- Yang Mulia Haji Awang Saifulbahri bin Pehin Orang Kaya Laila Utama Dato Paduka Haji Jaya (sehingga 4 Ogos 2005)
- Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Zaini bin Haji Kamaluddin (bermula pada 3 Mei 2005)
- Yang Mulia Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud (bermula pada 3 Mei 2005)
- Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Junaidi bin Pehin Orang Kaya Pekerna Setia Dato Paduka Haji Hashim (bermula pada 1 Januari 2006)



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang di Ibu Pejabat Yayasan (2000)

1 Januari 2008—31 Disember 2010

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Timbalan Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejai Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim
- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha

- Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh ibni Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam
- Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (sehingga 31 Disember 2008 dan dilantik menjadi ahli Jemaah Tadbir bermula pada 1 Januari 2009)
- Yang Mulia Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
- Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail
- Yang Mulia Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman
- Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Zaini bin Pengiran Haji Kamaluddin
- Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Junaidi bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim
- Yang Mulia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah
- Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Janudin
- Yang Mulia Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Md Ali



Barisan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (2008-2010) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

1 Januari 2011—31 Disember 2013

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Timbalan Pengerusi I

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

Timbalan Pengerusi II

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud (sehingga 30 November 2011)
- Yang Mulia Awang Haji Brahim bin Haji Ismail (bermula pada 1 Disember 2011)

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud
- Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah
- Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
- Yang Mulia Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman
- Yang Mulia Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali
- Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud



Percambahan fikiran Ahli Lembaga Pengarah dalam memberikan nasihat dan visi yang jelas ke arah kejayaan rancangan dan pelaksanaan projek dan aktiviti Yayasan

1 Januari 2014—31 Disember 2016

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

Timbalan Pengerusi I

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

Timbalan Pengerusi II

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Mulia Awang Haji Brahim bin Haji Ismail

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar
- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha

- Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Daud
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah
- Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi
- Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin
- Yang Mulia Haji Awang Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
- Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang di Ibu Pejabat Yayasan (2017)

Lantikan bermula 1 Januari 2017

Pengerusi

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

Timbalan Pengerusi I

- Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Md Yussof

Timbalan Pengerusi II

- Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi

Ahli Merangkap Pengarah Urusan

- Yang Mulia Awang Haji Brahim bin Haji Ismail (sehingga 30 Jun 2017)
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny (bermula pada 1 Julai 2017)

Ahli

- Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
- Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah
- Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud
- Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Ghafar
- Yang Mulia Awang Haji Md. Riza bin Dato Paduka Haji Yunus
- Yang Mulia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof
- Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim
- Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman
- Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas



Barisan ahli Lembaga Pengarah Yayasan bagi lantikan bermula 1 Januari 2017 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

Pengerusi Jemaah Tadbir 1992 -2017



Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja
Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas
(5 Oktober 1992—4 Oktober 2000)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya
Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin
Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka
Haji Awang Umar
(5 Oktober 2000—31 Disember 2008)



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma
Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang
Mohd. Zain bin Haji Serudin
(1 Januari 2009—28 Februari 2013)



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
(1 Mac 2013—28 Februari 2021)

Pengerusi Lembaga Pengarah 1992—2017



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha
(5 Oktober 1992—27 November 2002)



Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman
(28 November 2002—31 Disember 2007)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
(1 Januari 2008—31 Disember 2013)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman
(1 Januari 2014—31 Januari 2018)

Pengarah Urusan 1992—2017



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong
(5 Oktober 1992—31 Mei 2002)



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim
(1 Jun 2002—31 Mei 2005)



Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud
(1 Jun 2005—30 November 2011)



Yang Mulia Awang Haji Brahim bin Haji Ismail
(1 Disember 2011—30 Jun 2017)



Yang Mulia Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny
(bermula pada 1 Julai 2017)

Pengurusan

Selain Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah yang sememangnya bertanggungjawab atas dasar dan perjalanan Yayasan dan memandu hala tuju Yayasan, tenaga kerja Yayasan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang berdedikasi dan komited juga merupakan nadi dan tulang belakang Yayasan.

Yayasan hanya mempunyai seorang pekerja pada awal penubuhannya. Pengambilan pertama seramai lapan orang pegawai dan kakitangan telah memulakan tugas pada tahun 1993. Jumlah kakitangan Yayasan telah meningkat kepada seramai 271 orang sehingga Oktober 2017.

Pentadbiran am dan pengurusan eksekutif Yayasan diterajui oleh seorang Pengarah Urusan yang juga ahli Lembaga Pengarah Yayasan. Pengarah Urusan dibantu oleh pasukan pengurusan, pegawai dan kakitangan daripada beberapa bahagian iaitu Bahagian Ugama, Bahagian Kebajikan, Bahagian Pendidikan, Bahagian Perkembangan Tenaga Manusia, Bahagian Hartanah, Bahagian Kewangan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Perhubungan Awam dan Bahagian Audit Dalaman. Sebahagian daripada bahagian ini berada di Ibu Pejabat Yayasan Jalan Perdana Menteri, manakala selebihnya ditempatkan di Kompleks Yayasan, Bandar Seri Begawan.



Berbincang dan bermesyuarat dalam setiap urusan bagi memastikan Yayasan mencapai hala tuju dan memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Yayasan pada 20 Jamadilakhir 1425 bersamaan 7 Ogos 2004, mencerminkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap perjalanan dan pelaksanaan projek dan aktiviti Yayasan dalam memeduli kebijakan dan kesejahteraan rakyat setelah lebih daripada satu dekad beroperasi





Warga kerja Yayasan bergambar ramai bersama Pengerusi Lembaga Pengarah di Majlis Malam Penghargaan Pekerja-Pekerja Yayasan pada 18 Rabiulawal 1433 bersamaan 10 Februari 2012 di *Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo & Riding Club*, Jerudong



Pegawai dan Kakitangan Yayasan dari Tahun 1993—2017

1993 • HJ. MAHMUD BIN POKPD (BPK) DSS JK ALI HUSAIN • AIDAH BINTI HJ. MOHAMMAD YUSOF • DK. HJH. SUHANI BINTI PG. DATO PADUKA SERI HJ. ABIDIN • HARRIS BIN HJ. LUDIN • RAPIAH BINTI ABDULLAH • DK. KARTINA SURIANI BINTI PG. HJ. ABU BAKAR • HJH. MALINAH BINTI LIBUT @ HJH. MASLINE BINTI ABDULLAH • MOHAMMAD ALI ZANURI BIN HAJI ISMAIL • **1994** • HJ. MOHAMAD NOOR BIN HJ. MOHAMAD DAUD • HJ. PUASA BIN HJ. JUMAT • SOFIA BIN HJ. OMPAK • HJ. BAKAR BIN HJ. BALI • MOHAMAD JUNAIDI BIN HJ. ABDUL RAHMAN • HJ. MUSTHAPPA BIN HJ. MATAHIR • HJH. MAZNAH BINTI MAHLI • ALIJAH BINTI HJ. NAYAN • HJH. SITI FARISHAH BINTI DATO PADUKA HJ. WAHABI • ROSMAHWATI BINTI HJ. BUNTAR • AMIT BINTI HJ. YUSOF • ASNAH BINTI HJ. ABU BAKAR • HAISAH @ HASIMAH BINTI ABDUL WAHAB • HJ. MOHAMMAD YUSOF BIN HJ. SERUDIN • ZAINAB BINTI HJ. ISMAIL • HJH. NOR HAZIJAH BINTI HJ. MANSOR • KIFLI BIN ABDUL HALIM • JAFARUDDIN BIN HJ. BUNGCU • MOHAMMAD JALI BIN HJ. ABDUL RAHMAN • MOHAMMAD JALI BIN HJ. ABDUL RAHMAN • HAIRANI BINTI HJ. LAMUDIN • **1995** • HJ. ZULKIFLI BIN HASHIM • HJH. NORMAH BINTI HJ. YUSUF • HJ. MARSIDI BIN HJ. AW. MATALI • NORAINAH BINTI HJ. METASSIM • SITI RUBIAH BINTI HJ. ABU BAKAR • HJH. ZAINAB BINTI HJ. JAMAN • HJH. AINAH BINTI DAUD • JUMIAH BINTI HJ. TAMIN • TIWA BINTI IBRAHIM • SITI SAADIAH BINTI ZULKIFLE / KIFLEE • FAUZIAH BINTI MAIDIN • BUNTAR BIN HJ. IBRAHIM • OSMAN BIN HJ. BESAR • PG. HJ. DAHRIN BIN PG. HJ. MOHAMMAD YASSIN • AMINAH @ BANUN BINTI HJ. IBRAHIM • AMPUAN HJ. SAIFUL REZAL BIN AMPUAN DATO PADUKA HJ. SABTU • BAHRUM BIN HJ. IBRAHIM • DK. HAIRANI BINT PG. HJ. MAHMUD • **1996** • DK. HJH. SERINAH BINTI PG. HJ. SULAIMAN • HJ. MOHAMMAD SAID BIN JUMAT • HJ. UMAR BIN SERUDIN • HJ. BERUDIN BIN PILOK • HJ. HAMDANI BIN DUHAI • HJ. MOHAMMAD JUFRI BIN HJ. JALUDIN • PG. SITI NORKARIMAH BINTI PG. ANAK HJ. HASHIM • HJ. BESAR BIN HJ. SHAMSUDIN • HJ. JANAIDI BIN BAKAR • PG. OTHMAN BIN PG. HJ. ISMAIL • ZAKERIA BIN HJ. ABANG • HJ. SARHIMI BIN KARIM • JUMAAT BIN NAYAN • PG. HJ. SERPU DIN BIN PG. HJ. MAT SALLEH • TAIB BIN HJ. TENGAH • HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. BESAR • HJ. AJI BIN HALIM • MAIL BIN HJ. HASHIM @ ASSIM • MASIR BIN YUSOF • HJ. ALI RAHMAN BIN ABDULLAH • JUNAIDI BIN HJ. KARIM • MUHAMMAD SUFFENDI BIN SULAIMAN • MURAH BIN HJ. LAKIM • MUHAMAD SULAIMAN BIN AHMAD • HJ. MD. JAMIN BIN MD. HUSSIN • HJ. MURNI BIN MATDON • ABDUHAI BIN MOHD.. YUSOF • ALI BIN YUSUF • HJ. SULAIMAN BIN HJ. JAIR • MUHAMMADDUN BIN HJ. ABDUL RAHMAN • RAMLI BIN HJ. JUMAAT • ABDUL HAMID BIN MOKTI • HJ. BAHAR BIN HJ. OSTAM • ABDUL GHANI BIN HJ. OMAR • HJ. USUP BIN HJ. LAKAT • HJH. ROSNI BINTI BAKAR • DK. HJH. UMMI KALTHUM BINTI PG. HJ. TAJUDDIN • INGSON BINTI HJ. LADI • DK. HANI RASHIDAH BINTI PG. HJ. MASUNI • HJH. SUZILIANA BINTI HJ. AWANG BESAR • NORLELAWATI BINTI HJ. THABIT • NOR ZAILAWATI BINTI HJ. ZAMAN • NORLIHA BINTI DAMIT • DK. MAIZAN BINTI PG. HJ. HUSSAIN • HJH. SITI HAMDIAH BINTI HJ. JUMAT • NORAINI BINTI MATTIDIN • ARDIMAN BIN HJ. TENGAH • PG. AHMAD BIN PG. HJ. MUMIN • DULLAH BIN BAGOL • HJ. KAMIS BIN HJ. IBRAHIM • SANIB BIN LIDIN. WAHID BIN ISHAK • MARINAH BINTI HJ. MOHAMMAD • SITI HAJIjah BINTI UNTONG • HJ. TENGAH BIN AHMAT • HJH. ZAITON BIN HJ. DURAMAN • PG. YUSSOF BIN PG. MATAMIN • WAHID BIN MUNAP • HJ. AW. SARAIL BIN HJ. TENGAH • MASNI BINTI HJ. MOHAMAD NOOR • HAMDAN BIN SHAHBUDIN • HJ. JOLKEPLI @ JOLKAPLI BIN HJ. JOHARI • JARUDIN BIN HJ. SERBINI • **1997** • LAMAT BIN YAHYA @ TINGGAL • SULUDIN BIN TUAH • RAMLEE BIN HJ. ABDUL WAHAB • HJ. OMAR BIN HJ. LISA • HJH. NORSAIDAH BINTI HJ. HASSAN • ABD. HAZIMIN PUTRA BIN ABD. HAMID • RAMLEE BIN HJ. KASSIM @ HASSIM • HJH. ZAINAB BINTI HJ. ABDUL WAHAB • DK. AZAMI BINTI PG. HJ. AHMAD • ABDUL SALAM BIN SABTU • HJH. LATIFAH BINTI HJ. AHMAD • HJ. ALIMAS BIN HJ. MOHAMMAD ALI • TENGKU HJ. ISMAIL BIN TENGKU HJ. HASSAN • HJ. BAHAR BIN HJ. ABU BAKAR @ HJ. ROSLI BIN HJ. ABU BAKAR • HJ. MATALLI BIN ABDUL RAHMAN • PANJANG BIN HIDUP @ SIDUP • PG. AJAK BIN PG. AHMAD • YM DATO PADUKA HJ. ZAKARIA BIN HJ. JENEH • HJ. MATAMIN BIN MAIDEEN @ DAMIT • HJH. RUSNAH BINTI HJ. IBRAHIM • HJ. Zahrin BIN MOHAMMAD JAYA • HJ. MUSTAFA BIN MOHAMMAD YUSOF • ABD. RAHMAN BIN HJ. ABDULLAH • HJH. SAUNAH BINTI YUSOF @ HJH. DAYANG SAUNAH BINTI MOHAMAD YUSOF • AHMAD BIN ABDULLAH @ BUNGCU ANAK DURONG • HARISI BIN AW. DAMIT • AJI BIN HUSSIN @ MATUSIN • KAMIS BIN HIDUP • HJH. MASNAH BINTI HJ. JUMAT • HJ. MOHAMMAD BIN HJ. MOHD. ALI • HASWANDI BIN HJ. SAHARI • AHMAD RITHAUDIN BIN HJ. SABTU • NURUL AINI BINTI HJ. ABDUL MOMIN • AMRI BIN HJ. MOHAMAD SALLEH • HASBULLAH BIN HJ. ABDUL HAMID • AK MUHAMMAD MARSAYUTTE BIN PG. HJ. ADANAN • **1998** • SARI KULA BIN AHMAD • NOR AZIANA BINTI AW. HJ. MADANI • HJH. ALENAWATI BINTI IBRAHIM • SARIDAH BINTI HAJI SAHAT • HJH. MASAYU WARDATUL HAYATI BINTI HJ. MOHAMMAD YUSOF • HJH. HALIMAH BINTI HJ. MAIDIN • HJ. JAMUDIN BIN HJ. OMAR • OMARALI BIN NAYAN • WAHID BIN HJ. ISHAK • HJ. HAMIDUN BIN ZAKARIA • HAMDIAH BINTI BARAIM @ NORHANNA BINTI IBRAHIM • ROSLIAH BINTI ASRI • NORSIAH BINTI AHMAD • RAUYAH BINTI HAJI ABDUL RAHMAN • HJH. ZARINAH BINTI HJ. JUMAAT • MOHAMMAD SHAHAMRUL SHAM BIN SAILI • ROSINAH BINTI ABDULLAH • AK ANDY SUHARDI BIN PG. HJ. MOHAMMAD DAUD • NORAZLINA BINTI HJ. RAMLEE • DK. NORAZIMAH BINTI PG. HJ. MUHAMMAD • WARDIAH BINTI HJ. ABDUL HAMID • MOHAMAD BAKRI BIN AZAHARI • HJH. SHAMSIAH BINTI HJ. ABDUL GHANI • ASLI BIN OTHMAN • PG. AZLIMAN BIN PG. OTHMAN • NORSIAHWATI BINTI HJ. MUSA • **1999** • HJH. UMI KALTHOM BINTI HJ. TIMBANG • DK. HJH. ROSNANI BINTI PG. HJ. HASHIM • HJH. NORHAMIZAH LAILAWATI BINTI HJ. ABDUL HAMID • MARHANI BINTI OMAR • ROSMAH BINTI HAJI OTHMAN • ROSMAH BINTI HJ. OTHMAN • SARINAH BINTI HJ. AW. SALLEH • HAILIE @ NUR AZMINA UZMA BINTI MOHAMMAD • LETTY TIU • DK. KASMAWATI BINTI PG. HJ. METUSSIN • HJH. AZLENA BINTI AW. HJ. AMIT • CHRISTINA @ NURUL RASHIDAH BINTI ABDUL RAHMAN • **2000** • NORAINI BINTI ABDULLAH @ ORIELLA MENGHI • POOJA SHIVKUMAR SAJNANI • NANCY ANAK TINDIN • FARAH SAYER MOHAMED • PAULA FERNANDA MOURAO AFONSO @ NOOR FAEZAH BINTI ABDULLAH • SURYANI ROAINA BINTI ABD. ALLAM • HJH. WAHIDAH BINTI HJ. TENGAH • NOOR SHAHRINAHASIKAH BINTI HJ. SHAHBUDIN • HJH. SITI SAFIAH BINTI ABDULLAH @ TAN WEI PHING • MD. HAFIZUL 'ILMI BIN HJ. ZAINI • YDM PEHIN ORANG KAYA LELA SURA DSLJ HJ. AW. ABAS BIN HJ. SERUDIN • AIANI BINTI HASSAN • **2001** • ABDUL SAMAT BIN BANIN • LOO SHEE YUN • MOHAMED SIRAZZUDEEN BIN MOHAMED MAIDEEN • LOI KENG MUI • LIEW SIAW SIA • HASMI BIN HJ. IBRAHIM • MOHAMAD SYAFIG BIN TIMBANG • PG. MASRI BIN PG. HJ. DURAHMAN • MOHAMAD SHAHSIR BIN HJ. KAMBAR • NORANIZA BINTI ABDUL RAHMAN • TAN LAY KIM • NORAZLINA BINTI ABDUL KHAMIS • HILDA BINTI MANSOR • LILAWATI BINTI AW. NAIM • NORISMAZIAH BINTI HJ. MADON • SUZILAWATI BINTI SERBINI • YDM PEHIN ORANG KAYA PUTERA MAHARAJA DP AW.

HJ. ABDUL GHANI BIN PEHIN DATU PEKERMA DEWA DP AW. HJ. ABDUL RAHIM • USTAZ HJ. ISMAIL BIN HJ. AHMAD • **2002** • KARTINI BINTI HJ. IBRAHIM • AHMAD MUNADI KHAIRI BIN HJ. SABTU • PG. HJH. NOOR YASHIMAH BINTI PG. ANAK HJ. HASHIM • SUFINAH BINTI HJ. SULAIMAN • MOHAMMAD AMIR BIN OTHMAN • SALWANA BINTI OSMAN • FATIMAH ABDULLAH @ REBECCA C. FRANSISCO • SITI ZUBAIDAH BINTI HJ. ABD. RAHMAN • HJH. ERNYE MAISURAH BINTI HJ. MATDANAN • HJH. ERNYE MAISURAH BINTI HJ. MATDANAN • MARIA FATIMA ABELLA GAOSIL • SITI NORBAYA BINTI HJ. ASSIM • AW. SAMSUDIN BIN HJ. PUASA • LINA @CHASTINA SAHDI • HJ. SHAYFOL KHAIRIN BIN HJ. MOHAMMAD YASSIN • SUJIMAH BINTI MEJARI • AW. MOHAMMAD DANI BIN HJ. JAILANI • AW. Bahrin bin HJ. ALI RAHIM • **2003** • RAHIMAH BINTI HJ. BADAR • SITI SALAWATI BINTI SALAT • NORHAYATI BINTI HJ. YUSOF • ISWANDY BIN HJ. OSMAN • DAISY G. ABARINTOS • SHANJU NAJUMUNNIZA ASLAM • HJH. IDAHWATI @ 'IRDINA NUR'AIDAH BINTI HJ. ISRIS • ANASURINI BINTI HJ. ABD. KARIM • DK. ROSLINA BINTI PG. HJ. ALLI • SUZIEWATI BINTI TARALEM • **2004** • MOHAMMAD ZULKARNAIN BIN HASSAN • IRNIWATI @ NUR 'ALIYAH BINTI HJ. AHMAD • SITI NORFARIDAH BINTI SIMPUL @ SIMPOL • MAS MUZNNAH BINTI MOHD. YUSSOF • HJ. MOHD. ALIDDIN BIN ABD. GHANI • ASMAHWAIT BINTI HJ. YAHYA • HJH. OSLITA BINTI HJ. OTHMAN • KHAIRANI BINTI KAHARUDDIN • KANIZ ABDUL SHAKOOR • HJH. NORJUNA BINTI HJ. BUNTAR • FAZLAN BIN HJ. OTHMAN • HURAINI BINTI HASSAN • SITI ZALIHA BINTI HJ. YAHYA • PG. HJ. MUHAMMAD BIN PG. HJ. ABAS • HJH. NORHANI BINTI HJ. MOHD. NOOR • LIM HONG KIAT • NGU GIONG GIONG • SINIAH BINTI HJ. SIMAT • **2005** • MARIVIC PACCARANGAN COLLANTES • NORAZENI BINTI ZAINAK ABIDIN • TAN KA YU • KUNG LEH CHIN • CHUA AI KIM • FAIZAH @ RASHIDAH BINTI DAHARI • THERESA WONG OI YIN • NOR RADIAH BINTI HJ. ABDUL RAHMAN • ROSNAN BIN IBRAHIM • SALINA SANTHY BINTI ABU BAKAR @ BAKRIN • WONG TACK • YM DATO PADUKA HJ. ALI HASHIM BIN HJ. DAUD • WONG PAK SET • RAHMAN BINTI HJ. ISMAIL • MUHAMMAD DANIAL BIN MELINTANG • NORHAYATI BINTI HJ. SUHAILI • PG. SHAH RIZAL BIN PG. HJ. MOHD. SAID • ZUHAIRY BIN JUMAT • CHEN LEE YONG • DR. HJ. LOJI ROJI BIN HJ. SAIBI • HJH. ZAITON BINTI ABU BAKAR • MASNIAH BINTI ASNAN • RAHIMI BIN IBRAHIM / KASSIM • MOHAMMAD BIN ROSDIN • POR GAYAH @ ROGAYAH BINTI HJ. ADOL • SERUDDIN BIN HJ. DURAMAN • ADAM TAN CHIN WAI • MUHAMMAD KHAIRI BIN JUNAID • **2006** • ISWANDY BIN AHMAD • HJH. YANI BINTI MOHAMAD YUSOF • NORISLAM BINTI PENGHULU HJ. BAKAR • SABARIAH BINTI HJ. MOHD. NOOR • AFSHAH BINTI RAMLEE • KASMAH BINTI HJ. ABD. RAHMAN • NORAFIZAH BINTI HJ. SUHAILEE • IRENE CHONG • NORHAJIAH BINTI HJ. MOHAMAD YASSIN • MUHAMMAD ZAMIR BIN HJ. SULAIMAN • SITI QHADIZAH BINTI HJ. OSMAN • SITI SALAWATI BINTI HJ. JAKUT • AMZAH BINTI ALI • ARJUNI BIN TALAM • ASUANDI BIN HJ. JAKUT • AK MD. FARIZAL BIN PG. ZAHARI • HAFIZAN BIN HJ. MATJAIR • JULIANA BINTI HJ. NAYAN • MOHAMAD KAMSUL BIN HJ. JININ • MOHAMMAD BIN ISMAIL • NORLIYANA BINTI HJ. AHMAD • ROHAIDAH BINTI HJ. MOKTAL • ROHANA BINTI AW. HJ. BUNGsu • ROSDINAWATI BINTI HJ. ABDULLAH • RUZIAH BINTI HJ. MATARSAD • SAHAROL BIN ALI • SITI NORJAIMAH BINTI ALI • ZULYAINA BINTI HJ. ANGKIS • MOHD. SAIFUL RIZAN BIN DULIAMIT • SURUDAI @ SUHARDI BIN SULIMAN • AMINUDDIN BIN IBRAHIM • HJ. YAKUP BIN KULA • SHAHAROL BIN HJ. DRAHMAN • HJ. SHAMSHUL BIN AW. HJ. ZAINI • IKHWAN ISKANDAR BIN HJ. ABD. GHANI • HJH. NORLEN BINTI HJ. MOHD. ISMAIL • MAS ISAEIRWANDY BIN HJ. RABAHA • NORMANN BIN AMEDUN • DK. KHAIRUL AINI BINTI PG. HJ. IBRAHIM • HJH. NOOR ALIFAH BINTI HJ. MOHAMAD • MOHAMMAD DINI BIN HJ. YAKUP / HJ. YA'AKUB • ZULHILMI BIN MATJAIR • MOHAMMAD ZULHUSNI BIN SANI • Bahrin bin HJ. ABD. RAHIM • MOHAMMAD JABDI BIN HJ. SUHAIMI • **2007** • HJH. NOR RAYANI BINTI HJ. YAHYA • NUR WAJIDAH BINTI ABDULLAH @ ROYALE MANLAPAZ CHEAH • AMELITA VALENCIA LAI • YANTIYANA BINTI HJ. OMAR • HJH. DURAIDAH BINTI HJ. MOHAMMAD ALI • DIANA DIMITROVA STOUGHAR • JALIHA BINTI HJ. ABDUL RAHMAN • ADDIWATI BINTI HJ. MAIDIN • JOSEPH LOI KUONG TUNG • VERONICA HONG CHOON GUEK • MOHAMMAD SADRI BIN HJ. HUSIN • KATINI BINTI HJ. SAPAR • HJ. AWANG @ HJ. MAT ZAHRI BIN HJ. YUSOF • HJ. RIZAL FAUZAN BIN HJ. MOHD. BAHRIN • SITI NORHAYATI BINTI HJ. ANAPI • PG. NOR AZIYANI BINTI PG. HJ. MUHAMMAD • SITI MARDHIAH BINTI HJ. MIDOON @ MIDON • LOH CHIN TIANG • LOH CHIN TIANG • MOHAMMAD MASDI BIN ROSLI • MOHAMMAD NORALIMIN BIN HJ. BIDIN • KHIROLRIZAN BIN IBRAHIM • MOHAMMAD AMIR ISKHANDAR BIN HJ. MOHAMMAD • SHUKRI BIN HJ. TAHIR • SITI AISAH BINTI HJ. SIMAT • HJ. RAMLEE BIN BEGAWAN PEHIN KHATIB DATO HJ. ABD. WAHID • NORRASHIDAH BINTI AW. MOHAMMAD YAAKUB • MOHAMAD FADZI BIN OSLI • ESTI DIWANA CHRISTIE BINTI MOHD. IDRIS @ SITI SARAH • KAMIS BIN AMAT • ZOERAZIMI BIN HJ. MOHAMMAD ZAINI • FATIMAH BINTI HJ. DAUD • SHAROL BIN HJ. HASSAN • **2008** • FAIZATUL MAZLENA BINTI HJ. AW. ISMAIL • WIZANA BINTI ANUAR • AMAL NADIAH BINTI HJ. ABD. MULOK • NOOR ALIFAH BINTI ABDULLAH • TAN JOO LEE @ MRS LIM JOO LEE • AK MOHAMMAD YUSSOF BIN PG. ABDUL RAZAK • DK. FAEZAH NORDZARYAH BINTI PG. TAJUDIN • RIOWANDI BIN RADZUAN @ RADUAN • RUZANA BINTI ABD. KARIM • LETRICIA GOH • SUHAIMI BIN HJ. HUSSIN • NORA BINTI ABD. RAHMAN • HJH. ZULINAH BINTI HJ. JUMAT • NUR DURRIYAH TAN BINTI ABDULLAH @ DORIA BINTI NIKAH • MASLIZA BINTI SAILI • DK. NOORDIANAWATI BINTI PG. MOHAMAD • HUONG HUI HWA • NURHAYANEY BINTI WADANI • MUHAMAD NADZIF HILMI BIN HJ. TAIN • AMALINA BINTI HJ. LAMIT • USTAZ HJ. SAMSUL MUAWAN BIN HJ. SHODIQ • ZININ BIN HJ. OSMAN • MOHAMMAD KASLANI @ MOHD. AMIRUDDIN HAMZAH BIN HJ. MD. KASSIM • DK. HARTINI BINTI PG. HJ. ABD. RAIS • ADRENNE ALEXANDRE CHINN • PW1 (B) MUHAMMAD HARDI BIN ABDULLAH @ RICHARD BIN RUANI • MORLIN BIN TUAH • **2009** • RABI'ATUL KHAIRUNNISA BINTI ZOFRI • DK. SITI SAFOANI BINTI PG. HJ. ZAIDI • MAZARINA BINTI HJ. ABD. MAJID • SITI NAZIRAH BINTI HJ. DOLLAH • MOHAMMAD AMEROL BIN HJ. METUSIN • JULIANA BINTI MAIYAMIT • UMI SALMAH BINTI BORHAN • MOHAMMAD NABIL BIN JUNAIDI • MOHAMAD SHAHILYAS BIN HJ. SULAIMAN • HJ. HASSAN BIN HJ. AHMAD • MOHAMMAD AZMI BIN MOHAMMAD DAUD • MOHAMMAD KHAIRIL @ MOHD. KULA BIN HJ. JAMAIN • PG. MOHAMMAD SAIFFOL NOOR AZHREN BIN PG. MD. SALLEH • PG. NOREHSAN BIN PG. HJ. MAIDIN • FAIZATUL AMALINA BINTI HJ. MORSIDI • SITI MASTURAH FAKHRIA BINTI HJ. YUNOS • AK MOHAMAD HASRIN BIN PG. HASSAN • ANGEL MARU ARULMARAN • EMME AZURA @ FITRINA BINTI HJ. MUSTHAPA • NORAZLINA BINTI HJ. JAHRIF • MOHD. HAFFIZAN BIN MD. ADAM • KONG KOK YIAN • NUR LINA BINTI ABDULLAH ABU @ LINA ANAK ABU • HJ. MD. SHUAIF BIN HJ. MD. ALLI • AK MOHAMMAD TAIB BIN PG. HJ. BASAR • EMY NOORIFIANA BINTI A.IDRIS • HJH. SALAWATI BINTI HJ. SHAHDAN • SARINAH BINTI HJ. SABAN • ROSIDA BINTI MOHAMED ZAIN • FARID IRWANDI BIN HJ. SAID • NUR IDAWATI BINTI HJ. ISMAIL • AK HANI SAYUTI BIN PG. HAMDANI • MUHAMMAD NAZREE BIN ASLI • HJH. NORSOFINAWATI BINTI HJ. AW. DALI • SAJIDAH FARVEEN BINTI ABDUL JALEEL • HJH. AAISHATH BINTI THYIB • CHUNG JEE FENN • GLEN A.JACKSON • NOOR ZARINA BINTI HJ. MOHAMED SALLEH • NORMOSHIDAYAH BINTI YAHYA • ABDUL AZIM BIN OMAR • ZUL HILMI BIN ABDULLAH @ DULLAH • MOHD. ABDUL FATTAH BIN HJ. CHUCHU • AWANG ABDUL AZIZ BIN HAJI LAMUDIN • MOHAMMAD ARIF ABDULLAH BIN ABDUL HAFIZ DIN • MOHAMMAD FOUZLAN BIN HAJI ABDULLAH • SITI MARZIANAHYATI BINTI



SAJALI • MOHAMAD NIZAM BIN ZAINAL ABIDIN • NORMARIRAN BIN BESAR @ BAHAR • MAHMOUD SYAZLI BIN DATO SERI SETIA HJ. YUSOFF • **2010** • MOHAMAD NAZID BIN TUAH • SITI NURLIYANA DIYANAH BINTI HJ. SALLEHUDDIN • SUZILAWATI BINTI HJ. JULAIHI • MADEEEHA SAMAD • CHELLIAH CHITHRA • NG CHUN THAI • NAZURAH BINTI HJ. SAHAT • NORBAINI BINTI HJ. ABDULLAH • MUHAMMAD SAIFUL REDZUAN BIN AW. HJ. DAUD • NOOR AZIEMAH BINTI MAT YUSOP • NANCY MATHEWS • KHAILIDIN BIN AHMAD • KHOR SHUH NING • DK. SITI ZURAIDAH BINTI PG. ZAIDI • MICHELLE HONG YEN LEE • VICENTE GAVINO CYRUS D. CABRERA JR • ROWENA LAM MEI LING • TANG SIE KIANG • HJ. RASANOOR MOHAMMAD ALIFIKRI BIN HJ. SAMSUDIN • INZULULAAIN BIN KHALID • KAVITHA DINESH • SITI ZARIAH BINTI SABTU • HJ. ABDUL JALIL BIN PEHIN RATNA SETIA DIRAJA HJ. MD. SALLEH • NORAI DAH @ ZAITONAH BINTI HJ. SUHAILI • SITI MARYAM BINTI ALIUDDIN • DK. ERNIE MARIANI BINTI PG. BIDIN • **2011** • KASYFIL AZIZ BIN HJ. JUMAT • ROZLINAWATI BINTI MOHD. MASLIN • NORHASIDAH BINTI AWANG KAMPONG • WILFREDO JR JORDAN LEMQUE • NUR AMALINA BINTI HJ. YUSSOFF • HJ. SAIFUL AZMI BIN HJ. AW. MOHAMMAD • ABDURRAHMAN AL-HAMID BIN SYED HASSAN • CHANG LEE MIN • AZMI BIN HJ. JALI • NOOR IZZATI BIN HJ. MOHD. ALLINOOR • MOHAMAD NAZIRULARIFIN BIN HJ. MOHAMAD ZAINI • SITI NURHAMIZAH BINTI HJ. ABDUL HAMID • HJ. PUSPA BIN HJ. MOHAMAD • LIZAWATI BINTI ABDULLAH @ TERESA SANDRA LEACH • MOHAMMAD SAHARUL HAFFIS BIN HAJI ANUAR • HANA SUHANA BINTI JOHARI • NORSOFINA BINTI HJ. ABDUL MANAF • BETHSAIDA S. RUIZ • REDA HUSTAIRIE BIN AW. HJ. JULAY • NUR RABI'ATUL 'ADAWIYAH MARDHATI BINTI RABA'AI • PG. HJ. BAKAR @ PG. HJ. RAMLIE BIN PG. DAMIT • HJH. ROSNAH BINTI HJ. ALIAS • MUHAMMAD RAZAN BIN HJ. ABD. RAZAK • MOHAMMAD HIDAYATIL HADI BIN SAFLI • SALAMA BINTI HJ. DAUD • EDDY SARDY BIN HJ. AWANG OMAR • SARINAH BINTI SHAMSUL SHAH • HJ. IBRAHIM BIN HJ. ISMAIL • **2012** • DK. NURKHIRUNNISA BINTI PG. HJ. METUSSIN • DK. NURKHIRUNNISA BINTI PG. HJ. METUSSIN • RAFIDAH BINTI MATJALINA • DK. ERV рИЯ BINTI PG. HAMDAN • LEN SIEW KUAN KEASBERRY • MOHAMMAD KHAIRUL BIN SUHAILI • MOHAMAD ZINI BIN JAPAR • FAKHRIAH @ FASIHAH BINTI SABARAYA • NORASIDAH BINTI MAIDIN • SITI HANISAH BINTI HJ. MASRI • **2013** • MAS ZURAIN BINTI MOHD. AZRI • NORHANIS BINTI TIGA • NURUL AHSEKEN BINTI YAHYA • MUHAMMAD HAZMI RAFIE BIN HASSAN • MUHD. NURUL HAFIZ BIN HJ. MOHD. YUSSOFF • EMA AMALINA BINTI ABDUL KIPLI / ZULKIFLI • JESSIE YONG YEH SIE • NORLAILA BINTI HJ. MARZUKI • NURSAFWANAH AMANINA BINTI HJ. MOHD. ZAKARIA • AK MUHAMMAD SYAZWAN BIN PG. OTHMAN • MUHAMAD ALIF BIN ABDULLAH • LILI MARYAM BINTI ISMAIL • ABDUL HALIM BIN HJ. RAMLI • HIDAYATALLAH WAQIYUDDIN BIN HJ. MOHIDDIN • MOHAMAD DZULJAMAL BIN HJ. ABDUL LATIF • SITI NAAFIAH BINTI DATO PADUKA HJ. MD. MAHDI • JURAIDAH @ JUJU BINTI JUNAIDI • DK. SITI RUZANNA BINTI PG. HJ. SABTU • MOHAMMAD IHSAN BIN HJ. ABDUL WAHID • NURSYAFIQAH AL-WANI BINTI ABDUL WAHID • NUR AFIQAH BINTI HJ. SAHMINAN • ADIZZA REHANNIZZAN BINTI ANUAR • NURHAZIYAH BINTI HJ. MOHD. SHAHROL AZMAN • DK. NUR SAFRAA SAFWANAH BINTI PG. MAT DAUD • CHAK HON NEE. SITI NORADIJAH BINTI HJ. DURAMAN • MOHAMAD EFFENDI BIN ALI • HJH. HADIJAH BINTI HJ. ABD. HARITH • NURUL AMAL ILHAMINA ATHIRAH BINTI PSNPA HJ. MOHAMMAD MUNTASSIR • YUSTINI BIN HJ. NAYAN • NURUL IZZATI FATIN AFIQAH BINTI AW. IBRAHIM • SITI MULSINAH BINTI HJ. MATUSSIN • DK. DURATUL NADIAH BINTI PG. SAHDON • AIRULYANTI BINTI AIBAU • ZAMANY BIN HJ. MOHD. RAIS • NURUL HIKMAH BINTI HJ. ABDUL MALEK • SITI IZYAN BINTI HJ. AMRON • MUHAMMAD AMIRUL ANIZAM BIN HJ. ABD. GHANI • NURUL HAFIZAH BINTI AWANG HJ. SALLEH • ANG SIEW PEI • IRENE YEE WEI LIN • UMMUL QARAMAH BINTI ABDULLAH • DK. HJH. ASIAH @ DK. HJH. FARIDAH BINTI PG. HJ. DAMIT • HJH. DONNALIZA BINTI ABDULLAH PUASA • HJ. MOHAMMAD RUSDI BIN HJ. METUSIN • DK. NURAMALINA SHAHIRAH BINTI PG. MD.. SAHIFULIZAM • **2014** • AK AZAMIR BIN PG. HJ. SAHDIF • NORDAYANA BINTI HJ. ZUPRI • CHAN YEE PENG • SITI ANISAH BINTI MOKSIN • NOOR AZIZAH BINTI ABAS • SYAMALI BIN SALONG • NUR AMIRAH BINTI IBRAHIM • NOORHAFIZAH BINTI ALIAS • PENG PEI HWAN • SITI AFSHAH BINTI ABU BAKAR • SUFARIN BIN HJ. METALI • AHMAD RIDZA BIN HJ. IBRAHIM • NUR HAFILEH SALIHAH BINTI HJ. MOHD. SALLEH @ RABIATUL HAZYYAH • **2015** • HAMDY BIN EMRAN • PG. SEBAH BINTI PG. HJ. MOMIN • UMMI AISYAH MOHAMMAD SALIM • YUSMANURHIDAYAH BINTI ABDULLAH • SITI AZ ZAHRA @ NURYATIMAH BINTI AW. BUJANG • NOR AZIEMAH BINTI AHMAD • MUHAMMAD EDIE FAKHRI AJUN BIN ABDULLAH • NURALIZA BINTI SISA • EDITH LING SHYANG WONG • NURAFNY BINTI MOHD. HASNI • TSANG HIU MAN VIVIAN. WONG CHEW YEN • SYAZWANI BINTI ISMAIL • RAMLEE BIN HJ. UNCHANG • SABAN BIN HJ. TUMAS / KARIM • MOHAMAD AZMIRUL BIN A SAPIHI • NUR IMAN SIRAI BINTI ABDULLAH • DK. HJH. SITI NURULHUDA BINTIO PG. HJ. TAJUDDIN • MUHAMMAD JUAINI BIN JUNAIDI • MASRAHAYU @ MAS @ ADIBAH BINTI HJ. MASRI • SURIADI BIN SUMIZAN • MUHAMMAD HAMIDUDDIN BIN ZIKARA • AMY AND SUK MEI • MUHAMMAD FAISAL BIN SUHAIMI • SAFIYULLAH @ ABDUL SAMEE BIN SUHAILI • NOORHAIZAM DIN BINTI ABDULLAH @ HJ. MOSBI • MUHAMMAD ALLI BIN HJ. OTHMAN • MUHAMMAD ALI RAHMAN BIN AWANG BESIR • **2016** • SITI NUR SABRINA BINTI ZALANI • ZINATUL AZIMAH BINTI HJ. IBRAHIM • CHONG LI CHEN • FATIN HAZIRAH BINTI MOHAMMAD AZIZI • MUHAMMAD RAFIUDDIN BIN HJ. OSMAN • AK MUHAMMAD RADHI BIN PG. NORDIN • AMANINA FAKHRIAH BINTI HJ. ABD. RAHMAN • SITI FAIRUZ BIN MISLI • WAJIHAH BINTI AWANG SALLEH • FATIN AMALINA BINTI MUSTAPHA • FATHIN AFIFAH BINTI HJ. SAHRANI • SITI NURKAMALIAH BINTI KEFLI • NURUL NABILAH BINTI MASRI • HJH. NUR IZZATUL AFIQAH BINTI AJI • DK. NURFAIZAH SYAMIMI BINTI PG. ZAINAL ABIDIN • NURUL AIN BINTI HJ. METUSSIN • HJ. METUSIN BIN AWANG YAHYA • MUHAMMAD SHAH MIROL NURIZAL BIN HJ. MAT SERUDIN • ROZAIMI BIN HJ. DAMIT • AJI BIN HJ. MATALI • MUHAMMAD NAZIRUL AZHIMAN BIN KHALID • DK. UMMI SYAHIRAH BINTI PG. SETIA PUTRA • **2017** • SHAZWINA BINTI ALI • NORHAYATI BINTI AWANG HJ. IDRIS • MUHAMMAD NAZMI BIN PUASA • NUR HAZIRAH BINTI A HIDUP • SITI NUR SAFWANAH @ FATHIN BINTI ABD. RAZAK • DK. NURULAZIMAH BINTI PG. ZAINAL ABIDIN • SITI IZZATUL ALIAH BINTI MAHAL • DATO PADUKA AWANG EDDIE BIN DATO PADUKA HJ. SUNNY • MUHAMMAD ASYRAAF BIN HJ. RAMBLI • MUHAMMAD MIQDAM BIN ZAINI • MUHAMMAD SYUKRI BIN HJ. SULONG • NORAZELA BINTI TALI • NUR SYAKIRAH BINTI HJ. DAUD • REFQIE BIN HJ. ROSLI • HJH. MARIAM BINTI HJ. LADI • NURUL FAIQA BINTI JAMALLUDIN •

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti semua warga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Nota: Senarai ini tidak termasuk pegawai dan kakitangan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Institut Tahfiz) yang telah diserapkan dalam perkhidmatan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sejak Institut Tahfiz diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dari 2 Januari 2003 hingga 1 Januari 2006

Rakan Strategik

Yayasan sebagai sebuah institusi sosial yang terlibat secara langsung dalam memberikan bantuan dan menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat sentiasa teliti dalam memastikan setiap bantuan, projek dan kerja-kerja dilaksanakan dengan cekap, efektif, berhemah dan mampan.

Yayasan telah berjaya mewujudkan semangat setia kawan dan kekitaan untuk bekerja secara kolektif dalam menjayakan hasrat Yayasan membantu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan bekerjasama dengan rakan strategik dan menggembungkan tenaga sukarelawan. Pendekatan seperti ini sesuai dengan tradisi institusi sosial yang sering digunakan di seluruh dunia bagi menghasilkan kecemerlangan yang optimum dalam penggunaan sumber tenaga manusia, material dan kewangan dengan berkesan.



Sejak awal penubuhannya, Yayasan telah menggunakan pendekatan rakan strategik dalam mengusahakan beberapa projek pembinaan rumah-rumah bantuan di seluruh negara khususnya di kawasan pedalaman



Ahli Jemaah Tadbir dan Lembaga Pengarah Yayasan bergambar ramai dengan wakil-wakil dari beberapa jabatan Kerajaan selaku rakan strategik Yayasan dalam menjayakan projek pembinaan rumah bantuan Yayasan di Kampong Belabau, Daerah Tutong (1996)

“ Beta berharap golongan profesional muda akan dapat mencapai hasrat Beta ini bersama-sama dengan memberikan khidmat sukarela dalam bidang yang berkaitan dengan kemahiran mereka, tidak semestinya berbentuk material tetapi mungkin dengan nasihat dan panduan yang boleh mempertingkatkan kemahiran dan dapat menambah pendapatan di kalangan masyarakat yang memerlukan bantuan. Beta betul-betul sangat gembira jika rakyat Beta dapat memperbaiki tahap kehidupan mereka. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengambil langkah untuk terus melaksanakan program dan projek-projek dengan membentuk kerjasama yang berkesan dengan Kerajaan dan agensi bukan Kerajaan. Oleh yang demikian, pada pendapat Beta, golongan profesional muda jika mereka ingin, boleh menjadi Rakan Strategik kepada Yayasan.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1424/2003 Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

“ Beta berharap bahawa mereka (Achievers) tidak akan ketinggalan di belakang dan akan dapat bersama-sama menyumbang kepada Yayasan Beta dalam usaha untuk melaksanakan projek pada masa hadapan. Beta yakin sumbangan dalam bentuk usaha dan ide dari mereka, Yayasan akan lebih bersemangat untuk meneruskan peranannya.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1425/2004 Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

“ Beta berharap bahawa usaha murni dan berkebajikan ini boleh diteruskan dengan sokongan rangkaian sukarelawan dan gabungan strategik di antara Yayasan dan agensi-agensi Kerajaan serta NGO. Ia pasti akan memberi manfaat kepada kedua belah pihak. Mereka yang dibantu pasti akan menikmati bantuan yang diterima manakala mereka yang turut membantu juga akan merasai kepuasan dan akan mendapat ganjaran di luar dari pemikiran mereka.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1433/2012 Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Melalui perbincangan dan kerjasama dengan rakan-rakan strategik, segala kepakaran, pengetahuan, sumber tenaga manusia dan kewangan dapat digabungkan secara kolektif bagi mengusahakan apa jua projek dan aktiviti Yayasan dengan cekap dan berkesan



Kerjasama yang erat terus dijalankan sehingga ke peringkat akar umbi bagi meningkatkan kualiti dan kecemerlangan perkhidmatan Yayasan dalam memeduli kebijakan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini

UBD merupakan salah satu daripada beberapa organisasi yang sentiasa bekerjasama dengan Yayasan terutamanya dalam melaksanakan projek-projek kemasyarakatan, akademik dan penyelidikan. Menurut Dr. Awang Azman bin Haji Ahmad, mantan Penolong Naib Canselor UBD, Yayasan merupakan rakan kongsi strategik UBD dan sering bekerjasama melaksanakan beberapa inisiatif. Yayasan telah menyokong projek 'Discovery Year Programme' yang memberikan pelajar-pelajar UBD diberikan pendedahan dan peluang mengusahakan projek kemasyarakatan di bawah kelolaan Yayasan. Selain itu, Yayasan juga sering menyalurkan sumbangan kewangan untuk UBD menganjurkan persidangan akademik, seminar, bengkel dan pelbagai aktiviti pelajar.

Pada masa yang sama UBD juga memberikan sokongan kepada Yayasan dalam mengendalikan program usaha sama seperti menganjurkan Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan perlaksanaan kerja-kerja kaji selidik bagi menilai tahap kemiskinan di Negara Brunei Darussalam.

Dr. Awang Azman berkata UBD sangat menghargai kerjasama Yayasan dan berharap agar kerjasama akan terus berkembang maju serta dipertingkatkan. "Kami berharap Yayasan akan terus melibatkan diri dalam kerja penyelidikan dan projek-projek pembangunan dan aktiviti-aktiviti lain yang kami selenggarakan," katanya.

Sementara itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjadi rakan strategik sejak awal penubuhan Yayasan lagi. Mantan Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah Haji Momin, berkata hubungan erat lahir daripada kepentingan bersama. "Saya melihat matlamat penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pertama sekali adalah untuk menanamkan dan

memupuk semangat kecemerlangan dalam bidang sosiobudaya dan sosioekonomi dalam kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan mengadakan pertandingan dan anugerah dalam bidang sastera dan budaya." Yayasan dan DBP mempunyai potensi untuk bekerjasama memandangkan kedua-dua agensi ini berkongsi matlamat yang sama khususnya dalam memperkembangkan bidang sosiobudaya.

Menurut Dayang Hajah Aminah lagi, "Memang sudah diketahui bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara, jadi ia mesti dipertahankan bukan sahaja oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi juga oleh pihak-pihak lain termasuk Yayasan." Beliau menambah bahawa sokongan Yayasan tidak syak lagi memberi inspirasi kepada DBP untuk mengadakan lebih banyak projek dan aktiviti yang mendorong ke arah mendaulatkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Beliau menambah lagi bahawa DBP memberikan kerjasama kepada Yayasan dalam mengendalikan Anugerah Kesusteraan Islam Yayasan dan Anugerah Penulisan Islam Yayasan yang diwujudkan untuk menggalakkan penghasilan karya penulisan berasaskan Islam.

Jabatan-Jabatan Daerah khususnya melalui institusi mukim dan kampung juga merupakan antara agensi Kerajaan yang sering bekerjasama rapat dengan Yayasan dalam memberikan pemeliharaan terhadap keperluan masyarakat khususnya kepada keluarga yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan. Penglibatan Penghulu dan Ketua-ketua kampung amat ketara semasa membantu pengagihan

buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seluruh umat Islam di seluruh negara.

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) juga bekerjasama dengan Yayasan dalam mengungkayahkan bantuan kepada golongan miskin. Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar, mantan Setiausaha MUIB menyatakan usahasama dengan Yayasan benar-benar melambangkan perpaduan dan kerjasama dalam bersama-sama menjaga dan membantu golongan yang miskin dan memerlukan bantuan, bukan sekadar mengendalikan projek pembinaan rumah baru dan projek pemeliharaan dan membaiki rumah yang usang kepada golongan yang kurang berkemampuan, malah Yayasan mengusahakan lebih dari itu.

Jabatan Sekolah-Sekolah juga antara rakan strategik yang sering bekerjasama dengan Yayasan khususnya dalam memberikan perhatian terhadap para pelajar yang memerlukan bantuan dan sokongan. Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, Ketua Unit Kaunseling dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar menyatakan, "Yayasan telah banyak memberikan sumbangan dalam menjayakan program-program pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Jabatan Sekolah-Sekolah misalnya antara yang sering menerima sokongan tersebut seperti penganjuran program kemahiran keibubapaan, kempen antidadah, pertandingan bahas, program kaunseling pelajar dan sebagainya." Pada masa yang sama Jabatan Sekolah-Sekolah juga memberikan kerjasama menjayakan beberapa projek Yayasan misalnya Program Intervensi Pendidikan dan Program "Breakfast for School".

Sukarelawan

Memasuki dekad yang kedua penubuhannya, Yayasan mengambil inisiatif untuk memperkembangkan gerakan kesukarelawan bagi melaksanakan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan.

“ Para remaja dan belia amat perlu didedahkan kepada sikap kesukarelawan seperti ini. Ia akan memberikan suntikan kesedaran kepada generasi muda untuk lebih peka dengan nasib anak bangsa yang memerlukan bantuan, di samping itu juga akan menipiskan sikap mementingkan diri sendiri di kalangan mereka. Pembentukan sikap yang besar ini sangatlah mustahak, terutama di zaman yang amat pesat dengan pembangunan ini. Kita tidak mahu pembangunan itu akan menjadikan budaya kita lemah. Budaya orang Brunei ialah budaya muafakat dan budaya tolong-menolong. Ia perlu kuat dan terus diamalkan....”

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 12 Syawal 1429 bersamaan 13 Oktober 2008.

Bermula dengan menganjurkan Seminar Mengenai Sukarelawan pada 13 Safar 1425 bersamaan 3 April 2004, Yayasan menggesa NGO, institusi, badan-badan korporat dan individu untuk menghargai dan memahami sepenuhnya konsep kesukarelawan yang sistematik selaras dengan norma-norma budaya dan sosial masyarakat Brunei.

“Walaupun terdapat perubahan tertentu berikutan perubahan suasana dan keadaan, namun kami berasa bersyukur dan berbangga kerana masih terdapat pihak-pihak yang prihatin dan masih terus mengamalkan budaya tolong-menolong ini. Dalam hubungan inilah, saya mengalu-alukan langkah menganjurkan seminar ini, iaitu mengenai kerja-kerja sukarela yang lebih sistematik. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah memanglah tepat mengambil inisiatif dalam peranannya sebagai badan amal bukan Kerajaan terbesar di negara ini,” sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Pelancaran Seminar Mengenai Sukarelawan pada pada 13 Safar 1425 bersamaan 3 April 2004.

Unit Sukarelawan Yayasan telah ditubuhkan pada 28 Zulkaedah 1425 bersamaan 9 Januari 2005, bertujuan untuk menggalakkan semangat dan budaya tolong-menolong dalam kalangan masyarakat untuk meningkatkan kesedaran dan pemedulian terhadap masyarakat yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan. Bilangan sukarelawan yang mendaftar di unit ini meningkat setiap tahun dan menjelang akhir tahun 2017, unit ini mempunyai seramai 1,977 orang sukarelawan terdiri daripada para profesional hingga ke pelajar sekolah.





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sijil-sijil penghargaan kepada enam orang sukarelawan Yayasan yang telah bergiat aktif menyumbangkan khidmat bakti mereka di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan pada 19 Syawal 1436 bersamaan 5 Ogos 2015





Seminar Kesukarelawanan anjuran Yayasan mengundang wakil dari Yayasan MENDAKI Republik Singapura bagi menghuraikan konsep kesukarelawanan dan mengongsikan pengalaman mereka mengendalikan Skim Kesukarelawanan yang telah berjaya menarik perhatian dan penyertaan yang ramai dari kalangan warga Negara Brunei Darussalam



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan sijil penghargaan kepada para sukarelawan Yayasan yang terlibat dalam Misi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif Yayasan kepada mangsa gempa dan tsunami di Aceh (2005)



Sukarelawan menjadi nadi penggerak dalam memperluaskan jangkauan Yayasan dalam memberikan khidmat bantuan kepada golongan masyarakat dengan cepat, cekap dan berkesan

Bermula pada tahun 2008, Yayasan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Sukarelawan untuk merancang dan menyelia program yang melibatkan khidmat dan tenaga sukarela. Menerajui Jawatankuasa ini ialah beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah Yayasan. Terdapat empat program bantuan Yayasan telah dibentuk oleh Jawatankuasa Sukarelawan yang melibatkan penyertaan para sukarelawan iaitu:

- Program Intervensi Pendidikan (PIP);
- Projek Bantuan untuk Meningkatkan Sosioekonomi ke Arah Membasmi Kemiskinan (PBSE);
- Projek Amal Memeduli Warga Emas dan Keluarga yang Memerlukan Bantuan (PAWEK); dan
- Projek Bantuan Kecemasan dan Kemasyarakatan (PBKK).

Awang Abdul Khalliq bin Kaflee gembira dengan kesempatan untuk menjadi sukarelawan Yayasan bagi PIP sejak tahun 2008. "Saya sentiasa berkeinginan untuk menghulurkan khidmat bantuan mengajar. Saya merasakan bahawa menjadi tanggungjawab saya untuk membantu pelajar-pelajar yang sangat lemah. Jadi kita membimbang mereka untuk memperbaiki pencapaian dan mendapatkan keputusan yang lebih baik dalam peperiksaan, dan saya berasa gembira apabila usaha kita berbaloi dan membuat hasil seperti apa kita harapkan," jelas beliau.

Bagi Awang Muhammad Hilmi bin Zaini yang telah menjadi sukarelawan Yayasan sejak tahun 2009 berkata, "Membantu orang lain apatah lagi mereka

yang memerlukan bantuan merupakan sesuatu yang sangat memuaskan." Beliau tidak pernah menyesali keputusannya untuk menjadi sukarelawan Yayasan. "Pengalaman sebagai sukarelawan sangat menarik dan ganjarannya sangatlah memuaskan hati. Ia memberikan saya kepuasan kerana berpeluang membantu masyarakat yang memang memerlukan bantuan."

Sementara itu Dayang Juliana Chang Guan Fong menjadi sukarelawan Yayasan sejak Unit Sukarelawan Yayasan ditubuhkan, iaitu apabila beliau terbaca dalam sebuah akhbar tempatan bahawa Yayasan sedang mencari sukarelawan. Beliau telah terlibat memberikan khidmat dalam PIP dan PAWEK iaitu membantu golongan tua dan keluarga miskin.

Sebagai seorang pesara, beliau menyifatkan masa yang diluangkan sebagai sukarelawan Yayasan sebagai satu pengalaman yang benar-benar berharga. "Memberikan khidmat sukarela menjadi satu kegembiraan yang tidak terkira dan sukar untuk digambarkan kerana saya berasa puas dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan."

Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir, Penolong Pengarah Urusan Yayasan melihat potensi Yayasan untuk mengembangkan aktiviti kesukarelawannya adalah memberangsangkan. "Pada masa hadapan, kami berharap untuk melihat lebih banyak sukarelawan

bersedia berkhidmat dengan Yayasan dan seterusnya menyumbang ide dan kapakaran untuk membantu Yayasan melaksanakan lebih banyak program yang bersesuaian ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035," beliau menjelaskan.

Seramai enam orang sukarelawan dan sebuah persatuan yang telah bergiat aktif menyumbangkan khidmat bakti mereka melaksanakan projek-projek amal yang diungkayahkan oleh Yayasan telah menerima sijil penghargaan sempena ulang tahun kesepuluh penubuhan Unit Sukarelawan Yayasan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sijil-sijil tersebut di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 19 Syawal 1436 bersamaan 5 Ogos 2015 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Penerima terdiri daripada Awang Ali Yusri bin Haji Abd Ghafor; Dr. Yabit bin Alas; Kapten (B) Awang Haji Mohd. Aisa bin Haji Subohi; Dayang Juliana Chang Guan Fong; Awang Chong Yap Jun; Dayang Rafizah binti Mat Serudin; dan Persatuan Pacuan Empat Roda Brunei Darussalam.





Logo Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim

BAB 8

Dana Untuk Anak-Anak Yatim

Dalam memperingati dan bersempena dengan Hari Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 16 Rabiulakhir 1419 bersamaan 10 Ogos 1998, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan sembah cadangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi satu pesambah dalam bentuk yayasan amal yang dikenali sebagai Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA).

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan melancarkan penubuhan DANA pada 2 Jamadilawal 1419 bersamaan 25 Ogos 1998 di Royal Brunei Polo & Riding Club, Jerudong.

Menurut Pengurus Lembaga Pengarah Yayasan yang pertama, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha iaitu orang yang memulakan inisiatif penubuhan DANA menyatakan bahawa, "Penubuhan DANA ini dihasratkan untuk mempertingkatkan kebijakan dan kesejahteraan anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam dengan memberikan asuhan, pimpinan dan pendidikan sehingga mereka meningkat dewasa."



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyempurnakan pelancaran Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim pada 2 Jamadilawal 1419 bersamaan 25 Ogos 1998

Tujuan

Tujuan penubuhan DANA adalah untuk membantu anak-anak yatim bagi membolehkan mereka mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka warganegara yang berguna.

Pendaftaran

Menurut akta Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (penggal 185) ‘anak yatim’ bermakna seorang kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan yang belum berkahwin, belum mencapai umur 18 tahun Qamariah dan ketiadaan bapa menurut salah satu atau lebih daripada keadaan yang berikut:

- Bapanya telah meninggal dunia;
- Tidak diketahui di mana bapanya berada;
- Ditinggalkan oleh bapanya dan tidak diketahui siapa bapanya itu; dan
- Dia ialah seorang anak yang tidak sah taraf.

Sekretariat DANA dari semasa ke semasa menerima pendaftaran anak-anak yatim dari seluruh negara. Setiap pendaftaran hendaklah dibuat melalui ketua kampung dan disahkan oleh Pegawai Daerah mengikut tempat tinggal anak-anak yatim berkenaan.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan Sabda di Majlis Pelancaran dan Pengurniaan Akaun DANA pada 18 Jamadilawal 1420 bersamaan 30 Ogos 1999 dan seterusnya menerima junjung ziarah daripada anak-anak yatim dari seluruh negara

Sumber Kewangan

Sumbangan kewangan yang dibuat dengan ikhlas dan sukarela oleh para penyumbang yang terdiri daripada pihak individu, agensi-agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan, sektor swasta, badan-badan perniagaan dan perusahaan, dan badan-badan amal akan menjadi sumber kewangan DANA bagi memastikan DANA untuk terus bergerak melaksanakan usahanya.

Dasar penubuhan DANA adalah bagi mewujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemedulian kepada anak-anak yatim. "Kunci bagi kemampamanan DANA untuk terus bertahan melaksanakan usahanya terletak pada sokongan, pemedulian dan sumbangan daripada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini," jelas Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

HSBC Brunei merupakan antara penyumbang DANA yang terawal. "*Hubungan baik kami dengan Yayasan mula terjalin rapat semasa Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) ditubuhkan pada tahun 1998 apabila HSBC memberikan sumbangan kewangan sejumlah BND51,000.00 kepada DANA sempena ulang tahun yang ke-51 penubuhan HSBC di negara ini,*" jelas mantan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Brunei, Warner Manning.

Penyumbang lain yang sering memberikan sumbangan kepada DANA ialah Sekolah Seri Mulia Sarjana (Sekolah SMS). Sekolah ini telah mengadakan acara '*Lion King Musical*' pada bulan November 1999 bagi mengumpulkan wang untuk DANA melalui penjualan tiketnya. Kutipan derma diteruskan dengan mengadakan beberapa acara sepanjang tahun termasuk konsert '*Life, Love and Legend*' pada 2005, '*Wheelathon*' di Jerudong Park pada tahun 2010 dan '*Peter Pan, The British Musical*' pada tahun 2012.

"*Sekolah PDS telah menukar namanya sebagai Seri Mulia Sarjana (SMS) pada Jun 2008 dan kita menganjurkan acara amal 'Walkathon, Walk for Life' sempena penukaran nama itu. Kami berjaya mengutip sumbangan sejumlah BND60,000.00 yang merupakan jumlah tertinggi setakat itu untuk disumbangkan kepada DANA,*" kata Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah SMS, Dr. Mary Lim sambil menambah bahawa Sekolah

SMS akan terus menyokong inisiatif DANA. "*Projek-projek DANA ini membolehkan warga sekolah kami untuk mendekati lagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Kami berharap untuk dapat memberikan inspirasi dan menyemai minda kakitangan dan pelajar-pelajar mengenai nilai perkongsian dan kepentingan tanggungjawab sosial melalui acara-acara pengumpulan dana. Nilai-nilai ini adalah penting untuk Sekolah SMS,*" tambah Dr. Mary Lim lagi.

Satu skim pencaruman khas kepada DANA melalui Skim Arahan Tetap Bank dan Institusi Kewangan telah dilancarkan pada 29 Jamadilakhir 1421 bersamaan dengan 29 September 2000 untuk membolehkan orang ramai menderma terus kepada DANA. Skim itu mendapat sokongan daripada Bank Islam Brunei Berhad (sekarang dikenali dengan Bank Islam Brunei Darussalam), TAIB dan HSBC Brunei. Para pemegang akaun boleh menyumbangkan wang serendah BND1.00 sebulan tanpa dikenakan caj transaksi.

Kementerian Kewangan juga menawarkan kemudahan yang sama kepada para pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk membuat sumbangan kepada DANA menerusi potongan gaji melalui Skim Potongan Gaji juga serendah BND1.00 sebulan bermula 1 Oktober 2000.

Sumber kewangan DANA juga diperoleh melalui tabung-tabung DANA yang ditempatkan di masjid-masjid yang terpilih di seluruh negara.

Sumbangan ikhlas yang berterusan daripada para penyumbang menjadi nadi penggerak DANA untuk terus melaksanakan beberapa projek amal dan bantuan khusus bagi anak-anak yatim dalam membantu mereka menggapai impian dan harapan menjadi generasi yang berilmu dan berjaya

DANA juga menggunakan kemudahan media sosial untuk meningkatkan sumber kewangannya, melalui projek 'SMS' Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim. Projek tahunan yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 ini merupakan salah satu usaha DANA dalam mempelbagaikan cara atau mekanisme mendekati orang ramai untuk menyalurkan sumbangan mereka kepada anak-anak yatim di negara ini. Projek 'SMS' Brunei Prihatin bagi DANA disokong oleh syarikat

telekomunikasi tempatan seperti DST, B-Mobile Sdn. Bhd. dan Syarikat Progresif Cellular Sdn. Bhd. melalui perkhidmatan 'SMS' tanpa sebarang caj perkhidmatan.

Mempunyai iktikad yang sama untuk memperbaiki kehidupan anak-anak yatim merupakan satu sebab orang ramai secara berterusan memberikan sokongan dan sumbangan kepada DANA.





DANA menyediakan beberapa mekanisme bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan kewangan mereka kepada DANA



Projek Bantuan

DANA mempunyai pelbagai projek untuk menyalurkan sumbangan kewangan yang diterimanya kepada anak-anak yatim yang berdaftar dengan DANA untuk mempertingkatkan kesejahteraan kehidupan mereka.

Akaun Simpanan

Setiap anak yatim yang berdaftar dengan DANA akan langsung menerima sumbangan awal sebanyak BND500.00 yang dikreditkan terus ke dalam akaun simpanan mereka. Dengan memiliki akaun simpanan sendiri ini, anak yatim dihasratkan untuk menanamkan sikap suka menyimpan atau menabung untuk keperluan masa hadapan.

Akaun Simpanan DANA telah diperkenalkan pada tahun 1999. *"Kami berasa gembira kerana apabila kanak-kanak itu mencapai peringkat dewasa pada umur 18 tahun, mereka akan sudah mempunyai wang simpanan sendiri yang boleh digunakan untuk perkara-perkara yang bermanfaat,"* ujar mantan Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong.

Pelan Takaful Siswa Khas bagi Anak-Anak Yatim

Pada tahun 2000, DANA telah bekerjasama dengan Insurans Islam TAIB Sdn. Bhd. bagi menyediakan Pelan Takaful Siswa Khas bagi Anak-Anak Yatim (Pelan Takaful). Setiap anak yatim yang berdaftar dengan DANA akan secara automatik dilindungi oleh pelan takaful ini. Pelan takaful yang patuh syariah ini memberikan skop perlindungan kepada anak yatim dan ibu atau penjaga jika sekiranya mereka ditimpas

malapetaka seperti kecacatan kekal, kemalangan dan kematian.

Di samping itu, setelah perlindungan pelan takaful ini matang, ia juga memberi manfaat tabungan kewangan bagi menghasilkan dana biasiswa yang boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan pengajian anak yatim.

Dalam hal ini, Insurans Islam TAIB juga menawarkan lapan pakej penajaan caruman takaful yang direka khas dengan pilihan jumlah anak-anak yatim yang ingin ditaja dan juga tempoh penajaannya. Penaja boleh membuat caruman bulanan sekurang-kurangnya BND20.00 dan jumlah maksimumnya ialah sebanyak BND300.00.

Kupon Pembelian Barang Keperluan Sekolah

Pada tahun 2001, DANA memperkenalkan pemberian kupon kepada anak-anak yatim yang membolehkan mereka membuat pembelian keperluan sekolah seperti buku-buku dan pakaian seragam sekolah di kedai-kedai atau pasar raya yang sudah ditetapkan.

Selain daripada mempersiapkan anak-anak yatim untuk menghadapi tahun persekolahan yang baru, pemberian itu juga diharapkan untuk memberi kesedaran kepada anak yatim akan pentingnya

pendidikan. Projek ini masih berjalan sehingga sekarang.

Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA (AIPC - DANA)

Pemberian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA (AIPC-DANA) bertujuan sebagai galakan kepada anak-anak yatim untuk mencapai kecemerlangan dalam pengajian mereka di sekolah. Anugerah ini diberikan kepada anak-anak yatim yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam. Projek tahunan ini mula dilaksanakan pada tahun 2008 dan masih berjalan sehingga sekarang.

Dayang Aireen Najwa binti Rousali penerima AIPC -DANA pada tahun 2011 menyatakan, *"saya sangat gembira kerana saya boleh menggunakan wang dari insentif ini untuk membeli barang keperluan sekolah dan ini membuat pembelajaran saya lebih mudah. Selain itu saya memberi separuh daripada wang tersebut kepada ibu saya untuk membantu perbelanjaan keluarga."* Dayang Aireen Najwa seterusnya menambah, *"sebelum bapa saya meninggal dunia, dia mahu kami adik-beradik berjaya memasuki universiti sepertimana beliau dahulu."* Dayang Aireen Najwa berharap AIPC-DANA ini dapat membuka peluang bagi mengikuti jejak langkah bapanya.





Pemedulian DANA terhadap hal ehwal pendidikan dan kesejahteraan anak-anak yatim disalurkan melalui beberapa projek bantuan seperti Akaun Simpanan DANA, Pelan Takaful Siswa Khas bagi Anak-Anak Yatim, Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA (AIPC-DANA) dan kupon pembelian barang keperluan sekolah

Pengurusan

Yayasan bertindak sebagai sekretariat DANA yang mengendalikan semua pengurusan dan pengoperasiannya. Pentadbiran DANA dikawal selia oleh sebuah Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik atas Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

Lembaga ini bertanggungjawab memastikan rekod perakaunan DANA disimpan dengan sempurna dan sewajarnya untuk menunjukkan dan menerangkan bahawa semua urusan DANA adalah teratur. Lembaga ini juga menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kedudukan kewangan DANA serta aktiviti-aktiviti DANA pada setiap tahun.

Akaun-akaun DANA akan diaudit sebelum disebarluaskan kepada pihak awam pada setiap bulan keenam tahun kewangan DANA.

Ketelusan ialah hal yang paling penting kepada DANA bagi mendapatkan kepercayaan daripada penderma yang bermurah hati untuk terus menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam yang berdaftar dengan DANA.





Tahun demi tahun, Yayasan menaiki tangga pencapaian dalam pelaksanaan perkhidmatannya


BAB 9

Takah Pencapaian Yayasan



7 RABIULAKHIR / 5 OKTOBER

Yayasan ditubuhkan bersempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.



15 RABIULAWAL / 22 OGOS

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyerahkan surat pengakuan kepada penerima-penerima rumah di bawah Rancangan Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah 'A' dan seterusnya berkenan mengisytiharkan nama Kampong Bolkiah 'A'.

1413/1992

1413/1993

1415/1994

14 RABIULAKHIR / 12 OKTOBER

Pengisytiharan penubuhan Yayasan dan peletakan batu asas Kompleks Yayasan yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



21 ZULKAEDAH / 13 MEI

Pejabat Yayasan mula beroperasi di Ibu Pejabat Jalan Kumbang Pasang (kini dinamakan Jalan Perdana Menteri), Bandar Seri Begawan.

12 SYA'BAN / 14 JANUARI

Yayasan mula mengendalikan pengurusan pembahagian buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam sempena bulan Ramadhan.

8 ZULKAEDAH / 8 APRIL

Yayasan mula mengendalikan pengurusan pembahagian pakaian ihram dan telekung kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam.

1415/1995

22 ZULHIJJAH / 22 MEI

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyerahkan surat pengakuan kepada penerima-penerima rumah di bawah Rancangan Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah 'B' dan seterusnya berkenan berangkat bercemar duli melawat rumah-rumah di kampung tersebut dan mengisytiharkan nama Kampong Bolkiah 'B'.



4 RABIULAKHIR / 19 OGOS

Pembukaan Rasmi Kompleks Yayasan di Bandar Seri Begawan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

1416-1417/1996

8 ZULHIJJAH / 27 APRIL

Permulaan projek pembinaan rumah-rumah bantuan di bawah Skim Perumahan Yayasan bagi mereka yang kurang berkemampuan dan saudara-saudara baru.



6 SYAWAL / 4 FEBRUARI

Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA) mula beroperasi.

2 JAMADILAWAL / 25 OGOS

Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bertindak sebagai Sekretariat DANA.



28 REJAB / 27 OKTOBER

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Paduka-Paduka Anakanda Baginda berangkat menuaikan sembahyang fardhu Jumaat pada hari pertama Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Bolkiah 'A' mula digunakan.

1418-1419/1998

1420-1421/2000

3 JAMADILAWAL / 26 OGOS

TASKA dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.



10 SYAWAL / 17 JANUARI

Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mula beroperasi.

1423-1424/2003

28 SYAWAL / 2 JANUARI

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan bagi menyatukan amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sebelum ini, institut tersebut ditadbir urus di bawah kawalan Lembaga dan Jawatankuasa Akademik sejak penubuhannya pada tahun 1993.



1425/2005

5 SYAWAL / 30 NOVEMBER

Yayasan buat julung-julung kalinya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengetengahkan para peserta yang terdiri daripada kumpulan masyarakat yang dikenalpasti berkepentingan dalam kesejahteraan umama, bangsa dan negara. Acara ini seterusnya menjadi acara tahunannya dengan mengumpulkan para peserta daripada latar belakang yang berbeza setiap tahun.

28 ZULKAEDAH / 9 JANUARI

Unit Sukarelawan Yayasan ditubuhkan. Aktiviti pertama unit ini melibatkan 356 orang sukarelawan untuk mengendalikan misi bantuan kemanusiaan yang diungkayahkan oleh Yayasan untuk membantu mangsa gempa dan badai tsunami di Aceh, Republik Indonesia.

3 - 27 ZULHIJJAH / 14 JANUARI - 7 FEBRUARI

Yayasan dengan kerjasama padu daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan beberapa agensi lain menghulurkan bantuan perubatan dan mengajihkan bantuan barang-barang keperluan secara langsung kepada mangsa-mangsa bencana tsunami di Aceh, Republik Indonesia.



1 ZULHIJjah / 1 JANUARI

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah diserahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan tujuan mencantum semua program dan skim di Pusat Pengajian dan Penyebaran Ilmu Al-Qur'an.



21 ZULHIJjah / 21 JANUARI

Fasa kedua Misi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif Yayasan untuk mangsa bencana tsunami Aceh ialah bantuan pemulihan dan pembangunan semula. Bantuan ini menggunakan dana hasil kutipan melalui Tabung Inisiatif Yayasan dan Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami (Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama), iaitu sebanyak lebih BND2.2 Juta.

Fasa ini melibatkan pembinaan perkampungan baharu di Desa Mamplam, Kacamatan Leupung, Kabupaten Aceh Besar dan projek pembinaan semula di Dusun Teupin Rambot, Desa Ladang Baro, Kacamatan Panga, Kabupaten Aceh Jaya.

1426-1427/2006

11 JAMADILAWAL / 8 JUN

Majlis Penganugerahan Biasiswa "Sultan's Scholar" Yayasan yang pertama disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.





1428/2007

11 SAFAR / 1 MAC

Bangunan Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah siap dibina dan mula menerima pelajar.

1429/2008

6 ZULKAEDAH / 5 NOVEMBER

Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang Pertama telah dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

1430/2009

21 JAMADILAKHIR / 7 JULAI

Sebuah Jawatankasa Pelaburan telah ditubuhkan yang bertindak memantau dan mengendalikan pengurusan pelaburan dana Yayasan secara teratur, terarah dan berterusan bagi menjana pertumbuhan, kemajuan dan kestabilan Yayasan untuk keperluan jangka masa panjang.

29 SAFAR / 25 FEBRUARI

Syarahan Memorial Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS Memorial Lecture) buat pertama kalinya dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Program akademik itu diungkayahkan sebagai mengenang jasa 'Arkitek Brunei Moden', Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam.



18 RABIULAKHIR / 1 MAC

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik menjadi Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



18 SAFAR / 1 JANUARI

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB).

1432/2011

25 REJAB / 27 JUN

Anugerah Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang pertama dilancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

1434/2013

26 SYA'BAN / 5 JULAI

Yayasan telah menerima pengiktirafan dan penghormatan daripada Sekretariat ASEAN sebagai penerima Anugerah Kepimpinan ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (*RDPE Leadership Award*). Majlis Penyampaian Anugerah Kepimpinan RDPE telah diadakan di Sheraton Mustika Hotel, Yogyakarta, Republik Indonesia, sempena berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE) Ke-8.



14 MUHARRAM / 5 OKTOBER

Yayasan menyambut Ulang Tahun Penubuhan Ke-25 (Jubli Perak) yang juga bertepatan dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

1437/2016

1439/2017

28 SYA'BAN / 2 JUN

Sebuah syarikat milik penuh Yayasan telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Penggal 39, sebagai sebuah Syarikat Sendirian Berhad. Syarikat ini dikenali dengan nama Syarikat Wadah Amal Sendirian Berhad.





Pemandangan waktu malam Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BAB 10

Mengimbas Pencapaian Masa Lalu Harapan Masa Depan

Pada kebiasaannya perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sebuah organisasi yang telah wujud dalam masa lebih dua dekad merupakan sesuatu yang dijangka. Dalam hal ini Yayasan tidak terkecuali. Dua puluh lima tahun telah berlalu menyaksikan bahawa Yayasan telah membangun, berkembang dan meluas. Yayasan sekarang telah memacu ke hadapan dan kematangannya sejajar dengan peredaran masa yang dilaluinya.

Peningkatan yang pesat lagi mantap menjadikan Yayasan berupaya menjulang nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang Raja dan Pemimpin yang prihatin dan pemedulian terhadap rakyat dan penduduk di negara ini. Justeru, Yayasan memikul tanggungjawab besar sebagai sebuah badan amal pelaksana amal jariah Baginda dan Kerabat Baginda dalam menanai dan memenuhi keperluan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya.

Pada peringkat awal, Yayasan menghulurkan bantuan yang berskala kecil. Secara beransur-ansur bantuan tersebut telah diteliti semula dan diperluaskan, dengan harapan untuk menjangkau lebih ramai lagi mereka yang memerlukan pertolongan di samping menyediakan bantuan dan program yang berkualiti dalam menjana pembangunan sosioekonomi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Kini pelbagai program baharu yang lebih berwawasan dilaksanakan dengan menerokai ide-ide dan usaha-usaha bagi memastikan Yayasan kekal relevan memasuki dekad ketiga penubuhannya.

Yang berikut ialah beberapa pandangan dan harapan masa hadapan yang pernah direkodkan daripada mantan-mantan Penggerusi Lembaga Pengarah Yayasan mengenai perkembangan yang telah dilalui dan dicapai oleh Yayasan.



Majlis Junjung Kasih Sempena Sambutan Ulang Tahun Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-10 pada 15 Rabiulawal 1424 bersamaan 17 Mei 2003 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Pertama Yayasan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Awang Mohd. Taha menjelaskan bahawa projek pertama yang diusahakan oleh Yayasan berupa bantuan kebajikan, bermula dengan memberi sumbangan derma kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana kebakaran besar di Mukim Kampong Ayer pada tahun 1993. Bantuan itu kemudiannya dilaratkan dengan pembinaan rumah-rumah baharu di bawah rancangan Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B' untuk mangsa-mangsa tersebut.

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, Yayasan juga secara berterusan mengorak langkah ke hadapan mengendalikan pelbagai projek dan aktiviti yang tidak hanya memfokuskan pemberian bantuan kepada orang-orang yang memerlukan bahkan juga melaksanakan program perkembangan dan pembangunan sosioekonomi negara.

Meskipun terdapat banyak pencapaian yang diraih oleh Yayasan sehingga akhir abad ke-20, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin pernah menegaskan agar Yayasan tidak akan leka sebaliknya perlu bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran pada abad ke-21. Bagi Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin pengalaman dan pencapaian Yayasan dalam kurun yang lepas haruslah dijadikan sebagai pengajaran dan perbandingan untuk mempersiapkan Yayasan untuk menghadapi sebarang perubahan dan

cabaran yang dibawa oleh arus perkembangan teknologi, infokomunikasi dan kepesatan globalisasi di milenia baharu ini.


Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin juga pernah menyatakan harapannya agar Yayasan terus maju dan berkembang dengan gigihnya bagi memenuhi aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Harapan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, Yayasan akan sentiasa mencerminkan sifat keperibadian Baginda sebagai seorang Raja yang prihatin dan penyayang. Bagi mencapai matlamat ini, program dan aktiviti yang bertujuan untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini akan terus menjadi fokus utama Yayasan.

Tahun 2002 menandakan ulang tahun ke-10 Yayasan. Pada tahun tersebut, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Yayasan dan jawatan ini beliau pegang sehingga tahun 2007. Kepentingan Sambutan Ulang Tahun ke-10 penubuhan Yayasan ini tidak terlepas pandang oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Setia Ustaz Haji Badaruddin. Menurut Yang Berhormat Pehin tidak dinafikan, selama tempoh 10 tahun penubuhannya (1992—2002), Yayasan memberikan banyak impak positif dalam aktiviti sosial bagi mencapai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Baginda. Yayasan telah memasuki fasa dekad kedua, dan bersedia untuk menghadapi masa depan yang cerah dan pada masa yang sama menyelongkar dan menjelaki kembali pencapaian masa lalu untuk diperbaiki dan diperkembangkan pada dekad yang akan datang. Menurutnya lagi, Yayasan sudah berdiri teguh dari segi perlombagaan, struktur dan juga pengurusan organisasi yang komprehensif, dan objektif penubuhannya juga sangat relevan dengan Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menjelaskan satu perkembangan baharu telah diusahakan oleh Yayasan pada ketika itu, iaitu untuk mendampingkan diri dan bekerjasama dengan badan-badan dan institusi-institusi sosial lain yang membawa kepada gerakan kesukarelawanan dan penubuhan Unit Sukarelawan Yayasan pada 28 Zulkaedah 1425 bersamaan 9 Januari 2005. Yayasan juga telah mewujudkan hubungan kerjasama dengan beberapa pihak. Pendekatan ini telah memungkinkan kepakaran, ilmu pengetahuan, sumber manusia dan sumber kewangan dikongsi sepenuhnya dengan cara berhemah, berkesan dan mampan yang membawa kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Melihat ke arah masa depan Yayasan ini, Yang Berhormat Pehin berharap pada dekad ketiga yang akan datang, Yayasan dapat menerokai bantuan unik lagi tersendiri yang boleh dilihat sebagai satu *niche* bagi mengukuhkan kewujudannya



Majlis Doa Kesukuran dan Pembacaan 20 Kali Khatam Al-Qur'an Sempena Sambutan Ulang Tahun Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-20 pada 19 Zulkaedah 1433 bersamaan 5 Oktober 2012 di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Bolkiah 'A', Mukim Sungai Kebun, Negara Brunei Darussalam

sebagai organisasi amal yang unggul di negara ini. Yang Berhormat Pehin menekankan untuk mencari ruang-ruang di mana bantuan unik boleh disediakan bagi melengkapkan usaha Kerajaan dalam meningkatkan perkembangan pendidikan, ideologi MIB, menangani isu-isu kemiskinan dan sebagainya dalam semua sektor masyarakat.

Dalam perjalanan ke tahun-tahun akhir dekad kedua, Yayasan diterajui oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengurus Lembaga Pengarah bermula pada Januari 2008. Yang Berhormat Pehin merupakan salah seorang perintis yang telah memegang jawatan Pengarah Urusan sejak Yayasan ditubuhkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar menyatakan adalah penting bagi Yayasan untuk bersiap-siaga menghadapi dekad ketiga dan tidak harus leka akan kejayaan masa lalu. Yayasan harus pintar

membuat perancangan dan bersikap proaktif untuk mengekalkan momentumnya sebagai sebuah organisasi premium dalam memeduli kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini, sekali gus menyokong pembangunan negara melalui pelbagai program yang diusahakannya. Setiap projek dan program yang diusahakan perlu diberikan perhatian sepenuhnya supaya mampu memberi kesan atau impak yang besar kepada rakyat dan penduduk di negara ini. Semasa Majlis Penghargaan Pekerja-Pekerja Yayasan sempena sambutan 20 tahun penubuhan Yayasan, Yang Berhormat Pehin menyeru kepada semua warga kerja Yayasan untuk terus mengekalkan komitmen, dedikasi dan disiplin yang tinggi, serta sentiasa bekerjasama dalam semangat satu pasukan yang merupakan faktor penting dalam mencapai tujuan murni Yayasan.

Melangkah masuk ke dekad ketiga penubuhan Yayasan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah dilantik menjadi Pengurus Lembaga

Pengarah bermula pada Januari 2014. Pastinya cabaran menerajui perjalanan Yayasan pada dekad ketiga ini perlu ditangani dengan proaktif dan bijak. Yayasan perlu bergerak seiring dengan perubahan zaman dan persekitaran yang dinamik. Yang Berhormat Pehin menyatakan masih terdapat ruang yang boleh diperbaiki dan diterokai untuk Yayasan terus berkembang mantap selaras dengan usia dewasanya. Pastinya Yayasan bersedia dengan perancangan strategik yang komprehensif untuk menentukan hala tuju dan wawasan Yayasan pada masa akan datang seiring dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Yayasan menerima Anugerah Kepimpinan bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (RDPE) yang pertama pada 26 Sya'ban 1434 bersamaan 5 Julai 2013 bersempena Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN bagi Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE) ke-8 di Yogyakarta, Republik Indonesia. Pengiktirafan daripada Sekretariat ASEAN ini merupakan satu penghormatan untuk Yayasan atas sumbangannya melaksanakan pelbagai projek meningkatkan dan merangsang sosioekonomi serta kesejahteraan di kalangan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam





Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan mengetengahkan para peserta daripada kelompok-kelompok masyarakat yang berbeza pada setiap tahun. Mereka dikenal pasti dapat memberi kepentingan dalam menjana kesejahteraan masyarakat







Keberangkatan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Al-Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aisyah binti Abdul Rahman ke Kompleks Yayasan pada 25 Syawal 1420 bersamaan 1 Februari 2000

BAB 11

Catatan Lawatan Tetamu Yayasan

Peranan Yayasan dalam mengendalikan beberapa projek dan aktiviti bagi mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk menarik perhatian ramai pengunjung dari dalam dan luar negara sama ada dari peringkat orang-orang kenamaan hingga ke peringkat biasa.



Keberangkatan lawatan kerja Yang Teramat Mulia Puteri Basma Talal, Jordan ke Ibu Pejabat Yayasan pada 17 Safar 1416 / 16 Julai 1995



Lawatan muhibah Yang Amat Berbahagia Tan Sri Datu Seri Pahlawan Haji Sakaran bin Dandai, Ketua Menteri Sabah dan isteri ke Ibu Pejabat Yayasan pada tahun 1994




Para isteri delegasi ASEAN-Australia Forum membuat lawatan ke Rancangan Perumahan Yayasan di Kampong Bolkiah 'A' dan Kampong Bolkiah 'B' pada 8 Safar 1417 / 25 Jun 1996



Lawatan muhibah daripada rombongan Ketua Perkhidmatan Awam Singapura ke Kompleks Yayasan pada tahun 1997



Duli Yang Maha Mulia Tengku Hajah Bahiyah, Sultanah Kedah, Malaysia berangkat melawat ke Kompleks Yayasan pada Oktober 1997



Keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Putera Al-Waleed Talal bin Abdul Aziz Al-Saud ke Kompleks Yayasan pada 20 Zulkaedah 1418 / 19 Mac 1998



Keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Putera Salman bin Abdul Aziz Al-Saud, Amir Gabenor Bandar Raya Riyadh ke Kompleks Yayasan pada 20 Zulhijjah 1418 / 18 April 1998



Kunjungan Puan Daw Kyaing-Kyaing, isteri Pengurus Majlis Keamanan dan Pembangunan Negeri Kesatuan Myanmar ke Kompleks Yayasan pada 28 Zulhijjah 1418 / 26 April 1998



Puan Begum Kalsoom Nawaz Sharif, isteri Perdana Menteri Pakistan berkunjung ke Kompleks Yayasan pada 26 Muarram 1420 / 12 Mei 1999



Puan Yang Terutama Nana Konadu Agyemen Rawlings, Wanita Pertama Republik Ghana melawat ke TASKA pada 17 Safar 1421 / 22 Mei 2000



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berangkat bersama para isteri Ketua-Ketua Ekonomi APEC ke Kompleks Yayasan pada 17 Sya'ban 1421 / 15 November 2000



Kunjungan muhibah Persatuan PUSPANITA Negeri Sabah, Malaysia ke Kompleks Yayasan pada 24 Syawal 1421 / 20 Januari 2001



Yang Amat Berbahagia Datin Hajah Tuan Sabariah binti Tuan Ishak, Isteri Menteri Besar Kelantan, Malaysia melawat ke Kompleks Yayasan pada 30 Zulkaedah 1422 / 13 Februari 2002



Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Nur Zahirah, Permaisuri Negeri Terengganu Darul Iman, Malaysia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ke Kompleks Yayasan pada 8 Sya'ban 1423 / 15 Oktober 2002



Kunjungan para isteri Menteri Kewangan Komanwel ke Perumahan Yayasan Kampong Bolkiah 'A' pada 19 Rejab 1424 / 16 September 2003



Lawatan kerja Yang Di-Pertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia ke Kompleks Yayasan pada 15 Ramadhan 1428 / 27 September 2007



Lawatan Commanding Jeneral Tentera Udara Republik Filipina ke Perumahan Yayasan Kampong Bolkiah 'A' pada 10 Rabiulakhir 1429 / 17 April 2008




Keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Rania Al-Abdullah, Jordan ke TASKA pada 8 Jamadilawal 1429 / 14 Mei 2008



Lawatan kerja Pengerusi Lembaga Amanah Ikhtiar Malaysia ke Kompleks Yayasan pada 13 Muharram 1433 / 9 Disember 2011

Huraian Logo Jubli Perak Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



BAB 12

Imbasan Sambutan Jubli Perak Penubuhan Yayasan



Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Ke-25 Tahun

Sambutan Jubli Perak penubuhan Yayasan disambut dengan penuh kesyukuran dengan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-25 Tahun pada 23 Rabiulakhir 1439 bersamaan 10 Januari 2018 di Dewan Serba Guna, Kompleks Yayasan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.





**Majlis Bertahlil Bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar
‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien dan
Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak
Damit Sempena Ulang Tahun Penubuhan Yayasan
Ke-25 Tahun**

Majlis diadakan pada 24 Rabiulakhir 1439 bersamaan 11 Januari 2018
di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.





Istiadat Perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada 14 Muharram 1439 bersamaan 5 Oktober 2017

BAB 13

Syair Yayasan
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan, Wadah Gemilang Raja Penyayang

Awal pertama membaca Bismillah
Sambil bertahmid Alhamdulillah
Disertai berselawat 'ala Rasulillah
Atas nikmat-Nya tiada terjumliah

Dengan Qudrat Khaliqu Rahmaan
Disertai doa rakyat budiman
Negara Brunei sejahtera dan aman
Kekal berdaulat zaman-berzaman

Pada saat indah terang benderang
Pada suasana hening gilang gemilang
Seluruh wajah ceria dan riang
Meraikan lahirnya Yayasan tersayang

Sempena Jubli Perak Baginda Sultan
Penubuhan Yayasan telah dititahkan
Menyayangi rakyat ia dihasratkan
Kehidupan sejahtera dapat diwujudkan

Yayasan lahir sebagai wadah
'Amal jariah penyeri 'ibadah
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Raja yang adil lagi pemurah

Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Pelopor kejayaan dan kemajuan
Pencetus minda dan pembaharuan
Bitaufeeqillah menuju haluan

Lima Oktober tarikh keramat
Sembilan puluh dua tahunnya tepat
Nama Yayasan sudah terpahat
Mengukir sejarah negara berkat

Sesuku abad Yayasan berkhidmat
Memeduli serta menyayangi rakyat
Tanpa jemu dan merasa penat
Demi menyampaikan niat dan hasrat

Dengan Qudrat iradat Tuhan
Berkat Daulat Baginda Sultan
Yayasan terus memberi perkhidmatan
Seluruh warganya beroleh keberkatan

Lima Oktober tarikh bersejarah
Dalam memori terpahat indah
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mercu pemerintahan Raja pemurah

Sesuku abad penuh cabaran
Telah dilalui dengan kesabaran
Yayasan berjaya mengatasi kesukaran
Ditadbir urus penuh kesedaran

Lahirnya Yayasan sebagai manifestasi
Lambang kasih serta aspirasi
Pencetus semangat serta inspirasi
Warga kerjanya yang berdedikasi

Pengerusi Yayasan pemimpin utama
Lembaga Pengarah berperanan sama
Menggarap polisi bersama-sama
Memastikan Yayasan kekal ternama

Kini Yayasan semakin maju
Institusi gemilang wawasan dituju
Seluruh warganya bergerak laju
Pengarah Urusan sebagai teraju

Bagi merangka pelan strategik
Yayasan menjalankan kaji selidik
Jawatankuasa khas telah dilantik
Bukti Yayasan organisasi dinamik

Membasmi kemiskinan agenda utama
Yayasan turut berperanan sama
Agenzi Kerajaan pun bekerjasama
Prosesnya memakan masa yang lama

Sesuku abad menabur khidmat
Nama Yayasan kukuh terpahat
Institusi yang dekat di hati rakyat
Bukti kasihnya Raja yang berkat

Ayuhai warga yang dihormati
Jasa Yayasan telah terbukti
Memberi khidmat dan juga bakti
Seluruh uskayahnya Allah berkat

Allaahumma Ya Rabbal 'Ezzati
Raja kami mohon dirahmati
'Amalan Baginda mohon diberkati
Yayasan Baginda kekal dihormati

Ayuhai seluruh rakyat tersayang
Hargai budi Raja penyayang
Doakan Yayasan terus cemerlang
Menanai amanah wawasan gemilang

Pada saat gemilang lagi bersejarah
Doa dirafa'kan tangan ditadah
Memohon rahmat perlindungan Allah
Bumi Darussalam dilimpahi barakah

Sebelum menutup syair karangan
Mohon dimaafkan sebarang kekurangan
Syair nan hambar sekadar sumbangan
Sebagai ristaan untuk kenangan

Akhir madahku terimalah ucapan
Selamat berjaya pada masa hadapan
Semoga Yayasan kukuh dan mapan
Sentiasa cemerlang bergemerlap

Semoga Yayasan terus cemerlang
Menyinari kehidupan rakyat tersayang
Menjadi obor terang benderang
Wadah jariah Raja Penyayang

Akhirul kalam dagang berdoa
Kehadzrat Allah Yang Maha Esa
Semoga Yayasan cemerlang sentiasa
Berbakti untuk nusa dan bangsa

Nukilan pena
Ibnu 'abdir-raheem
Baitur-rahmi, Jerudong
Brunei Darussalam.

4 Muharram 1439
25 September 2017

Sidang Editorial

PENASIHAT

Yang Mulia Dato Paduka Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny
Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

AHLI

Yang Mulia Awang Haji Musthapa bin Haji Matahir
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Haji Puasa bin Haji Jumat
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayang Hajah Donnaliza binti Abdullah Puasa
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Dayangku Azami binti Pengiran Haji Ahmad
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Awang Kasyfil Aziz bin Haji Jumat
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yang Mulia Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah
Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Profesor Madya Dr. Awang Haji Asbol bin Haji Mail
Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Dr. Awang Haji Tassim bin Haji Abu Bakar
Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Pengiran Dr. Hajah Siti Norainna binti Pengiran Haji Besar
Universiti Brunei Darussalam

Yang Mulia Dr. Muhammad Hadi bin Abdullah @ Muhammad Melayong

Yang Mulia Dayang Hajah Norsiah binti Haji Abdul Gapar

Penghargaan

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

dan semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama bagi menjayakan penerbitan buku khas

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Teras Kasih dan Ihsan sempena Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-25.

Kredit Foto

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Brunei Press Sdn Bhd





ISBN 978-99917-42-04-5

9 789991 742045

A standard linear barcode is positioned vertically. Below the barcode, the ISBN number '9 789991 742045' is printed in a small, black, sans-serif font.